


TVET **THINK BIG V5** **2021**



<https://kkbdthinkbig.wordpress.com/>

CABARAN TVET PASCA COVID 19



TVET THINK BIG v5 2021



CABARAN TVET PASCA COVID 19

Hak Cipta ©2021 Kolej Komuniti Bandar Darulaman
© Perpustakaan Negara Malaysia

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan ke bentuk lain samaada secara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Kolej Komuniti Bandar Darulaman, Kedah

Perpustakaan Negara Malaysia
Kolej Komuniti Bandar Darulaman, 2021

e ISBN 978-967-16178-5-4

Diterbitkan oleh:
Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan
Kolej Komuniti Bandar Darulaman
Kementerian Pengajian Tinggi
No. 17 Bandar Darulaman Jaya,
06000 Jitra Kedah.

<https://kkbdthinkbig.wordpress.com>

MUTIARA KATA SEINDAH BICARA

Assalamualaikum Warahmatullah.

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan rahmat-Nya maka penulisan *e-book TVET Think Big: CABARAN TVET PASCA COVID19* berjaya dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Tahniah dan syabas kepada semua penulis yang terlibat di atas komitmen padu dalam menjayakan penulisan *e-book* ini. Amalan penulisan di *e-book* ini bukanlah satu bidang yang baharu. Bidang ini telah lama menempa nama dan membuktikan keunggulan ilmu yang dicetuskannya oleh penulis-penulis daripada pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti.

Kandungan *e-book* ini adalah berkaitan Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) secara khusus dan pendidikan secara umum. Penulisan *e-book* ini secara tidak langsung memperlihatkan kesungguhan para pensyarah dalam meningkatkan ilmu dan kajian intelektual sekaligus dapat dikongsikan kepada orang ramai dalam mencambah tradisi keilmuan.

• Adalah diharapkan penulisan seperti ini dapat diteruskan dan ditingkatkan kualitinya dimasa akan datang. Kajian bersifat *empirical* dan juga kaedah baharu perlu diperluaskan cakupan pemahamannya bukan hanya dalam kalangan sarjana tetapi juga orang ramai di dalam komuniti khususnya mereka yang terlibat dalam bidang pendidikan. Oleh itu, adalah diharapkan hasil penulisan *e-book* ini dapat dimanfaatkan sebagai rujukan oleh komuniti setempat, pensyarah dan pelajar tidak kira dimana berada. Justeru itu, saya berharap semua pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti dapat menjadikan penulisan jurnal sebagai satu amalan budaya kerja memandangkan ia adalah satu pelaburan dan perkongsian ilmu yang bermanfaat.

Salmah Binti Haji Ijam
Pengarah
Kolej Komuniti Bandar Darulaman

SIDANG REDAKSI

Pengerusi 1	: Salmah Binti Ijam
Pengerusi 2	: Dr. Haji Abd Latif Bin Ahmad
Penasihat 1	: Ts. Norzeti Binti Zainal
Penasihat 2	: Nurhuda Binti Yusof
Pengarah Program 1	: Rosmawati Binti Dahaman
Pengarah Program 2	: Ts. Norizah Binti Md. Ishak
Ketua Editor	: Shakiroh binti Yaakob
Dokumentasi	: Noraini Binti Mohd Banua
Instruktor Turnitin	: Ahmadi Hamdan Bin Musman
	: Mohd Hayazie Bin Abu Bakar
Editor	
Kategori A	: Ts. Ahmad Sobri bin Ahmad Hudin
	: Mad Rodzi Bin Abas
Kategori C	: Nor Haniza Binti Hashim
Kategori D	: Nor Asmiza Binti Zainudi
	: Khairil Ikhwan Bin Ruslan
Kategori E	: Nurnadiah Binti Abd. Khalid
	: Nur Shakila Binti Rosli
	: Salleh Murshidi Bin Basharudin
	: Zulhana Binti Zulkifle
	: Aida Faizura Binti Amauddin
	: Seri Wati Binti Said
	: Rosnah binti Rahmat
Pembaca Pruf	: Mazuin Binti Staph @ Salleh
	: Maizatul Aqmmam Binti Othman
	: Sharida Binti Johari
	: Nurul Arina Binti Abdull Razak
Cetakan Sijil	: Ainul Bariah Binti Talib
	: Tan Kok Yang
Pereka Grafik & Jurufoto	: Syed Muhammad Zakry Bin Syed Nordin
	: Shahreen Bin Mansor

SENARAI PANEL PENYEMAK

Dr. Rhahimi Binti Jamil

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB)

Dr. Syaiful Baharee Bin Jaafar

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB)

Dr. Rahimah Binti Abd. Rahman

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB)

Dr. Nor Aizam Binti Muhammed Yusof

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB)

Dr. Md. Razak Bin Daud

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB)

Dr. Ros Saidatunnaziah Binti Md. Yusoff

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB)

Dr. Rozakiah Assurin Binti Hassan

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB)

Dr. Rossitah Binti Selamat

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB)

Dr. Iza Sazanita Binti Isa

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang

ISI KANDUNGAN

• ALAT BANTUAN MENGAJAR : INOVASI ALAT PENGGALIAN TANAH UNTUK UJIAN PENGANTIAN PASIR	1
• TEORI KEUSAHAWANAN: SEJAUH MANA PRAKTIKNYA DALAM KALANGAN PELAJAR	12
• SOROTAN LITERATUR BERSISTEMATIK: ISU DAN CABARAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP) OLEH PENSYARAH PROGRAM PELANCONGAN DAN HOSPITALITI SECARA DALAM TALIAN	21
• MENGENALPASTI TAHP KEPUASAN KERJA BAGI PEKERJA BARISAN HADAPAN DI HOTEL SERI MALAYSIA WILAYAH UTARA	29
• CABARAN PANDEMIK COVID-19 KE ARAH PELANCONGAN DIGITAL NEGERI SARAWAK	37
• PENENTUAN KESAN GAM ARAB DAN KARAGENAN KE ATAS KUALITI SENSORI FORMULASI TERPILIH JUS BUAH TROPIKA.....	45
• PERSEPSI PELAJAR KOLEJ KOMUNITI TERHADAP KUALITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA ONLINE.....	55
• PEMBANGUNAN APLIKASI MOBIL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN : AWESOME OOP	66
• PERSEPSI PELAJAR DI KOLEJ KOMUNITI KEMAMAN TERHADAP PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN SECARA ATAS TALIAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)	74
• GAYA KEPIMPINAN PENGARAH DAN PRESTASI KERJA PENSYARAH KOLEJ KOMUNITI	86
• KESEDIAAN PENSYARAH MELAKSANAKAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERASASKAN <i>BLENDED LEARNING</i> DI KOLEJ KOMUNITI PASCA PANDEMIK COVID-19	95
• KEBOLEHPASARAN GRADUAN TVET BAGI TAHUN 2020 DI KOLEJ KOMUNITI AMPANG	103
• KAJIAN TENTANG KEFAHAMAN DAN AMALAN SOLAT JAMAK QASAR DIKALANGAN PELAJAR MUSLIM BAGI PROGRAM SIJIL KENDERAAN RINGAN SESI 2020.....	113
• ELEMEN KESEDARAN SOSIAL DALAM PENGHASILAN VIDEO DAN SKRIP KREATIF BAGI PEMBELAJARAN NORMA BAHRU.....	125
• MANHAJ RABBANI PENDUKUNG PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN INSANI	133
• PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN FAIL ASET	143



KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI



CABARAN TVET PASCA COVID 19

TVET
THINK BIG
v5
2021

**ALAT BANTUAN MENGAJAR : INOVASI ALAT PENGGALIAN TANAH UNTUK UJIAN
PENGGANTIAN PASIR**

Syaiful Nazli Bin Selamat

Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

syaifulnazli@polimas.edu.my

ABSTRAK

Alatan inovasi ini diaplikasikan daripada pemerhatian berdasarkan cara manual yang digunakan di makmal tanah geoteknik iaitu semasa ujian penggantian tanah, sampel tanah akan diambil untuk di uji menggunakan kaedah lama. Masalah bagi alat kaedah persempelan tanah yang sedia ada mengambil masa yang lama untuk dikendalikan dan ketiadaan alat bantu untuk penggalian persempelan tanah. Selain itu, alat ini juga mampu menghasilkan sampel tanah yang berkualiti baik. Seterusnya, iaanya dapat mengurangkan penggunaan tenaga kerja, kos dan masa pengambilan sampel tanah. Objektif projek ini dihasilkan adalah untuk merekabentuk sebuah alat yang berupaya menghasilkan alatan untuk memudahkan proses penggalian sampel tanah untuk ujian makmal dan menguji keberkesanan alat penggalian tanah dari segi operasi kerja. Antara skop kajian yang dijalankan dalam kajian ini adalah, mengfokuskan kepada keberkesanan Alat Penggali Tanah bagi mengetahui tahap kekuatan. Selain itu, alatan ini dispesifikasi untuk kegunaan pelajar mahupun pensyarah untuk ujian penggantian tanah semasa di makmal geoteknik. Bahan bagi projek ini juga perlu mempunyi ciri-ciri khas iaitu tidak mudah karat dan keluli berkabon tinggi supaya tahap ketahanan besi tersebut memasuki tanah terjamin. Berdasarkan keputusan ini, hasil analisa dan perbincangan yang telah dijalankan,dapat dirumuskan bahawa alat penggalian tanah ini telah mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Kata kunci: tanah, geoteknik, sampel, ujian, penggalian

Pengenalan

Alatan datang dalam dua jenis utama, diameter besar dan diameter kecil. Penebalan diameter besar jarang digunakan kerana kebimbangan dan perbelanjaan keselamatan tetapi kadang-kadang digunakan untuk membolehkan ahli geologi atau jurutera melihat dan menguji stratigrafi tanah dan batu secara in-situ dan secara manual. Penebalan diameter kecil sering digunakan untuk membolehkan ahli geologi atau jurutera memeriksa keruntuhan tanah atau batu atau mengambil sampel secara mendalam dengan menggunakan pengukur tanah, dan melaksanakan ujian tanah di tempat. Sampel tanah sering dikategorikan sebagai "terganggu" atau "tidak terganggu" walau bagaimanapun, sampel "tidak terganggu" tidak benar-benar tidak terganggu. Sampel yang terganggu ialah struktur-struktur tanah yang telah diubah suai dengan secukupnya bahawa ujian sifat-sifat struktur tanah tidak akan mewakili keadaan dalam-situ, dan hanya sifat-sifat butiran tanah (contohnya, pengedaran saiz butir, batas atterberg, dan mungkin kandungan air) boleh ditentukan dengan tepat. Sampel yang tidak terganggu adalah keadaan di mana keadaan tanah di dalam sampel adalah cukup dekat dengan keadaan tanah di situ untuk membolehkan ujian sifat-sifat struktur tanah digunakan untuk menghampiri sifat-sifat tanah dalam-situ. (Falcon Soil Technologies, 2014-2017)

Pernyataan Masalah

- i. Alatan kaedah persempelan tanah yang sedia ada mengambil masa yang lama untuk dikendalikan.
- ii. Ketiadaan alat bantu untuk penggalian persempelan tanah.

Objektif/Persoalan Kajian

Kajian ini dilakukan dengan tujuan utama untuk mengkaji beberapa aspek ciri-ciri sesuatu alatan untuk mengambil sampel tanah. Berikut adalah merupakan objektif kajian:

- i. Menghasilkan prototaip inovasi alat bantuan mengajar untuk memudahkan proses penggalian sampel tanah untuk ujian di makmal.
- ii. Menguji keberkesanan prototaip alat bantuan mengajar penggalian tanah dari segi operasi kerja.

Kepentingan Kajian

Alat Penggali Tanah mempunyai banyak manfaat pada masa kini. Antara kepentingannya adalah untuk mendapatkan sampel tanah dalam bahan yang dikonsolidasikan. Selain itu, alat ini juga mampu menghasilkan sampel tanah yang berkualiti baik. Seterusnya, ia dapat mengurangkan penggunaan tenaga kerja, kos dan masa pengambilan sampel tanah. Akhir sekali, kecekapan alat ini akan memudahkan pengendaliannya .

Kajian yang telah disenaraikan di skop kajian diatas berupaya untuk memberi gambaran secara am sifat-sifat Alat Penggali Tanah. Kajian ini boleh menjadi tanda aras dan rujukan kepada mana-mana individu atau pihak yang ingin dan yang telah menggunakan alat ini. Kajian ini juga dapat membantu memudahkan kerja-kerja pengambilan sampel tanah. Dapatan daripada ujikaji ini juga boleh digunakan sebagai dorongan untuk penggunaan alat sedut tanah yang lebih berkesan berbanding dengan alat yang digunakan oleh orang awam.

Skop Kajian

Skop kajian yang dijalankan dalam kajian ini adalah, mengfokuskan kepada keberkesanan Alat Penggali Tanah bagi mengetahui tahap kekuatan. Mengfokuskan kepada sampel tanah yang diambil samada terganggu mahupun tidak terganggu. Selain itu, alatan ini dispesifikasi untuk kegunaan pelajar mahupun pensyarah untuk ujian penggantian pasir semasa di makmal geoteknik. Alatan ini menggunakan keluli karbon tinggi. Justeru itu, alatan ini dapat digunakan dalam tempoh yang lama kerana mempunyai tahap kekuatan yang tinggi . Kos untuk merekacipta alatan ini adalah sangat berpatutan. Data-data keputusan ujian makmal dilakukan dianalisis selaridengan objektif kajian. Perbandingan data-data yang diperolehi daripada setiap sampel diteliti. Perbincangan berdasarkan perbezaan dan hubungan data-data dilaksanakan untuk menghasilkan kesimpulan kajian.

Kajian Literatur

Pemahaman dan penelitian sangat penting bagi mendapat sesuatu maklumat tentang kajian yang ingin dijalankan serta penghasilan sesuatu produk berdasarkan inovasi dan kreativiti. Bahan

yang digunakan dalam pembuatan alatan penggali tanah dan segala sumber melalui internet, buku, nota kuliah, bahan bacaan dan sebagainya sentiasa dirujuk dan dicari.

Alat penggalian tanah merupakan satu bahan yang sangat penting dalam mengklasifikasikan tanah bagi mendirikan sesbuah bangunan. Selain itu, bahan dalam pembuatan Alat Penggali Tanah adalah seperti besi yang sangat kuat dan sesuai digunakan dalam menghasilkan alat ini. Dalam kajian ini, inovasi reka bentuk Alat Penggali Tanah akan dilakukan untuk memudahkan kerja penggalian untuk persampelan tanah.

- **Ujian Penyiasatan Tapak (Site Investigation Work)**

Penyiasatan tapak melibatkan penerokaan permukaan keadaan tanah dan di bawah permukaan. Ia adalah reka bentuk prereduisit fot untuk memastikan struktur atau kerja tanah berjalan lancar dan ekonomik sejauh mungkin. Maklumat untuk penyiasatan tapak mengenai keadaan tanah yang sebenarnya boleh mengakibatkan kerosakan serius terhadap struktur yang akan dibina kemudian. Tujuan utama ujian ini untuk mendapatkan sampel tanah untuk tujuan pengenalpastian dan klasifikasi antara tanah terganggu dan tidak terganggu. (Nazri POLIMAS, 2012)

- **Ujian Penggantian Tanah (Sand Replacement)**

Ketumpatan kering tanah yang dipadatkan atau bahan turapan adalah ukuran umum jumlah pemanjangan yang dicapai semasa pembinaan. Mengetahui kepadatan medan dan kandungan lembapan medan, kepadatan kering dikira. Ujian ketumpatan lapangan adalah pentingnya ujian kawalan medan untuk pemanjangan tanah atau lapisan turapan yang lain. Penentuan kepadatan medan tanah perpaduan tanah tidak mungkin dilakukan dengan kaedah pemotong terus kerana tidak mungkin mendapatkan sampel teras. Dalam keadaan sedemikian, kaedah penggantian pasir digunakan untuk menentukan berat unit. Dalam kaedah penggantian pasir, lubang silinder kecil digali dan berat tanah digali dari lubang diukur. Pasir yang ketumpatan diketahui dipenuhi ke dalam lubang dengan mengukur berat pasir semula yang dijanjikan untuk mengisi lubang dan mengetahui ketumpatannya jumlah jisim dihitung, mengetahui berat tanah




yang digali dari lubang dan jumlah lubang, ketumpatan tanah dikira. (Nazri POLIMAS, 2012)

Metodologi Kajian

Dalam metodologi ini juga akan bermula dengan reka bentuk projek dan diikuti dengan proses kajian. Selain itu, komponen yang terlibat didalam kajian ini akan turut dibincangkan dengan lebih terperinci. Ini merangkumi perbincangan tentang penghasilan Alat Penggali Tanah. Di samping itu, proses penghasilan mengikut langkah demi langkah haruslah diutamakan untuk mendapatkan sesuatu hasil projek yang berkualiti. Penerangan akan diterangkan dalam metodologi kajian ini.

- **Rekabentuk Projek**

Alat Penggali Tanah merupakan satu bahan yang sangat penting dalam mengklasifikasikan tanah bagi mendirikan sesebuah bangunan. Selain itu, bahan dalam pembuatan Alat Penggali Tanah adalah seperti besi yang sangat kuat dan sesuai digunakan dalam menghasilkan alat ini. Dalam kajian ini, inovasi reka bentuk Alat Penggali Tanah akan dilakukan untuk memudahkan kerja penggalian untuk persampelan tanah. Projek ini direka bentuk berdasarkan pemerhatian yang dilakukan dalam mengenalpasti keberkesanan dari segi penjimatan kos dan ruang. Rajah 1, Rajah 2 Dan Rajah 3 menunjukkan rekabentuk projek secara gambarajah.



Rajah 1: Pandangan Hadapan

Rajah 2: Pandangan Sisi

Rajah 3: Pandangan Atas

- **Pembangunan Projek**

Pembangunan dijalankan dengan mengenal pasti bahan-bahan yang diperlukan untuk menghasilkan alat. Setelah itu proses membina prototaip dengan mengambil kira rekabentuk yang lebih praktikal dan memudahkan pengguna. Seterusnya prototaip tersebut di buat ujikaji dan hasil ujikaji tersebut di analisa.

- **Pengujian Projek**

Ujikaji yang telah dijalankan bertujuan untuk mendapatkan keberkesanan dari segi kemudahan bagi mengurangkan masa dan tenaga pelajar ketika melakukan kerja-kerja amali. Antara perbezaan menggunakan alat sedia ada dan Alat Penggali Tanah ini dapat memenuhi objektif iaitu menghasilkan alat yang memudahkan proses penggalian sampel tanah dan menguji keberkesanan Alat Penggali Tanah dari segi operasi. Objektif dapat dicapai dengan menguji Alat Penggali Tanah ketika ia digunakan di makmal sewaktu amali dijalankan.


Kaedah Analisa Data

Kajian berbentuk soal selidik adalah satu bentuk kajian yang popular digunakan dalam kalangan penyelidik kerana soal selidik boleh merangkumi bidang yang luas dan boleh dirangka dengan mudah. Melalui soal selidik maklumat berhubung dengan responden boleh dirahsiakan. Ini membolehkan responden menjawab soalan berkenaan dengan selesa tanpa rasa risau atau bimbang. Soalan soal selidik terbahagi kepada dua bahagian, bahagian pertama mengenai latar belakang responden. Manakala bahagian kedua mengenai bentuk soalan yang dikemukakan dalam soal selidik ini adalah soalan tertutup. Jenis soalan ini mudah untuk dianalisis dan menyenangkan responden untuk memberikan jawapan kerana responden hanya dikehendaki memilih satu dari beberapa jawapan yang diberikan. Proses soal selidik dijalankan dengan penerangan ringkas daripada penulis, tujuan soal selidik dilakukan dan menyatakan bahawa segala maklumat peribadi adalah dirahsiakan. Soalan ini bukanlah ujian dan tidak terdapat jawapan benar atau salah. Responden diberi masa untuk menjawab. Soalan soal selidik lebih tertumpu untuk mendapatkan data tentang pendapat atau pandangan mereka dalam mengenal pasti kegunaan Alat Penggali Tanah dalam makmal geoteknik.

- **Analisa Data**

Analisa data merupakan kaedah-kaedah atau tatacara yang digunakan bagi mendapatkan nilai-nilai untuk kajian ini. Ujikaji yang telah dijalankan bertujuan untuk mendapatkan keberkesanan dari segi kemudahan bagi mengurangkan masa dan tenaga pelajar ketika melakukan kerja-kerja amali. Antara perbezaan menggunakan alat sedia ada dan Alat Penggalian Tanah ini dapat memenuhi objektif iaitu menghasilkan alat yang memudahkan proses penggalian sampel tanah dan menguji keberkesanan Alat Penggalian Tanah dari segi operasi. Objektif dapat dicapai dengan menguji Alat Penggali Tanah ketika ia digunakan di makmal sewaktu amali dijalankan.

Hasil daripada soal selidik yang telah dijalankan seramai 30 orang responden yang diwakili oleh 16 orang pelajar perempuan, 9 pelajar lelaki dan 5 orang pensyarah telah mengambil bahagian untuk menjawab soal selidik ini.




Rajah 4 : Demografi Responden-Responden.

Hasil dari kajian yang kami dapati, 100 % orang responden berkata YA kepada soalan itu kerana alat ini membantu dari segi mendapatkan ketepatan diameter yang tepat iaitu 10cm berbanding alat sedia ada.




Rajah 5 : Rekabentuk Alat Penggalian Tanah Dari Segi Ketepatan Diameter Berbanding Alat Sedia Ada

Hasil dari kajian yang kami dapati, 100% responden berkata YA kepada soalan itu kerana alat ini membantu dari segi mendapatkan ketepatan kedalaman yang tepat iaitu 15cm berbanding alat sedia ada kerana alat yang direka adalah untuk memudahkan kerja kerja pengambilan tanah dan mendapatkan kedalaman yang tepat seperti yang dikehendaki.




Rajah 6 : Rekabentuk Alat Penggali Tanah Dari Segi Ketepatan Kedalaman Tanah Yang Diperlukan.

Hasil dari kajian yang kami dapati, 100% berkata YA kepada soalan itu kerana hasil daripada ujian yang dijalankan, Alat Penggali Tanah ini hanya mengambil masa 5 minit manakali alat sedia ada mengambil masa 10-15 minit untuk disiapkan.



Rajah 7 : Alat Penggali Tanah Dari Segi Menjimatkan Masa.

Hasil dari kajian yang kami dapati, 100% berkata YA kepada soalan itu kerana hasil daripada ujian yang dijalankan, Alat Penggali Tanah ini dapat berfungsi dengan baik untuk mendapatkan sampel tanah.



Rajah 8 : Alat Penggalian Tanah Dapat Mencapai Tahap Kebolehkerjaan Mengambil Sampel Tanah.

Perbincangan

Daripada kajian yang telah dijalankan, didapati ada beberapa faktor yang perludipertimbangkan dalam mereka bentuk Alat Penggalian Tanah ini. Antaranya ialah faktor-faktor rekabentuk, teknikal dan mesra pengguna untuk memenuhi tuntutan pengguna. Dengan pelaksanaan kajian ini, ada manfaatnya kepada para pelajar dan pensyarah yang mengambil sampel tanah bertujuan untuk menjalani Ujian Penggantian Pasir. Di samping itu, ia juga dapat membantu para pelajar dan pensyarah mengurangkan masa mereka menggunakan alat ini berbanding kaedah lama yang mengambil masa 15 minit untuk siap. Dalam projek ini banyak perkara penting telah dipelajari. Antaranya adalah semangat kerjasama antara anggota kumpulan dan toleransi bersama antara ahli kumpulan.

Alat Penggalian Tanah bertujuan untuk memudahkan para pelajar dan pensyarah menggunakaninya di persekitaran makmal geoteknik. Apabila Alat Penggalian Tanah siap dibina, kemudahan untuk para pelajar dan pensyarah menggunakaninya semasa sesi pembelajaran akan lebih mudah dan tidak perlu lagi menggunakan kaedah lama iaitu menggunakan alatan menggali seperti cangkul dan penukul. Setiap orang mestilah memiliki sesuatu produk yang baik dan

berkualiti. Oleh itu, kita mestilah kreatif dan inovatif dalam menghasilkan sesuatu produk. Justeru itu, secara tidak langsung kita dapat memuaskan hati semua para pengguna. Produk yang baik juga bergantung pada cara pembuatan dan bahan yang baik.

Kesimpulan

Beberapa implikasi yang dapat diketengahkan yang mencakupi implikasi kepada pelajar, dan pensyarah Kejuruteraan Awam. Kajian ini memberikan petunjuk yang jelas bahawa penggunaan alatan yang telah diubah suai dapat membantu pelajar untuk mendapatkan sampel tanah yang tepat dan mudah mengikut spesifikasi kerja di makmal tanah untuk menjalankan ujian penggantian pasir. Perbezaan masa bagi kedua-dua alat ini berkenaan jelas menunjukkan perbezaan yang signifikan. Serentak dengan pengambilan sampel tanah yang lebih tepat dari segi diameter dan kedalaman ke dalam tanah yang lebih baik dalam ujian menggunakan alat yang diubah suai, analisis yang menunjukkan peratusan persetujuan dari semua pihak pelajar dan pensyarah amat memberi impak positif untuk menghasilkan alat ini. Keadaan ini menggambarkan pencapaian disebabkan faktor pelajar sendiri yang lebih memahami dan mempraktikkan cara penggunaan alat tersebut berbanding alat yang sedia ada yang mengambil masa lama untuk pengambilan sampel tanah. Kaedah pembelajaran dalam kelas juga dapat berjalan dengan lancar kerana pelajar faham untuk menggunakan alat ini.

Rujukan

- Bujang k, Shmad & Shukri. (1991). *Pengenalan mekanik tanah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- British Standard Institution. (1990). *Soils for civil engineering purposes*. London: BS1377
- BS1377: Part 4:(1990). *British Standard Method of Test For Soil For Civil Engineering Purposes*.British Standards Institution.
- BS1377: Part 9:(1990). *British Standard Method of Test For Soil For Civil Engineering Purposes*.British Standards Institution.

Falcon Soil Technologies. (2014-2017). *History and Future of Soil Sampling Probe Falcon SoilTechnologies.*


Nazri POLIMAS. (2012). *Laporan Makmal Kejuruteraan Geoteknik Dan Jalanraya.*

Khadijah Salleh. (2016). *Jenis-jenis tanah pertanian-myagri.com.mymyagri.com.my*



AKAUNTANSI, PERDAGANGAN, EKONOMI,

KEWANGAN DAN KEUSAHAWANAN



CABARAN TVET PASCA COVID 19

TVET
THINKBIG v5
2021

TEORI KEUSAHAWANAN: SEJAUH MANA PRAKTIKALNYA DALAM KALANGAN PELAJAR

Saima Saleng¹, Aishah Abdul Ghapar²

Politeknik Kota Kinabalu

saima@polikk.edu.my¹, aishah_ghapar@polikk.edu.my²

ABSTRAK

Sejak kebelakangan ini pendidikan keusahawanan telah menjadi perhatian banyak Institusi Pengajian Tinggi. Banyak perkara yang diterangkan seperti kepentingan, kelebihan, teori dan juga galakan untuk menjadi usahawan. Namun begitu, sejauh mana pembelajaran berkaitan keusahawanan telah mendorong pelajar untuk menjadi usahawan secara praktikalnya. Justeru itu kajian dijalankan untuk menilai sejauh mana tahap aplikasi teori keusahawanan dalam kalangan pelajar di Politeknik Kota Kinabalu, Sabah. Sampel kajian adalah terdiri daripada 142 orang pelajar diploma sepenuh masa telah dipilih daripada pelbagai jabatan di Politeknik Kota Kinabalu menggunakan pensampelan mudah. Instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data adalah dengan menggunakan borang selidik. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa ramai pelajar telah menjadikan keusahawanan sebagai topik perbincangan harian. Dapatan kajian ini akan membantu pembuat dasar, ahli akademik, pensyarah keusahawanan dalam membentuk pendidikan keusahawanan dalam sistem pendidikan tinggi yang lebih sistematik, lebih-lebih lagi dalam situasi pandemik Covid-19.

Kata kunci: Pendidikan keusahawanan, praktikal keusahawanan, pelajar Politeknik

Pengenalan

Institusi Pengajian Tinggi seperti kolej dan universiti telah menyedari nilai pendidikan keusahawanan adalah satu perkara yang penting sebagai kerjaya (Nasharudin & Harun, 2010) dan usaha untuk mempromosikan pembangunan peribadi pelajar melalui program pendidikan keusahawanan. Kepentingan mempelajari teori-teori keusahawanan di institusi pendidikan telah dibincangkan dalam banyak kajian (Leffler, 2009; Barba-Sánchez et al, 2016; Oosterbeek, Van Praag dan IJsselstein, 2010). Pendidikan keusahawanan akan membantu pelajar dari semua latar belakang sosioekonomi untuk berfikir di luar kotak dan memupuk bakat dan kemahiran yang tinggi. Ini akan mewujudkan peluang, memastikan keadilan sosial, menanamkan keyakinan dan merangsang ekonomi. Pendidikan keusahawanan adalah proses pembelajaran sepanjang hayat, bermula seawal sekolah dasar dan maju melalui semua peringkat pendidikan, termasuk pendidikan orang dewasa. Selain itu, dengan memperkenalkan keusahawanan kepada pelajar akan mengembangkan inisiatif mereka dan membantu mereka untuk menjadi lebih kreatif dan yakin pada apa sahaja yang mereka lakukan dan bertindak dengan cara yang bertanggungjawab secara sosial.

Pendidikan keusahawanan merupakan keseluruhan kegiatan pendidikan dan latihan sama ada sistem pendidikan atau sistem bukan pendidikan yang berusaha mengembangkan niat keusahawanan peserta atau beberapa faktor yang mempengaruhi niat, seperti pengetahuan, keinginan, dan kelayakan aktiviti keusahawanan (Linan, 2004). Program pendidikan keusahawanan yang dicetuskan oleh Harvard Business School pada tahun 1954 telah mendapat perhatian di seluruh dunia untuk membuat kajian berkaitan dengan keusahawanan (Mwasalwiba, 2010). Pendidikan mengenai teori keusahawanan akan membawa kepada pemahaman yang lebih besar mengenai tingkah laku keusahawanan yang dipamerkan oleh usahawan yang berbeza. Selain itu, menurut Li dan Wu (2019), pendidikan keusahawanan yang dipelajari juga dapat menambahkan lagi kemahiran peribadi seseorang. Berdasarkan kepada perbincangan di atas, objektif kajian ini adalah untuk menilai sejauh mana tahap aplikasi teori keusahawanan dalam kalangan pelajar di Politeknik Kota Kinabalu, Sabah. Dapatkan akan dapat

membantu Politeknik Kota Kinabalu untuk menilai semula kurikulum berkaitan dengan kursus keusahawanan yang ditawarkan kepada pelajar.

Sorotan Kajian

Pendidikan keusahawanan dipercayai dapat memberi pemahaman kepada para pelajar mengenai konsep-konsep keusahawanan, latihan keusahawanan (Mani, 2018) dan memotivasi mereka untuk terlibat dalam kegiatan keusahawanan pada masa akan datang (Hsu, Shinnar & Powell, 2014). Penyelidikan yang dilakukan oleh Mani (2018) mendapati bahawa para pelajar sangat berminat untuk memulakan perniagaan mereka sendiri. Mereka menganggap bahawa kemahiran membuat keputusan, keupayaan mengambil risiko, kreativiti, kemahiran komunikasi dan kemampuan untuk menyiapkan rancangan perniagaan adalah kemahiran yang paling penting bagi seorang usahawan yang berjaya. Mereka merasa terdorong untuk memulakan perniagaan mereka sendiri kerana faktor intrinsik seperti menjadi bos mereka sendiri, mengejar impian mereka. Namun begitu, kekurangan pengalaman dan kekurangan dana adalah faktor yang paling menghalang seperti menjadi bos mereka sendiri, mengejar impian mereka.

Keperluan pendidikan keusahawanan telah banyak dibincangkan dalam banyak kajian (Lee et al. 2005; Henry et al, 2005; Arogundade, 2011). Walau bagaimanapun masih terdapat perdebatan mengenai bagaimana pendidikan harus diberikan, bagaimana kesan pendidikan keusahawanan kepada pelajar. Terdapat perdebatan mengenai peranan universiti dan sekolah perniagaan dalam sumbangannya dalam pendidikan keusahawanan (Kirby, 2004). Menurut pandangan Mani (2018), sistem pendidikan tradisional tidak mempromosikan sifat dan kemahiran yang diperlukan untuk melahirkan usahawan. Sistem pendidikan tradisional hanya mengajar pelajar bagaimana menjadi pekerja yang baik dan bukannya usahawan yang berjaya (Solomon, 1989). Menurut Ahmad (2013), pendidikan keusahawanan telah dikaji secara menyeluruh. Ini bermanfaat bagi pendidik dan pembuat dasar yang terlibat dalam menetapkan program pendidikan keusahawanan. Justeru keberkesanan pendidikan keusahawanan seperti teori yang diajar di

dalam kelas perlu kepada kajian untuk melihat implikasinya kepada dorongan untuk menjadi usahawan.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang dijalankan dalam bentuk tinjauan. Responden yang dipilih dalam kajian ini adalah pelajar Politeknik Kota Kinabalu, Sabah. Seramai 142 orang pelajar diploma sepenuh masa yang terdiri daripada 38 orang lelaki dan 104 orang perempuan telah dipilih daripada Jabatan Perdagangan, Jabatan Kejuruteraan Awam, Mekanikal, Elektrik serta Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti menggunakan pensampelan mudah. Instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data adalah dengan menggunakan borang selidik. Item-item soal selidik dalam kajian ini adalah adaptasi dari kajian Nenzhelele, Moraka dan More (2016). Semua item diukur pada skala Likert 4-poin di mana 1: jarang-jarang; 2: kadang-kadang; 3: kerap kali; 4: tidak pernah.

Hasil Kajian

- Analisis demografi**

Jadual 1 menunjukkan bahawa latar belakang responden. Sampel terdiri daripada 38 lelaki dan 104 perempuan. Manakala 87 pelajar terdiri daripada tahun 3 pengajian dan hanya 14 pelajar daripada tahun 1. Majoriti responden adalah daripada keluarga yang tidak berkemampuan iaitu sebanyak 90.1 %. Berdasarkan kepada data ini, sebanyak 14.1 % mempunyai perniagaan sendiri, manakala 21.1 % keluarga responden mempunyai perniagaan sendiri.

Jadual 1: Latar belakang responden

	Item	N	%
Jantina	Lelaki	38	26.8
	Perempuan	104	73.2
Tahun pengajian	1	14	9.9
	2	87	61.3
	3	41	28.9

Pendapatan ibu bapa	RM1000 - RM4849	128	90.1
	RM4850 - RM10959	13	9.2
	RM10960 dan ke atas	1	0.7
HPNM	2.00 - 2.99	5	3.5
	3.00 - 3.33	34	23.9
	3.43 - 3.67	53	37.3
	3.68 - 4.00	50	35.2
Mempunya perniagaan sendiri	Tidak	122	85.9
	Ya	20	14.1
Keluarga anda mempunyai perniagaan sendiri	Tidak	112	78.9
	Ya	30	21.1

- **Analisis item kajian**

Jadual 2 menunjukkan praktikal keusahawanan kepada pelajar kesan daripada hasil pembelajaran teori keusahawanan sepanjang pengajian. Hasil dapatan yang perlu ditunjukkan di sini iaitu skala 3 iaitu sangat kerap bagi semua item. Item 1 iaitu hanya 2.8% kerap membaca buku berkaitan keusahawanan; item 2 dan item 3 masing-masing hanya 20.4 % dan 9.9 % pelajar kerap menerangkan kepada keluarga bahawa pelajar tidak ingin bekerja makan gaji. Sementara itu kedua item 4 dan item 7 memperoleh skor 15.5 % sahaja pelajar telah kerap mencuba memulakan sesuatu perniagaan dan kerap cuba membentuk kumpulan untuk memulakan sesuatu perniagaan, manakala 25.4 % pelajar kerap memberi galakan kepada ahli keluarga atau sahabat anda untuk menjadi usahawan. Untuk pelajar yang bersungguh-sungguh untuk menjadi keusahawanan, mereka akan menjalankan tinjauan kos dan modal. Berdasarkan kepada hasil analisis ini, sebanyak 19 % sahaja pelajar kerap membuat anggaran berapa modal yang perlukan untuk membina satu rangkaian perniagaan dan membuat pemasaran.

Jadual 2: Praktikal keusahawanan kepada pelajar kesan daripada hasil pembelajaran teori keusahawanan sepanjang pengajian

Item	Kekerapan ¹	N	%
1. Kerap membaca buku berkaitan keusahawanan	1	66	46.5
	2	54	38.0
	3	4	2.8
	4	18	12.7
2. Pernah menerangkan kepada keluarga bahawa pelajar tidak ingin bekerja makan gaji.	1	26	18.3
	2	42	29.6
	3	29	20.4
	4	45	31.7
3. Pernah terangkan kepada keluarga bahawa pelajar tidak ingin bekerja dengan mana-mana jabatan kerajaan atau syarikat selepas tamat belajar nanti.	1	32	22.5
	2	19	13.4
	3	14	9.9
	4	77	54.2
4. Telah cuba memulakan sesuatu perniagaan	1	36	25.4
	2	41	28.9
	3	22	15.5
	4	43	30.3
5. Pernah memberi galakan kepada ahli keluarga atau sahabat anda untuk menjadi usahawan	1	22	15.5
	2	68	47.9
	3	36	25.4
	4	16	11.3

6. Kerap berbincang mengenai perniagaan di luar kelas.	1	62	43.7
	2	44	31.0
	3	27	19.0
	4	9	6.3
7. Pernah cuba membentuk kumpulan untuk memulakan sesuatu perniagaan.	1	49	34.5
	2	38	26.8
	3	22	15.5
	4	33	23.2
8. Pernah membuat anggaran berapa modal yang anda perlukan untuk membina satu rangkaian perniagaan dan membuat pemasaran.	1	39	27.5
	2	45	31.7
	3	29	20.4
	4	29	20.4
9. Pernah berbincang dengan seseorang untuk menjadi usahawan	1	41	28.9
	2	52	36.6
	3	27	19.0
	4	22	15.5

¹nota: 1: jarang-jarang; 2: kadang-kadang; 3: kerap kali; 4: tidak pernah

Perbincangan Dan Kesimpulan

Kajian ini dijalankan untuk menilai sejauh mana pelajar pendidikan keusahawanan seperti teori keusahawanan mendorong pelajar untuk terlibat dalam keusahawanan. Kajian ini dilakukan terhadap pelajar Politeknik Kota Kinabalu yang telah didedahkan dengan program-program keusahawanan bermula dari semester pertama. Data primer dari pelajar telah dikumpulkan melalui soal selidik yang dirancang dengan baik dan telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif mendapatkan bahawa ramai pelajar yang sangat berminat untuk memulakan perniagaan mereka sendiri dan mereka ramai juga daripada kalangan mereka telah mencuba untuk

membuka perniagaan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 item 4 iaitu hanya sebanyak 30.3% sahaja pelajar yang tidak pernah mencuba untuk membuka perniagaan. Dapatan ini menunjukkan bahawa program-program keusahawanan yang kerap dijalankan di Politeknik telah mendorong mereka untuk memulakan perniagaan mereka sendiri kerana faktor intrinsik seperti menjadi bos mereka sendiri, mengejar impian mereka dan membuat keputusan secara bebas seperti yang dijelaskan dalam item 2 dan 3 iaitu mereka pernah menerangkan kepada keluarga bahawa mereka tidak ingin bekerja makan gaji dan tidak ingin bekerja dengan mana-mana jabatan kerajaan atau syarikat selepas tamat belajar nanti. Penemuan kajian ini mungkin sangat berguna bagi pembuat dasar, ahli akademik, pensyarah keusahawanan dalam membentuk pendidikan keusahawanan dalam sistem pendidikan tinggi yang lebih sistematik, lebih-lebih lagi dalam situasi pandemik Covid-19.

Rujukan

- Ahmad, S. Z. (2013). The need for inclusion of entrepreneurship education in Malaysia lower and higher learning institutions. *Education+ Training*.
- Arogundade, B. B. (2011). Entrepreneurship education: An imperative for sustainable development in Nigeria. *Journal of emerging trends in educational research and policy studies*, 2(1), 26-29.
- Barba-Sánchez, V., & Atienza-Sahuquillo, C. (2016). The development of entrepreneurship at school: the Spanish experience. *Education+ Training*.
- Henry, C., Hill, F., & Leitch, C. (2005). Entrepreneurship education and training: can entrepreneurship be taught? Part I. *Education+ Training*.
- Hsu, D. K., Shinnar, R. S., & Powell, B. C. (2014). Expectancy theory and entrepreneurial motivation: A longitudinal examination of the role of entrepreneurship education. *Journal of Business and Entrepreneurship*, 26(1), 121-140.
- Kirby, D. A. (2004). Entrepreneurship education: can business schools meet the challenge?. *Education+ training*.

- Lee, S. M., Chang, D., & Lim, S. B. (2005). Impact of entrepreneurship education: A comparative study of the US and Korea. *The international entrepreneurship and management journal*, 1(1), 27-43.
- Li, L., & Wu, D. (2019). Entrepreneurial education and students' entrepreneurial intention: does team cooperation matter?. *Journal of Global Entrepreneurship Research*, 9(1), 1-13.
- Liñán, F. (2004). Intention-based models of entrepreneurship education. *Piccolla Impresa/Small Business*, 3(1), 11-35.
- Mani, M. (2018). Entrepreneurship Education: A Students' Perspective. In *Business Education and Ethics: Concepts, Methodologies, Tools, and Applications* (pp. 526-540). IGI Global.
- Mwasalwiba, E. S. (2010). Entrepreneurship education: a review of its objectives, teaching methods, and impact indicators. *Education+ training*.
- Nasharudin, N., & Harun, H. (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Malaysian Journal of Education* (0126-6020), 35(1).
- Nenzhelele, T. E., Moraka, N. V., & More, K. K. (2016). The impact of practical entrepreneurship project on future entrepreneurial intentions. *Problems and perspectives in management*, (14, Iss. 4), 67-75.
- Oosterbeek, H., Van Praag, M., & Ijsselstein, A. (2010). The impact of entrepreneurship education on entrepreneurship skills and motivation. *European economic review*, 54(3), 442-454.
- Solomon, G. (1989). Youth: Tomorrow's entrepreneurs. *ICSB Bulletin*, 26(5), 1-2.



HOSPITALITI, PELANCONGAN, FESYEN DAN TEKNOLOGI MAKANAN



CABARAN TVET PASCA COVID 19

TVET
THINKBIG
v5
2021

**SOROTAN LITERATUR BERSISTEMATIK: ISU DAN CABARAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP) OLEH PENSYARAH PROGRAM PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
SECARA DALAM TALIAN**

Mohd Hussin Bin Misri¹, Hafiz Bin A Rahman²

Kolej Komuniti Betong, Sarawak

ppptspl4@kkbetong.edu.my¹, hafiz@kkbetong.edu.my²

ABSTRAK

Pandemik Covid-19 telah mengubah landskap pendidikan tinggi daripada sistem pengajaran dan pembelajaran secara '*brick and mortar*' atau tradisional kepada pembelajaran secara maya. Pendidikan bagi program pelancongan dan hospitaliti juga turut dilaksanakan secara maya bagi mengelakkan penularan berterusan virus Covid-19. Oleh itu, kajian sistematik ini dijalankan bagi menganalisa isu dan cabaran yang dilalui oleh pensyarah semasa mengajar pelajar dari program pelancongan dan hospitaliti. Pencarian artikel dibuat secara dalam talian sepenuhnya bermula daripada pangkalan data analisis jurnal *ScienceDirect* dan *Scopus* yang dirujuk dari tahun 2017 sehingga tahun 2021. Dengan menggunakan model PRISMA, sebanyak 221 artikel yang menggunakan kata kunci isu dan cabaran, pendidikan pelancongan dan hospitaliti serta pengajaran dalam talian telah ditemui. Walau bagaimanapun, hanya satu artikel sahaja yang dikenalpasti memenuhi syarat dan diterima dalam kajian ini. Dapatan kajian ini ialah menghimpunkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh pensyarah ketika mengajar program pelancongan dan hospitaliti secara dalam talian. Dapatan ini dapat membantu pihak institusi dalam merangka pelan mitigasi supaya pembelajaran dalam talian dapat dioptimumkan sepenuhnya dan memberi manfaat kepada semua pelajar program pelancongan dan hospitaliti.

Kata Kunci: sorotan literatur, pengajaran dan pembelajaran, hospitaliti dan pelancongan, dalam talian

Pengenalan

Pandemik Covid-19 telah mendorong perubahan drastik dalam sistem pendidikan termasuk penutupan segera institusi pendidikan negara (Shah et al. 2020). Bermula 1 Mei 2020, pihak kerajaan telah melonggarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan mengarahkan pelajar pulang ke rumah masing-masing serta meneruskan pembelajaran secara dalam talian (Bernama, 2020). Walaupun ianya merupakan pilihan yang terbaik bagi membendung penularan Covid-19, perubahan ini telah menyaksikan pelajar dan pensyarah tidak bersedia untuk beralih kepada pembelajaran secara dalam talian sepenuhnya (Coman et al. 2020). Daripada aspek teknikal, cabaran yang timbul disebabkan oleh akses internet yang terhad (Berita Harian, 2020). Penyelidik melihat permasalahan ini dari sudut pelaksanaan program-program berkaitan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) terutamanya bagi program pelancongan dan hospitaliti. TVET memberi penekanan kepada aspek latihan kemahiran (Abu Karim, 2018). Walaubagaimanapun, melalui pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian, aspek latihan kemahiran tidak dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Pensyarah memberi lebih banyak maklumat dan pendedahan terhadap akademik berdasarkan teori.

Pernyataan Masalah

Pelancongan dan hospitaliti merupakan sektor berorientasikan perkhidmatan (Çınar, 2020). Perkhidmatan yang ditawarkan dalam sektor pelancongan dan hospitaliti merupakan perkhidmatan yang melibatkan interaksi secara bersemuka antara pelanggan dan juga penyedia perkhidmatan. Oleh itu, bagi memastikan pelajar-pelajar program pelancongan dan hospitaliti dapat menyampaikan sesuatu perkhidmatan dengan baik, aktiviti praktikal sepanjang sesi perkuliahan perlu dilaksanakan. Dalam erti kata mudah, pelaksanaan teori dan praktikal perlulah seiring (Riyad and Pramana, 2020). Apabila kebanyakan pengajaran dilakukan dari rumah, sedikit yang diketahui tentang isu dan cabaran yang dihadapi oleh pensyarah dalam memastikan PdP dapat dilaksanakan dengan baik (Malik, 2020). Justeru, penerokaan terhadap isu dan cabaran bagi pensyarah program pelancongan dan hospitaliti dalam bidang PdP dijalankan bagi melihat cabaran yang dihadapi oleh golongan pendidik ini. Kajian dilakukan bagi membantu pihak

berwajib untuk mengatasi masalah ini seterusnya melakukan penambahbaikan khususnya dalam membina kualiti pensyarah program pelancongan dan hospitaliti di Malaysia.

Persoalan Kajian

RQ 1: Apakah isu dan cabaran pensyarah semasa mengajar pelajar dari program pelancongan dan hospitaliti secara dalam talian?

Tinjauan Literatur


Program pelancongan dan hospitaliti di peringkat pengajian tinggi telah bermula di Malaysia sejak tahun 1967 lagi apabila Institut Teknologi Mara (ITM) pada waktu itu telah menawarkan program diploma dan vokasional dalam bidang pelancongan (Thitthongkam, 2011). Program pengajian tersebut telah berkembang dan sehingga kini turut menawarkan pengajian pasca siswazah dalam bidang pelancongan dan hospitaliti. Di Malaysia, perkembangan institusi pendidikan yang menawarkan program pelancongan dan hospitaliti telah berkembang signifikan dengan pembangunan industri pelancongan negara (Goldsmith and Zahari, 1994). Bidang pelancongan dan hospitaliti merupakan bidang yang melibatkan aplikasi menggabungkan pengetahuan dan latihan amali secara praktikal. Oleh itu, PdP perlu mengaplikasikan pelbagai kaedah bukan sahaja aktiviti PdP di bilik kuliah, tetapi perlu melibatkan aktiviti amali di luar bilik kuliah (O'Connor, 2021). Pelbagai kemahiran akan dipelajari oleh pelajar-pelajar pelancongan dan hospitaliti, antaranya kemahiran berenang bagi pelajar-pelajar dari kolej komuniti dan politeknik yang menyediakan kursus berkaitan rekreasi. Kursus seperti ini tidak boleh dilaksanakan secara teori sahaja. Aktiviti praktikal perlu dilaksanakan supaya pelajar-pelajar benar-benar dapat mengaplikasikannya (Riyad and Pramana, 2020). Teori pembelajaran melalui pengalaman yang dicadangkan oleh Kolb merupakan antara strategi yang paling berpengaruh dan beliau mencadangkan pembelajaran melalui pengalaman ini dilaksanakan (Kolb and Kolb, 2012). Melalui teori pembelajaran ini, pelajar akan bersama-sama melaksanakan (praktikal) sesuatu PdP itu untuk mendapatkan kemahiran yang dikehendaki.

Metodologi

Penyelidik mengadaptasi cadangan (Petticrew and Roberts, 2006) bagi sorotan literatur bersistematis ini bagi menganalisis sumber-sumber yang berkaitan dengan isu dan cabaran pengajaran program pelancongan dan hospitaliti daripada jurnal yang diterbitkan dari tahun 2017 sehingga tahun 2021. Pemerhatian, penilaian dan pemilihan artikel dilakukan berdasarkan kata kunci yang dicari. Selepas penyelidik mengumpulkan artikel isu dan cabaran yang berkualiti, langkah seterusnya ialah membentuk persoalan kajian.

Langkah pertama yang dilakukan dalam mencari artikel sorotan literatur untuk pengajaran program pelancongan dan hospitaliti ialah dengan mengakses artikel daripada pangkalan data *ScienceDirect* dan *Scopus*. Pengkaji telah menggunakan kata kunci “*online teaching*” dan “*tourism hospitality education*” untuk mengenalpasti item yang berkaitan bermula dari tahun 1998 sehingga tahun 2021. Terdapat lebih daripada 787 item hasil carian berkaitan dan skop carian diperkecilkkan dengan melakukan saringan item yang berkaitan bagi tempoh 5 tahun terkini iaitu bermula dari tahun 2017 sehingga 2021. Hasil carian menunjukkan terdapat 351 item yang berkaitan.

Seterusnya, penyelidik melakukan tapisan di dua pangkalan data tersebut dengan menggunakan kata kunci “*online teaching*” AND “*tourism hospitality education*” AND “*issues challenges*” dari kategori artikel penyelidikan sahaja. Dari carian ini, terdapat 221 item yang berkaitan dan hanya 17 artikel sahaja boleh diakses. Artikel yang dianggap tidak relevan iaitu artikel yang tidak berkaitan dengan topik dan tidak membincangkan mengenai isu dan cabaran juga dikeluarkan. Selepas proses saringan dijalankan, hanya terdapat satu artikel sahaja yang berkaitan. Ini menjadikan limitasi sorotan literatur ini meliputi satu artikel sahaja dalam tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2017 hingga tahun 2021 yang diterbitkan oleh jurnal serta menjadi asas untuk dikaji. Proses saringan artikel ditunjukkan pada Rajah 1 di bawah.




Rajah 1 : Model PRISMA

Penyelidik telah membaca artikel ini sepenuhnya dan mendapatkan dapatan bagi persoalan kajian iaitu “Apakah isu dan cabaran pensyarah semasa mengajar pelajar dari program pelancongan dan hospitaliti secara dalam talian?”

Perbincangan

Penyelidik hanya berjaya menganalisis satu artikel sahaja selepas proses saringan dibuat iaitu dari Gupta, Roy & Sahu, 2021 yang diterbitkan oleh *Journal of Hospitality, Leisure, Sport & Tourism Education*. Kajian dibuat secara kuantitatif menggunakan borang soal selidik secara dalam talian dari 1,048 orang pensyarah pelancongan dan hospitaliti di seluruh dunia. Kajian yang telah dilaksanakan ini menggunakan kaedah persampelan *snowball* untuk mendapatkan responden. Responden terdiri daripada pensyarah negara-negara Amerika Utara, Amerika Latin, Eropah, Asia, Oceania dan Afrika. Daripada 1,048 soal selidik yang dihantar, hanya 369 soal selidik sahaja yang lengkap dan layak untuk dianalisis. Hasil kajian mendapati isu dan cabaran yang dihadapi oleh pensyarah pelancongan dan hospitaliti secara dalam talian adalah seperti Rajah 2 di bawah.



Rajah 2 : Isu dan cabaran pensyarah mengajar secara dalam talian

Sumber : (Gupta, Roy, and Sahu, 2021)

Hasil dapatan mendapati tiga (3) cabaran terbesar yang dihadapi oleh pensyarah adalah perasaan bekerja sepanjang masa, tekanan mengajar secara dalam talian dan juga waktu bekerja yang tidak tetap. Faktor lain yang turut menjadi cabaran adalah tekanan berkaitan masalah peribadi, kesihatan keluarga, kerisauan terhadap pandemik Covid-19, bebanan kerja, perasaan bersendirian dan kekurangan *privacy*.

Kesimpulan

Melalui kajian ini, penyelidik telah menyenaraikan isu dan cabaran yang dihadapi oleh pensyarah pelancongan dan hospitaliti secara dalam talian. Isu dan cabaran ini perlulah diambil perhatian oleh pihak-pihak berkepentingan supaya pendidikan di negara ini dapat terus berkembang seiring perkembangan semasa. Segala bentuk cabaran ini perlu diatasi dengan sebaiknya supaya ekosistem pendidikan yang berkualiti dapat diwujudkan. Melalui kajian ini, penyelidik hanya dapat menganalisis satu artikel penyelidikan sahaja kerana kekurangan artikel penyelidikan yang boleh diakses. Penyelidik mencadangkan kajian lanjutan perlu dibuat bagi mengetahui isu dan cabaran yang dihadapi oleh pensyarah pelancongan dan hospitaliti yang mengajar secara dalam talian di Malaysia. Dapatkan kajian ini penting bagi membantu kerajaan merealisasikan agenda Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dalam sektor pendidikan negara.

Rujukan

- Abu Karim, Murniati. 2018. 'TVET, a Relevant Choice'. New Straits Times. Retrieved 10 November 2021 (<https://www.nst.com.my/education/2018/09/408470/tvet-relevant-choice>).
- Berita Harian. 2020. '52 Peratus Pelajar Sabah Tiada Akses Internet'. Berita Harian. Retrieved 29 September 2021 (<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/686499/52-peratus-pelajar-sabah-tiada-akses-internet>).
- Bernama. 2020. 'Pelajar IPT Mulakan Pergerakan Pulang Ke Kampung Hari Ini'. Agensi Berita Nasional. Retrieved 29 September 2021 (<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/682052/pelajar-ipt-mulakan-pergerakan-pulang-ke-kampung-hari-ini>).
- Çınar, Kevser. 2020. 'The Digital Revolution: Impact on Tourism Education'. Journal of Tourism and Gastronomy Studies 8(4):2417–43. doi: 10.21325/JOTAGS.2020.719.
- Coman, Claudiu, Laurențiu Gabriel Tîru, Luiza Meseșan-Schmitz, Carmen Stanciu, and Maria Cristina Bularca. 2020. 'Online Teaching and Learning in Higher Education during the Coronavirus Pandemic: Students' Perspective'. Sustainability (Switzerland) 12(24):1–22. doi: 10.3390/su122410367.
- Goldsmith, Alistair, and Salehuddin Mohd Zahari. 1994. 'Hospitality Education in Malaysia: Filling The Skill Gap'. International Journal of Contemporary Hospitality Management 6(6):27–31. doi: 10.1108/09596119410070459.
- Gupta, Vikas, Hiran Roy, and Garima Sahu. 2021. 'How the Tourism & Hospitality Lecturers Coped with the Transition to Online Teaching Due to COVID-19: An Assessment of Stressors, Negative Sentiments & Coping Strategies'. Journal of Hospitality, Leisure, Sport & Tourism Education 100341. doi: 10.1016/J.JHLSTE.2021.100341.
- Kolb, Alice Y., and David A. Kolb. 2012. 'Experiential Learning Theory'. Pp. 1215–19 in Encyclopedia of the Sciences of Learning. Vol. 4. Boston, MA: Springer US.
- Malik, Mehreen Zahra. 2020. 'The Coronavirus Effect on Pakistan's Digital Divide'. Bbc.Com. Retrieved 9 November 2021 (<https://www.bbc.com/worklife/article/20200713-the-coronavirus-effect-on-pakistans-digital-divide>).

- O'Connor, Noëlle. 2021. 'Using Active Learning Strategies on Travel and Tourism Higher Education Programmes in Ireland'. *Journal of Hospitality, Leisure, Sport & Tourism Education* 29:100326. doi: 10.1016/J.JHLSTE.2021.100326.
- Petticrew, Mark, and Helen Roberts. 2006. *Systematic Reviews in the Social Sciences A Practical Guide*. Blackwell Publishing Ltd.
- Riyad, M., and C. Pramana. 2020. 'Theoretical Education vs Practical Education'. *Test Engineering & Management* (January):300–315.
- Shah, Ain Umaira Md, Syafiqah Nur Azrie Safri, Rathedevi Thevadas, Nor Kamariah Noordin, Azmawani Abd Rahman, Zamberi Sekawi, Aini Ideris, and Mohamed Thariq Hameed Sultan. 2020. 'COVID-19 Outbreak in Malaysia: Actions Taken by the Malaysian Government'. *International Journal of Infectious Diseases* 97:108–16. doi: 10.1016/J.IJID.2020.05.093.
- Thitthongkam, Thavorn. 2011. 'Tourism Education at the Tertiary Level and Competitive Advantage: A Comparison between Thailand and Malaysia'. *Journal of Education and Vocational Research* 1(1):26–35. doi: 10.22610/jevr.v1i1.5.

MENGENALPASTI TAHAP KEPUASAN KERJA BAGI PEKERJA BARISAN HADAPAN DI HOTEL

SERI MALAYSIA WILAYAH UTARA

Nazni binti Ahmad Nazri

Kolej Komuniti Jerai

nazni@staf.kkjerai.edu.my

ABSTRAK

Kebanyakan organisasi menetapkan masa bekerja bermula jam 8.00 pagi sehingga jam 6.00 petang. Ini merupakan anggaran masa setiap pekerja dapat melaksanakan tugas yang diamanahkan. Oleh itu, kajian terhadap pekerja barisan hadapan di Rangkaian Hotel Seri Malaysia Wilayah Utara yang merangkumi sebanyak lapan buah hotel telah dibuat untuk menentukan tahap kepuasan pekerja di organisasi tersebut. Hotel ini sering mendapat tanggapan negatif dan tidak memenuhi piawaian kepuasan pelanggan yang ditetapkan oleh pengurusan Rangkaian Hotel Seri Malaysia iaitu kurang daripada 75% sepanjang tempoh 2016 hingga 2019 melalui media sosial mahupun menerusi laman web rasmi hotel. Kepuasan pekerja ini diklasifikasikan kepada enam dimensi iaitu kepuasan terhadap kerja secara umum, kepuasan terhadap pihak atasan, kepuasan terhadap peluang dan promosi yang ditawarkan, kepuasan terhadap gaji yang ditawarkan, kepuasan terhadap rakan sekerja dan kepuasan terhadap pelanggan. Selain itu, ciri demografi pekerja digunakan untuk melihat hubungan yang signifikan dengan kepuasan pekerja. Kajian ini telah melibatkan 81 responden menggunakan medium soal selidik kepada semua Rangkaian Hotel Seri Malaysia Wilayah Utara yang berada di Kangar, Alor Setar, Sungai Petani, Kulim, Pulau Pinang, Kepala Batas, Taiping dan Ipoh. Hasil kajian mendapati; kepuasan kerja yang diukur menggunakan dimensi yang dinyatakan menunjukkan min kepuasan pekerja 3.62 dengan $SP = 0.291$. Nilai min bagi semua pembolehubah adalah di atas sederhana. Min tertinggi item adalah $M=4.09$, $SP=0.711$ manakala min terendah item adalah $M=2.85$, $SP=0.989$. Kaji selidik ini penting dalam melihat tahap kepuasan pekerja yang bekerja untuk memastikan pekerja dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

Kata kunci: Kepuasan Kerja, Pekerja Barisan Hadapan

Pengenalan

Pelancongan merupakan salah sebuah industri berbentuk ‘smokeless industry’ yang lebih menumpukan kepada bidang perkhidmatan serta menjadi penyumbang terbesar dalam ekonomi global. Tidak terkecuali, salah satu perkara terpenting di dalam industri pelancongan ini adalah industri perhotelan dan industri hospitaliti dalam menggerakkan sektor perkhidmatan di peringkat global (Paryani et al., 2010). Sektor ini sangat mementingkan kepada perkhidmatan berkualiti terhadap kepuasan pelanggan. Sebagai majikan, kepentingan mengetahui faktor yang mempengaruhi tahap kepuasan pekerja perlu dititikberatkan agar organisasi memperolehi ‘*word of mouth*’ yang baik dari pelanggan seterusnya meningkatkan persepsi baik organisasi.

Merujuk kepada kajian (O’Neill dan Davis, 2011); zaman yang serba canggih ini, pelanggan banyak menggunakan perkakasan atas talian seperti sosial media, blog, laman web dan sebagainya untuk berkongsi pendapat dan mencari maklumat berkaitan produk dan perkhidmatan yang digunakan (Lee et al., 2011; O’Neill dan Davis, 2011). Penggunaan medium elektronik ini dapat mengubah pandangan dan persepsi pelanggan terhadap sesebuah organisasi. Kajian (Lee et al., 2011) menerangkan bahawa jika tanggapan negatif sering dipaparkan, peratusan memilih destinasi dan organisasi tersebut akan berkurangan. Sikap positif dan negatif pekerja yang ditunjukkan terhadap produk dan perkhidmatan juga akan mempengaruhi pelanggan untuk memilih dan membuat perbandingan dengan produk dan perkhidmatan yang lain (Yang, 2017).

Pernyataan Masalah

Bebanan yang dihadapi oleh industri perhotelan ini antaranya tidak mempunyai rutin cuti bersesuaian, dan pekerja perlu bekerja 24 jam seminggu. Begitu juga, suasana kerja yang tidak menarik dan bayaran gaji yang kurang memuaskan (Kusluvan et al., 2010). Faktor tekanan kerja yang terlalu membebankan (Ahmand dan Zainol, 2011), jangkamasa kerja yang lama, pertukaran pekerja yang terlalu kerap (H. Inayatullah, 2013), status lantikan yang tiada jaminan masa akan datang (Lee et al., 2011) dan kekurangan peluang pembangunan diri menjadi penyumbang kepada ketidakpuasan kerja. Apabila pekerja mengalami kepuasan kerja yang rendah maka komitmen terhadap organisasi akan menurun (Khalid, Salim dan Loke, 2011). Kajian dijalankan

untuk mengenalpasti tahap kepuasan kerja bagi pekerja barisan hadapan di Hotel Seri Malaysia disebabkan oleh sering mendapat tanggapan negatif kurang daripada 75% memenuhi tahap kepuasan pelanggan yang menggunakan perkhidmatan di hotel ini sehingga Jun 2019. Hotel Seri Malaysia ini merupakan hotel kos sederhana tiga bintang yang telah ditubuhkan sejak April 1994. Tanggapan tersebut boleh dilihat melalui sosial media dan maklumbalas pelanggan di laman web rasmi organisasi serta laman penempahan secara atas talian. Kebanyakan tanggapan yang diberikan adalah disebabkan ketidakpuasan hati pelanggan dari segi layanan pekerja mahupun kemudahan yang ditawarkan. Selain itu, Hotel Seri Malaysia merupakan hotel yang telah lama wujud sebagai sebuah hotel pelaburan milik kerajaan sejak tahun 1994 yang menggunakan nama Malaysia sekaligus membawa nama Malaysia di serata dunia.

Objektif Kajian

Pekerja barisan hadapan mempunyai peranan penting dalam melayani kehendak pelanggan kerana layanan yang diberikan juga, akan mempengaruhi persepsi pelanggan terhadap organisasi tersebut. (Dewettink, 2011). Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mencapai objektif berikut:

- i. Mengenalpasti tahap kepuasan pekerja barisan hadapan di Rangkaian Hotel Seri Malaysia Wilayah Utara
- ii. Mengenalpasti faktor yang mempengaruhi kepuasan kerja di Rangkaian Hotel Seri Malaysia Wilayah Utara.

Tinjauan Literatur

Kepuasan kerja boleh ditakrifkan sebagai perasaan individu samada positif atau negatif terhadap pekerjaan yang dilakukan (Dewettink, 2011). Ia merupakan satu tindak balas emosi yang membuatkan pekerja dapat melaksanakan kerja dengan lebih cemerlang jika pekerja tersebut dilayan dengan baik ketika berada di dalam organisasi. Antara faktor penyumbang untuk pekerja lebih cenderung memberikan komitmen kepada organisasi adalah apabila mereka menerima beberapa ganjaran dalaman atau luaran seperti kenaikan gaji dan upah, pujian atau penghargaan (H. Inayatullah, 2013; Yang, 2017; Jaworski et al., 2018). Hal ini memberi gambaran jelas kepada pihak pengurusan supaya sentiasa prihatin terhadap kepuasan pekerja terutamanya pekerja

barisan hadapan. Kajian permasalahan yang terdapat di Rangkaian Hotel Seri Malaysia ini dapat digunakan untuk menentukan tahap kepuasan pekerja yang mempengaruhi kepuasan pelanggan. Berdasarkan penemuan kajian beberapa pengkaji lain juga (Kusluvan et al., 2010); setiap orang yang mempunyai gaji besar akan berpuas hati dan gembira dalam pekerjaannya. Selain itu, Khalid, Salim dan Loke (2011) menyatakan bahawa faktor gaji merupakan faktor ketiga terpenting di dalam senarai kepuasan kerja selepas faktor kedudukan dan pangkat di organisasi.

Metodologi

Kaedah kajian yang digunakan adalah soal selidik untuk mengumpul data kuantitatif dalam pengukuran sikap, persepsi dan pandangan (Pallant, 2001) dengan keseluruhan pembolehubah ini menggunakan skala 5 mata mengikut item skala Likert. Kajian ini hanya disasarkan kepada pekerja barisan hadapan hotel yang hanya tertumpu di Wilayah Utara sebanyak lapan hotel yang terlibat dengan jumlah 81 orang pekerja barisan hadapan. Rekabentuk borang soal selidik telah dibuat dengan membahagikan soalan kepada dua bahagian iaitu:

1. Bahagian A : Demografi Responden
2. Bahagian B : Kepuasan Kerja

Sebanyak sembilan item untuk menjawab maklumat Bahagian A (Allen et. al. 2000) yang terdiri dari maklumat umur, jantina, bangsa, status perkahwinan, status kerja, anggaran pendapatan dan tahap pendidikan. Sebanyak 28 item pula untuk menjawab soal selidik bahagian B diadaptasi dari (Low et. al. 2001) dengan mengukur enam dimensi kepuasan kerja iaitu:

- i. kepuasan responden terhadap kerja secara umum
- ii. kepuasan kerja terhadap pengurus
- iii. kepuasan responden terhadap peluang promosi atau kenaikan
- iv. kepuasan responden terhadap gaji/ upah
- v. kepuasan responden terhadap rakan sekerja
- vi. kepuasan responden terhadap pelanggan

Hasil dan Keputusan

Analisis kebolehpercayaan digunakan untuk menilai instrumen yang digunakan bagi mendapatkan hasil kajian berkaitan. Menurut Pallant (2007), sesuatu analisis kajian hendaklah bersesuaian dengan objektif agar kajian yang dijalankan dapat memberi maksud objektif yang dinyatakan. Keputusan menunjukkan bahawa min kepuasan pekerja adalah 3.62 dengan SP = 0.291. Nilai min bagi semua pembolehubah adalah di atas sederhana.

Setiap instrumen soal selidik ini diuji dengan ujian kebolehpercayaan berjulat 0.60 hingga 0.83 menujukkan alat ukuran pembolehubah yang digunakan ini boleh dipercayai (Sekaran, 2003). Objektif kajian tercapai dengan mendapatkan jumlah kepuasan pekerja tertinggi berdasarkan item minat terhadap tugas yang dilaksanakan iaitu $M=4.09$, $SP=0.711$ manakala tahap item yang paling rendah adalah mengenai kecukupan pendapatan untuk menampung kehidupan iaitu $M=2.85$, $SP=0.989$. Hasil dapatan dimensi min tertinggi bagi kepuasan kerja ini menunjukkan $M=3.85$, $SP=0.539$ yang diukur menggunakan item minat terhadap kerja. Dimensi minat terhadap kerja dipengaruhi oleh tujuh item mengenai tugas yang memberi kepuasan kepada pekerja, pekerja menghargai tugas sekarang, pekerja gembira menerima tugas yang diberi, pihak pengurusan mengambil berat terhadap kebajikan, pihak pengurusan menghargai tugas pekerja, tugas pekerja sekarang adalah berbaloi dan hotel ini beroperasi dengan cekap.

Menurut (Jaworski et al., 2018) lebih tinggi kepuasan kerja yang diperoleh, akan meningkatkan kualiti organisasi serta kesetiaan pekerja di organisasi. Berdasarkan kepada min kepuasan kerja yang ditunjukkan; pekerja mempunyai kepuasan kerja yang sederhana terhadap dimensi peluang dan promosi terhadap organisasi, pendapatan (gaji/ upah), rakan sekerja, dan sikap pelanggan menunjukkan kepuasan kerja yang sederhana manakala pekerja sangat berpuas hati dengan kepuasan kerja terhadap sikap pengurus dan minat terhadap kerja di organisasi ini. Kepuasan kerja pekerja barisan hadapan adalah dilihat sangat berpuas hati dalam item keseronokan melaksanakan tugas tersebut. Oleh sebab gaji merupakan min yang terendah, faktor kepuasan pekerja banyak dipengaruhi oleh masalah pendapatan bulanan samada gaji yang diperolehi tidak

setimpal, gaji tidak bersesuaian dengan kerja yang dilakukan atau gaji yang diperolehi sama dengan rakan kerja yang lain walaupun berbeza tugasan.

Perbincangan dan Cadangan

Berdasarkan maklumat ini, tidak wujud hubungan yang signifikasi antara kepuasan kerja dengan faktor demografi yang dicadangkan iaitu umur, tahap pendidikan, status kerja, jantina, status perkahwinan dan tempoh masa bekerja di hotel ini. Berikut dengan hasil dapatan (Kusluvan et al., 2010) juga mendapat tidak terdapat perbezaan antara lelaki dan perempuan dan umur dalam kajian yang dibuat kepada kepuasan kerja. Menurut Dewettink (2011) mengatakan pekerja yang berpuas hati terhadap kerja yang dilakukan akan terus tinggal dengan organisasi berikut bersamaan dengan hasil kajian yang telah dilakukan di Hotel Seri Malaysia ini. Pekerja mempunyai kepuasan bekerja dan berada lebih lama di organisasi terbabit, dengan data kurang 10% pekerja melebihi 10 tahun. Selain itu, status pekerjaan juga adalah ciri penting untuk menentukan kepuasan kerja seperti kuasa, status sosial, tugas yang lebih mencabar, pengiktirafan dan sebagainya.

Pekerja di organisasi ini juga sangat menghargai tugasannya sekarang, dengan kepuasan $M= 3.85$, $SP= 0.539$ bertepatan dengan kajian daripada Yang (2017) merujuk kepuasan pekerja terhadap kerja itu sendiri mempengaruhi kepuasan yang tinggi. Selain itu juga, faktor rakan sekerta turut mempengaruhi kepuasan kerja yang dilakukan. Pekerja yang bekerja dalam satu pasukan akan lebih kuat antara satu sama lain berbanding pekerja yang bekerja sendirian. Hal ini dipastikan yang hubungan antara pekerja adalah positif. Pekerja di sini juga mendapat peluang dan promosi organisasi adalah sederhana. Menurut Yang (2017) menyatakan faktor kepuasan kerja sangat dipengaruhi oleh pentadbiran organisasi dan penerimaan ganjaran yang tinggi oleh pekerja. Pihak penyelia dan pengurusan perlu lebih prihatin dan lebih memberi galakan kepada pekerjanya untuk memastikan kepuasan pekerja dalam melaksanakan tugas.

Kesimpulan

Keseluruhan kajian yang dijalankan, didapati setiap pekerja yang bekerja di Hotel Rangkaian Seri Malaysia ini sangat gembira dan menghargai tugas yang diberikan. Namun, hasil kajian menunjukkan terdapat masalah dari segi pendapatan bulanan yang diperolehi tidak setimpal, gaji yang tidak mencukupi dengan kerja dan gaji yang diperolehi tidak setara antara rakan kerja yang lain menjadi pengukur di antara kepuasan pekerja. Secara kesimpulannya, enam dimensi utama yang dijalankan dalam kajian ke atas pekerja Hotel Seri Malaysia boleh membantu organisasi untuk merancang dan membangunkan strategi meningkatkan komitmen organisasi. Selain itu, kajian ini dilakukan untuk menunjukkan tahap kepuasan pekerja dan kepentingan pekerja barisan hadapan dalam organisasi sebagai pemacu kepada pembangunan organisasi. Kajian seumpama ini juga perlu dilaksanakan di organisasi berorientasikan perkhidmatan kerana rantaian dari permasalahan yang dihadapi oleh pekerja akan memberikan impak negatif kepada organisasi tersebut.

Rujukan

- Ahmand, R. a. (2011). What it takes to be a manager: The Case of Malaysian Five Star Resort Hotels. *2nd International Conference on Business and Economic Research (2nd ICBER 2011)*.
- Allen, T. H. (2000). "Consequences associated with work-to-family conflict: A review and agenda for future research", . *Journal of Occupational Health Psychology*, 278-308.
- Baharudin, S., & Ibrahim, R. (2015). Perlaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran secara Blended Learning di Jabatan Perdagangan Politeknik Merlimau Melaka. *Proceedings of The 1st National Conference On Business & Innovation*, (pp. 139-149).
- D., R. G., & Norman, D. V. (2008). *Blended Learning in Higher Education Framework, Principles and Guidelines*. Jossey-Bass.
- Dewettink, K. &. (2011). *Linking Leadership Empowerment Behavior to Employee Attitudes and Behavioral Intentions*. Personnel Review.
- Hashim , Y., Saleh, M., Raoh, I., & Hamzah, M. (2013). *Kompetensi Pensyarah Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Dalam Talian (PDT) Dalam Sistem Pembelajaran Konvensional*.

- Husni, I. (2011). Pembelajaran Model Blended Learning. *Jurnal Iqra'*, 6(1), 61-73.
- Imran, R., & Ridwan. (2020). Implementasi Andragogi Platform E-Learning pada Blended Learning di Universitas Padang. *Journal of Education Technology*, 4(2), 133-149.
- Inayatullah, H. (2013). *Kepuasan Kerja Memacu Prestasi Kerja*.
- Khalid, K. S. (2011). The impact of rewards and motivation on job satisfaction in water utility industry. *International Conference on Financial Management and Economic*, (pp. 35-41).
- Lee, M. K. (2011). *Consumer's decision to shop online: the moderating role of positive informational social influence*.
- Low, G. C. (2001). Antecedents and Consequences. *European Journal of Marketing* 35, 5-6.
- Md Yazid, N. (2016). *Amalan Pembelajaran Teradun Pensyarah di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah*.
- O'Neill, J. W. (2011). Work stress and well-being in the hotel industry. *International Journal of Hospitality Management*, 30(2), 385-390.
- Pallant, J. (n.d.). *A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS for Windows (V10)*. Victoria: McPherson's Printing Group.
- Thorne, K. (2003). *Blended Learning : How to Ontegrate Online and Traditional Learning*. London: Kogan Page.
- Yang, F. (2017). *Effects of restaurant satisfaction and knowledge sharing motivation on eWOM intentions: the moderating role of technology acceptance factors*.
- Zainal Abidin, Z. (2003). *Garis Panduan Amalan Terbaik Konsep Pembelajaran Teradun Bagi Politeknik-Politeknik Malaysia, Jabatan Pengajian Politeknik*.

CABARAN PANDEMIK COVID-19 KE ARAH PELANCONGAN DIGITAL NEGERI SARAWAK

Sarinah Binti Malek¹, Hafiz Bin A Rahman²

Kolej Komuniti Betong, Sarawak

sarinah@kkbetong.edu.my¹, hafiz@kkbetong.edu.my²

ABSTRAK

Negeri Sarawak antara negeri di dalam Malaysia yang turut terkesan akibat pandemik COVID-19 serta merencangkan pertumbuhan ekonomi negeri dan industri pelancongannya. Sejak bermula tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada bulan Mac 2020, segala aktiviti yang melibatkan pelancongan telah diisyiharkan sebagai aktiviti yang tidak dibenarkan. Demi mempertahankan ekosistem industri pelancongan negeri Sarawak, kerajaan negeri telah mengambil langkah-langkah rangsangan bagi merancakkan industri pelancongan tempatan iaitu dengan mempergiatkan usaha pelancongan digital tempatan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat isu dan cabaran dalam menuju ke arah pelancongan digital di Sarawak. Kajian ini menggunakan kaedah kajian ulasan melalui pencarian kertas kajian dan artikel secara dalam talian. Berdasarkan kajian yang telah dibuat, dapat disimpulkan bahawa cabaran capaian internet, cabaran peralatan ICT, cabaran kemahiran pemasaran digital dan kemahiran reka bentuk grafik digital, serta cabaran logistik dan geografi menyokong kepada cabaran pandemik COVID-19 ke arah meningkatkan pelancongan digital di Sarawak. Kajian ini menyarankan agar kerajaan negeri Sarawak dapat meningkatkan promosi dan kempen kesedaran kepada pemegang taruh bahawa pelancongan digital mempunyai potensi besar dan berupaya menjana serta meningkatkan pendapatan bagi industri pelancongan di negeri Sarawak ketika musim pandemik COVID-19.

Kata Kunci: Sarawak, pelancongan digital, pandemik COVID-19

Pengenalan

Industri pelancongan antara industri yang mudah terdedah kepada konflik bersifat dalaman dan global seperti bencana alam, wabak, kemelut politik dan juga krisis kewangan. Pandemik Covid-19 yang bermula pada hujung Disember 2019 telah memberi impak yang sangat terkesan kepada seluruh industri di dunia. Industri pelancongan di negeri Sarawak juga turut terjejas akibat daripada sekatan yang dijalankan bagi membendung pandemik COVID -19 ini. Oleh yang demikian, pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh kerajaan negeri Sarawak dalam merancakkan semula industri pelancongan seperti mendigitalisasi industri pelancongan dan mempromosi produk pelancongan secara maya. Kajian ini membincangkan lebih lanjut tentang cabaran yang dihadapi dalam pelancongan digital di negeri Sarawak.

Pernyataan Masalah

Menurut Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Negeri Sarawak, iaitu Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah, penularan wabak Covid-19 yang berlaku secara global telah menyebabkan industri pelancongan di negeri Sarawak mengalami kerugian sebanyak RM8.69 billion pada tahun 2020. Maklumat terkini berkaitan statistik kedatangan pelancong ke negeri Sarawak pula merosot kepada 93.26 % iaitu 64,767 orang berbanding tempoh yang sama pada tahun 2020 (Utusan Borneo,2020). Pandemik COVID-19 juga telah memberikan kesan serta risiko yang besar kepada kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 (VM2020) disebabkan 50% pelancong yang datang ke Malaysia merupakan pelancong daripada Singapura dan China (Peng Foo et al., 2020) Kemerosotan kehadiran pelancong ke negeri Sarawak, memberi kesan yang menyeluruh kepada industri pelancongan dan industri hiliran seperti sektor penginapan, makanan dan minuman, pengangkutan, agensi pelancongan, kebudayaan, sukan dan rekreasi, serta jualan dan perkhidmatan. Justeru, dalam usaha mempertahankan ekosistem industri pelancongan di negeri Sarawak, kerajaan negeri perlu mengatur strategi yang berkesan dalam mengembalikan kegemilangan industri pelancongan tempatan. Namun setiap strategi yang dirancang oleh kerajaan negeri Sarawak pasti mempunyai cabaran dalam aspek pelaksanaannya. Hasil kajian mendapati pandemik COVID-19 ini telah mengubah senario dalam industri pelancongan di negeri Sarawak daripada perniagaan secara konvensional kepada perniagaan secara digital. Kesan

dari pada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan juga arahan kepada pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan telah membataskan aktiviti pelancongan tempatan. Masyarakat kini lebih bergantung kepada penggunaan teknologi digital dan bukan sahaja bertujuan sebagai medium berkomunikasi tetapi ia juga digunakan sebagai medium dalam mencari maklumat serta dijadikan medium bagi meningkatkan pendapatan. Dalam usaha menuju ke arah perniagaan secara digital, setiap usahawan dalam industri Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) perlu kreatif dan mampu menguasai teknik perniagaan secara digital termasuk pengusaha produk halal dan kraf tangan. Dalam melaksanakan transformasi dan perubahan, setiap langkah yang pertama merupakan perkara yang paling sukar untuk dilakukan.

Objektif Kajian

Tujuan keseluruhan yang merangkumi objektif kajian ini ialah mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh kerajaan negeri Sarawak dalam usaha merancakkan industri pelancongan khususnya dalam pelancongan digital semasa mendepani pandemik COVID-19.

Tinjauan Literatur

Menurut Prof Madya Dr Norsiah Abd Hamid, pandemik Covid-19 telah menjadikan masyarakat kini lebih bergantung kepada pelbagai media untuk tujuan berhibur, mendapatkan maklumat, berkomunikasi dan aktiviti pembelajaran dan pengajaran (PdP) (Bernama, 2020). Ketika ini, perniagaan secara konvensional telah berubah mengikut arus perkembangan semasa iaitu bergantung kepada maklumat, pendigitalan, akses internet, pembayaran tanpa tunai dan membuat pakej-pakej pelancongan dalam negara (Harun, 2021). Ini membuktikan bahawa teknologi digital semakin diterima pakai dalam semua bidang perniagaan yang melibatkan ekonomi termasuk industri pelancongan. Namun masih terdapat cabaran dalam jurang digital dan miskin digital khususnya di kawasan luar bandar iaitu capaian akses internet yang terhad dan keupayaan untuk membeli alat peranti pintar yang bersesuaian (Ahmad, 2020).

Menurut Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi Negeri Sarawak, Datuk Amar Micheal Manyin Jawong, cabaran utama bagi negeri Sarawak apabila syarikat telekomunikasi

seperti Maxis, Celcom dan Digi tidak bersedia masuk ke luar bandar kerana masalah populasi yang tidak banyak seperti di bandar besar. Ini bermaksud tiada keuntungan perniagaan kepada syarikat telekomunikasi tersebut. Ini menyebabkan masalah domestik kepada negeri Sarawak dengan liputan internet tidak akan dapat dicapai sepenuhnya atas faktor taburan infrastruktur di kawasan luar bandar yang tidak teratur (Suara Sarawak, 2020). Pegawai Jabatan Hal Ehwal Khas Sarawak (JASA) Sibuti Lukanisman Awang Sauni berkata kerajaan Sarawak telah memberi sekitar 2,000 unit komputer riba 1Malaysia sejak tahun 2011 tetapi akibat tiada liputan internet di kebanyakan rumah panjang, ia menyukarkan usaha kerajaan dalam melaksanakan ekonomi digital (Utusan Borneo, 2017).

Di negeri Sarawak, antara inisiatif daripada kerajaan negeri adalah Dana Ekosistem Pelancongan Dalam Talian Sarawak (*Sarawak Tourism Online Ecosystem Fund*). Ia adalah sebagai program pemangkin dan kerjasama bersama rakan industri. Insentif sebanyak RM5,000 diberikan kepada pengendali pelancongan bagi tujuan pembangunan dan penyelenggaraan laman web, penyediaan isi kandungan dan pengiklanan digital yang bertumpukan pelancongan di negeri Sarawak (Muniandy, 2020). Menurut Khalid (2019), demi memelihara dan memulihara warisan serta budaya melalui teknologi pintar, program *Old Kuching Smart Heritage* (OKSHE) telah diperkenalkan pada tahun 2017. Ia bermula di daerah Kuching, Sarawak sebagai projek perintis dan sebagai usaha dalam menggalakkan integrasi antara kerajaan dengan komuniti untuk mempromosikan budaya dan warisan di Kuching ke arah digital serta pintar, selari dengan inisiatif agenda digital Sarawak untuk mewujudkan Bandar Pintar (*Smart City*). Pada tahun 2017, *Sarawak Multimedia Authority* (SMA) melalui inisiatif ekonomi digital telah melancarkan aplikasi dompet digital (*e-wallet*) iaitu *Sarawak Pay* yang berfungsi sebagai dompet digital yang menawarkan teknologi untuk mengurus proses perniagaan dan pembayaran secara digital yang selamat, cepat dan mudah (Jawing, 2017).

Bagi meningkatkan penggunaan teknologi digital dalam perniagaan, setiap usahawan perlu mempelajari teknik yang lebih kreatif serta perlu sentiasa mencari peluang dalam menjalankan kerjasama dengan usahawan dari daerah yang berlainan sama ada di kawasan bandar atau luar

bandar. Kerajaan negeri Sarawak telah bersetuju dalam menyampaikan khidmat latihan serta membantu dari segi penjualan produk dan pemberian peralatan digital kepada 100,000 usahawan dengan peruntukan sebanyak RM150 juta di bawah Kempen e-Dagang PKS dan PKS Mikro (Abdullah, 2020). Setiap langkah dalam membawa perniagaan konvensional ke platform digital, usahawan di bawah industri Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) perlu berhadapan dengan cabaran berkaitan lokasi dan geografi serta cabaran untuk mendapatkan rangkaian internet. Selain daripada itu, setiap usahawan perlu sentiasa berubah menjadi lebih kreatif serta mampu menguasai teknik menjalankan perniagaan secara digital ketika pandemik Covid-19 melanda negara (Abdullah, 2020).

Metodologi

Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kajian ulasan literatur secara sistematis. Ulasan secara sistematis selalu digunakan dalam sains perubatan dalam mencari jalan membuat sintesis secara sistematis, telus dan menjadi standard utama dalam ulasan (Davis et al., 2014). Kaedah kajian ulasan literatur secara sistematis yang digunakan adalah secara pengamatan oleh penyelidik tentang isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan dalam meningkatkan pelancongan digital di negeri Sarawak. Sebanyak 10 bahan kajian, artikel dan jurnal telah dijadikan sebagai sorotan literatur bersistematik dan bahan sokongan bagi kajian ulasan ini.

Perbincangan

Hasil daripada pemerhatian, didapati terdapat cabaran yang perlu dihadapi oleh setiap pihak berkepentingan dalam melakukan perubahan kepada industri pelancongan digital di negeri Sarawak. Berikut merupakan penerangan cabaran tersebut:

i. Cabaran capaian internet

Cabarannya utama dalam segala usaha bagi melaksanakan perniagaan secara digital di negeri Sarawak ialah capaian internet di sesuatu kawasan. Atas faktor populasi yang kecil di sesuatu kawasan, setiap syarikat telekomunikasi tidak berminat membangunkan pencawang di kawasan pedalaman Sarawak. Kebanyakan produk pelancongan di Sarawak bersifat

semulajadi dan capaian internet di negeri Sarawak hanya merangkumi bandar dan pekan yang mempunyai populasi yang tinggi sahaja.

ii. Capaian peralatan ICT

Walaupun capaian internet wujud di sesuatu kawasan, kemampuan untuk mempunyai peranti yang moden juga menjadi satu cabaran dalam mendigitalkan sesuatu industri. Peralatan ICT yang mahal atas faktor kos penghantaran juga menyebabkan ia menjadi satu halangan kepada usahawan dalam mempromosikan produk secara digital.

iii. Cabaran kemahiran pemasaran digital dan kemahiran reka bentuk grafik digital

Kemahiran dalam pemasaran digital serta kemahiran reka bentuk grafik digital amat membantu usahawan dalam menyediakan bahan promosi bagi setiap produk yang ingin diketengahkan. Kekurangan kemahiran berkaitan ubahsuai dan mengedit gambar serta video adalah halangan yang menyebabkan produk tidak dapat dikomersialkan. Walaupun kerajaan negeri telah melaksanakan kursus dan bengkel peningkatan kemahiran, namun ia belum cukup untuk membantu usahawan dalam merealisasikan perniagaan pelancongan secara digital.

iv. Cabaran logistik dan geografi

Sarawak merupakan negeri yang terbesar di Malaysia dengan populasi yang sederhana. Pembangunan fasiliti dan kemudahan rangkaian jalanraya yang perlahan memberi cabaran besar dalam mengubah corak perniagaan ke arah pendigitalan. Bentuk muka bumi yang masih diliputi dengan hutan hujan dan gunung ganang amat mencabar bagi syarikat logistik melabur terutamanya perniagaan berdasarkan penghantaran kurier dan produk.

Kesimpulan

Kajian yang dijalankan ini berbentuk kajian ulasan literatur secara sistematik kepada perancangan kerajaan negeri dalam merealisasikan pelancongan digital di negeri Sarawak. Pelancongan digital merupakan satu langkah perubahan yang baik dalam membantu industri pelancongan yang tenat akibat pandemik Covid-19. Produk pelancongan yang terdapat di negeri Sarawak sebenarnya mempunyai peluang yang tinggi untuk dikomersialkan dalam pelancongan digital. Sebagai contoh, produk pelancongan terkenal Sarawak iaitu *Rainforest World Music Festival* (RWMF) telah berjaya diadakan secara maya dan digital pada tahun ini dan penganjurannya mendapat pujian pelbagai pihak. Kerajaan negeri Sarawak disarankan untuk mempelbagaikan serta mempromosikan lagi produk pelancongan yang lain secara digital agar ia dapat membantu meningkatkan semula industri pelancongan di negeri Sarawak. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat diteruskan serta dapat membantu pembangunan pelancongan digital di negeri Sarawak. Kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan sebagai bahan rujukan kepada penyelidik akan datang dalam menghasilkan penulisan yang lebih baik dengan objektif kajian yang lebih mendalam berkaitan pelancongan digital di negeri Sarawak.

Rujukan

- Abdul Hamid, N., (2020). "Pandemik COVID-19 dan kebergantungan kepada media". *Bernama.com*. Diperoleh daripada <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1851891>
- Abdullah, A.J., (2020). "Usahawan Sarawak perlu kreatif depani cabaran geografi, capaian internet – Penganalisis". *Astro Awani*. Diperoleh daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/usahawan-sarawak-perlu-kreatif-depani-cabaran-geografi-capaian-internet-penganalisis-267222>.
- Ahmad, J.Z, (2020). "1.7 juta pelajar hadapi miskin digital". Berita Harian. Diperoleh daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/757190/17-juta-pelajar-hadapi-miskin-digital>
- Ardissono L, Goy A, Petrone G, Segnan M, Torasso P (2003), Intrigue: personalized recommendation of tourist attractions for desktop and handset devices. *Applied*

artificial intelligence, special issue on artificial intelligence for cultcommunities of agents

- Awang Sauni S.L, (2017). "Ekonomi Digital Di Depan Mata, Warga Luar Bandar Tidak Terlepas". Diperoleh daripada <https://www.utusanborneo.com.my/2017/08/18/ekonomi-digital-di-depan-mata-warga-luar-bandar-tidak-terlepas>
- Davis, J., Mengersen, K., Bennett, S., & Mazerolle, L. (2014). Viewing systematic reviews and meta-analysis in social research through different lenses. *SpringerPlus*, 3, 511.<https://doi.org/10.1186/2193-1801-3-511>.
- Harun, M.K, (2021). "Industri pelancongan perlu perkasa perniagaan digital – MATA". Diperoleh daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/industri-pelancongan-perlu-perkasa-perniagaan-digital-mata-322139>.
- Jawing, J., (2017). "Sarawak Pay dilancar". *Utusan Borneo (Sarawak)* Diperoleh daripada <https://www.utusanborneo.com.my/2017/11/15/sarawak-pay-dilancar>
- Michael, M.J, (2020). "Cabaran Internet Ke Luar Bandar". *Suara Sarawak* Diperoleh daripada <https://suarasarawak.my/2020/11/cabaran-internet-ke-luar-bandar/>
- Othman, A.K., (2019). "Randau Digital Sarawak Episod 2 Sentuh Pengertian OKSHE". Diperoleh daripada <http://www.azam.org.my/2019/05/24/randau-digital-sarawak-episod-2-sentuh-pengertian-okshe/>.
- Peng Foo L, Yin Chin M, Leng Tan K, Teng Phuah K (2020) The Impact of COVID-19 on tourism industry in Malaysia
- Pelancongan (2021), "Sarawak sedia rancakkan semula industri pelancongan". *Berita Harian Online*. Diperoleh daripada <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/844247/sarawak-sedia-rancakkan-semula-industri-pelancongan>
- Pelancongan (2020), "Sektor pelancongan terjejas teruk di Sarawak, pelawat berkurangan 64 peratus". *Sarawak Voice (Sarawak)*. Diperoleh daripada <https://sarawakvoice.com/2020/11/10/sektor-pelancongan-terjejas-teruk-di-sarawak-pelawat-berkurangan-64-peratus/>
- Rahman Hamzah, A.K., (2021). "Angkara COVID-19, pelancongan Sarawak rugi RM8.99 billion". *Utusan Borneo (Sarawak)*. Diperoleh daripada <https://www.utusanborneo.com.my/2021/08/25/angkara-covid-19-pelancongan-sarawak-rugi-rm869-bilion>

PENENTUAN KESAN GAM ARAB DAN KARAGENAN KE ATAS KUALITI SENSORI FORMULASI

TERPILIH JUS BUAH TROPIKA

Zunairah Binti Abdul Ghani

Kolej Komuniti Bagan Serai

zunairah@staf.kkbaganserai.edu.my

ABSTRAK

Gam merupakan sejenis hidrokoloid yang dijadikan bahan tambah makanan. Gam Arab merupakan hidrokoloid jenis lelehan gam paling lama digunakan sebagai penstabil makanan. Gam Arab berfungsi sebagai penstabil, agen pemekat dan agen pengemulsian makanan dan minuman. Hidrokoloid bukan lelehan gam seperti karagenan merupakan hidrokoloid berasal daripada rumput laut. Penyelidikan ini dirangka bagi mengenalpasti kesan penggunaan gam Arab dan karagenan secara gandingan sebagai penstabil jus buah-buahan tropika. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk menentukan kesan gam Arab dan karagenan ke atas kualiti sensori formulasi terpilih jus buah tropika. Gam Arab (*Acacia senegal L.*) diperoleh dari Sudan dan karagenan komersial produk Sigma dari Steinheim, Jerman. Formulasi (F) disediakan menggunakan rekabentuk campuran dan formulasi penstabil adalah seperti berikut, F1: gam Arab sebanyak 2% dan 0.05% karagenan (GA2C05), F2: gam Arab sebanyak 2% dan karagenan sebanyak 0.1% (GA2C1), F3: sebanyak 4% gam Arab (GA4C05) dan karagenan sebanyak 0.05% dan F4: gam Arab sebanyak 4% dan karagenan 0.1% (GA4C1) dicampurkan daripada jumlah berat keseluruhan jus. Kaedah penentuan menggunakan analisis deskriptif kuantitatif (ADK) dijalankan oleh tujuh orang panel terlatih dalam lingkungan umur 20 hingga 30 tahun. Penentuan ujian analisis deskriptif terhadap jus campuran buah tropika ini menunjukkan persamaan yang tinggi pada semua atribut kecuali atribut kelikatan disebabkan peratusan penggunaan gam Arab dan karagenan sebagai penstabil jus. Kesimpulannya, atribut rasa dan kelikatan minuman jus buah tropika dipilih sebagai faktor utama jus buah tropika menjadi kegemaran dalam penghasilan formulasi jus buah tropika.

Kata kunci: Gam Arab, penstabil, jus buah tropika

Pengenalan

Hidrokoloid adalah polisakarida yang berasal daripada tumbuhan. Hidrokoloid mudah larut di dalam air disebabkan oleh kehadiran kumpulan hidroksil. Hidrokoloid seperti gam Arab mempunyai fungsi sampingan seperti serat tambahan di dalam makanan (Al Assaf & Phillips, 2009), antioksidan (Ali et al., 2009), dan berguna dalam merawat masalah hati dan kegagalan buah pinggang berfungsi (Al Assaf & Phillips, 2009). Gam Arab merupakan lelehan gam yang paling lama digunakan sejak zaman sebelum Masihi. Gam Arab berfungsi sebagai penstabil, agen pemekat dan agen pengemulsian di dalam makanan (kandi bergam, gula-gula getah dan yogurt) serta minuman (minuman ringan). Hidrokoloid bukan lelehan gam seperti karagenan merupakan hidrokoloid yang berasal daripada rumpai laut yang berwarna merah. Penggunaan karagenan sebagai hidrokoloid mengambil kira sifat anionik dan hidrofilik.

Justeru, penggunaan gandingan gam Arab dan karagenan di dalam formulasi jus buah tropika dilihat sesuai. Formulasi baru ini memerlukan panel terlatih untuk menentukan atribut yang sesuai untuk dijana bagi kegunaan penilaian sensori jenis ujian penerimaan pengguna sebelum dipasarkan.

Pernyataan Masalah

Penghasilan minuman campuran jus tropika melibatkan jus tembakai, jus jambu batu merah dan jus belimbing mengikut formulasi tertentu merupakan campuran baru minuman jus tropika. Setakat ini belum ada kajian yang menggunakan hidrokoloid khususnya karagenan dan gam Arab dalam minuman jus campuran buah tropika iaitu penggunaan campuran buah tembakai, jambu batu merah dan belimbing yang dihasilkan menggunakan kaedah rekabentuk campuran. Penemuan berdasarkan carian terhampir menunjukkan campuran gam Arab dan karagenan hanya dilakukan kepada protein wei oleh Samhouri et al. (2009). Selain itu gandingan kedua – dua bahan gam Arab dan karagenan yang berasaskan tumbuhan membantu industri Halal di Malaysia. Penyelidikan dirangka bagi mengenalpasti kesan penggunaan gam Arab dan karagenan secara gandingan sebagai penstabil jus buah-buahan tropika. Oleh itu bagi menjana atribut

penentuan kualiti sensori untuk kegunaan ujian penerimaan pengguna, maka ujian analisis deskriptif perlu dilaksanakan.

Objektif Kajian

Objektif penyelidikan ini adalah untuk menentukan kesan gam Arab dan karagenan ke atas kualiti sensori formulasi terpilih jus buah tropika.

Tinjauan Literatur

- Gandingan Gam Arab dan Karagenan sebagai Penstabil**

Kombinasi keterlarutan tinggi dan kelikatan rendah berbanding hidrokoloid lain di dalam air menyebabkan gam Arab amat bernilai sebagai penstabil (Dickinson, 2009). Manakala karagenan dari rumput laut adalah sumber baru yang banyak di Sabah dan boleh dioptimumkan kegunaannya melalui penyelidikan. Keupayaannya sebagai bahan penstabil dan pemekat perlu dikaji dengan lebih mendalam.

Terdapat dua sebab utama kajian ini perlu dilaksanakan. Pertama, bagi menentukan penstabil alternatif yang berdasarkan tumbuhan untuk keperluan penggemar makanan berdasarkan tumbuhan dan pengguna Muslim. Kedua, bagi membudayakan pemakanan minuman berdasarkan buah-buahan tempatan dengan penstabil berdasarkan tumbuhan oleh masyarakat Malaysia.

Penilaian sifat sensori, seperti rupabentuk, warna, rasa, tekstur, bau, aroma, dan penerimaan keseluruhan adalah penentu penting untuk menilai kualiti makanan. Analisis objektif atau diskriminatif sangat penting untuk kawalan kualiti rutin dan biasanya, penggunaan instrumen atau peralatan diperlukan untuk tujuan pengujian (Ray, 2021).

- Gam Arab**

Definisi yang dikeluarkan oleh FAO (1999), gam Arab ialah lelehan kering yang diperoleh dari dahan *Acacia senegal* (L.) Willdenow atau spesis jenis *Acacia* (Famili Leguminosae). Struktur kimia gam Arab sangat bercabang. Strukturnya yang mempunyai banyak cabang yang menyebabkan

gam sukar untuk membentuk gel yang kukuh. Namun begitu, ia mampu memerangkap banyak air dengan keupayaan cabang-cabangnya (Nieto, 2009). Ia menghasilkan larutan yang likat tetapi tidak bergel kerana kuasa pegangan airnya amat kuat. Gam yang larut di dalam air menghasilkan ikatan yang kuat di antara molekul polimer dengan molekul air. Oleh itu ia amat sesuai digunakan sebagai bahan tambah makanan di dalam jus buah-buahan.

- **Karagenan**

Perkataan karagenan berasal daripada perkataan Irish yang bermaksud ‘batu kecil’. Di Malaysia, punca utama karagenan adalah dari ekstraksi rumput laut jenis *Eucheuma*. Tobacman (2001) menyatakan karagenan digunakan dengan meluas sebagai aditif oleh industri makanan untuk kesan pengelan, pemekat dan penstabil.

Kesemua bentuk karagenan larut di dalam air tetapi tidak larut di dalam larutan organik seperti minyak atau lemak. Walau bagaimanapun, tahap keterlarutan di dalam air bergantung kepada kumpulan sulfat yang sangat hidrofilik dan kumpulan kation. Secara keseluruhannya, gabungan antara sifat sulfur dan kewujudan kumpulan kation mempengaruhi sifatnya sebagai penstabil makanan. Kadar kelikatan karagenan bergantung kepada kepekatannya, suhu dan kehadiran struktur pepejal yang lain, jenis karagenan yang digunakan dan berat molekulnya. Karagenan komersial digunakan sebagai pengikat dan penstabil di dalam industri pemprosesan daging dalam penghasilan patti burger, sosej dan burger rendah lemak (Campo et al.2009, Lamkey 2009).

Metodologi

- **Bahan Mentah**

Jus buah tropika yang digunakan ialah dari jenis jambu batu merah (*Psidium guajava*). Puri jambu batu merah yang diperoleh secara terus daripada Golden Hope Food & Beverages Sdn. Bhd. Buah tembikai (*Citrullus lanatus Schard*) jenis tanpa biji dan buah belimbing (*Avverhao carambola L.*) adalah jenis B12. Buah tembikai dan belimbing dibasuh, dikisar dan dijadikan puri menggunakan pengisar makanan (Model National). Puri buah yang disediakan disimpan dalam suhu beku, -18°C sehingga digunakan. Gam Arab (*Acacia senegal L.*) dan karagenan komersial jenama Sigma

dibekalkan oleh pembekal bahan tambah makanan dari Sudan dan Malaysia. Formulasi jus disediakan berdasarkan kaedah Gonzalez-Molina et al. (2009), Potter et al. (2007) dan Zainal et al. (2000) dengan sedikit pengubahsuaian dilakukan.

Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian yang digunakan ialah rekabentuk secara rawak. Rawatan yang dilakukan terhadap sampel jus buah tropika ialah penambahan kandungan dua jenis penstabil yang dipilih iaitu karagenan (C) dan gam Arab (GA) merujuk kepada Okoth et al. (2000), Mirrhosseini et al. (2008), Samhouri et al. (2009) dan Yaseen et al. (2005) dengan kaedah rekabentuk campuran dan sedikit pengubahsuaian. Formulasi yang pertama ialah penambahan gam Arab sebanyak 2% ke dalam formulasi jus buah dan 0.05% karagenan (GA2C05). Formulasi kedua ialah penambahan gam Arab sebanyak 2% dan karagenan sebanyak 0.1% (GA2C1), formulasi yang ketiga ialah penambahan gam Arab dan karagenan sebanyak 4% (GA4C05) dan 0.05%. Formulasi yang terakhir ialah penambahan gam Arab sebanyak 4% dan karagenan 0.1% (GA4C1) daripada jumlah berat keseluruhan jus. Satu formulasi jus buah tanpa kandungan gam Arab dan karagenan dijadikan sampel kawalan. Kesemua analisis dijalankan secara triplikat dan nilai min diambil bagi setiap analisa.

- **Ujian Analisis Deskriptif Kuantitatif**

Analisis deskriptif kuantitatif (ADK) dijalankan oleh tujuh orang panel separa terlatih (tujuh orang perempuan dalam lingkungan umur 20 hingga 30 tahun). Panel dilatih tiga kali dengan tiga jam setiap sesi. Sesi latihan melibatkan penjanaan istilah dan definisi bagi setiap atribut yang dipilih, menentukan rujukan untuk setiap atribut (Jadual 1) dan mendedahkan panel kepada kaedah pengukuran. Sampel dihidangkan di dalam 10 ml bekas plastik yang bertutup dan dikodkan dengan tiga digit nombor rawak. Air bertapis (Cactus) dan kraker rendah garam disediakan untuk panel bagi membilas mulut. Skala tidak berstruktur berukuran 6 inci atau 15 sentimeter (Aminah 2000) digunakan oleh panel bagi penilaian atribut. Borang analisis deskriptif kuantitatif disediakan kepada panel bagi memudahkan pengukuran tahap keamatan setiap atribut.

Jadual 1 Terminologi analisis deskriptif kuantitatif dan sampel produk rujukan oleh panel sensori dipilih

Atribut	Sampel produk rujukan	Skor
Rupabentuk		
Warna oren kemerahan	Pewarna oren dan merah (Star)	14.0
Kekeruhan (Tahap penembusan cahaya)	Larutan susu tepung 10% (Dutch Lady)	15.0
Keseragaman partikel jus (pemisahan fasa)	Minuman jus oren berpulpa (Sunkist)	10.0
Klikitan	Yogurt (Calci Yum)	15.0
Kecairan	Air bertapis (Cactus)	1.0
Rasa		
Kemanisan	Larutan sukrosa 5%	5.0
Rasa buah tropika	Jus jambu batu merah (Go Fresh)	6.0
Kemasaman	Asid asetik 0.04%	13.0
Peninggalan rasa	Yogurt (Calci Yum)	8.0
Bau		
Aroma buah tropika	Jus jambu batu merah (Pak Cu 916)	7.0
Bau kemanisan	Madu asli (MARDI)	5.0
Bau keranuman buah	Jus jambu batu merah (Pak Cu 916)	5.0


Tahap skor ditentukan oleh tujuh panel menggunakan skor kategori berskala 0 hingga 15 (0=tiada langsung dan 15=sangat kuat) bagi analisis deskriptif.

Perbincangan

- **Penilaian Sensori Menggunakan Ujian Analisis Deskriptif Kuantitatif**

Setiap atribut menggunakan sampel rujukan yang telah dipilih dan telah ditentukan definisinya (Jadual 1). Penambahan penstabil meningkatkan skor kelikatan, namun apabila peratus penstabil ditambah lagi, penurunan skor berlaku, namun jika di biarkan lebih lama skor boleh meningkat berdasarkan dapatan Karaman & Ozcan, 2021.

Keputusan ujian menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan ($p<0.05$) pada atribut–atribut selain kelikatan. Ini menunjukkan penambahan gam Arab dan karagenan tidak mempengaruhi atribut rasa dan bau. Ia menyamai dapatan yang diperoleh oleh Zainol et al. (2020). Atribut–atribut berkenaan dikelaskan kepada tiga atribut utama iaitu rupabentuk (warna oren kemerahan, kekeruhan, keseragaman partikel jus dan kelikatan), rasa (kemanisan, rasa buah tropika, kemasaman dan rasa asing) dan bau (aroma buah tropika, bau kemanisan dan bau keranuman buah). Persamaan atribut sensori yang sama boleh dirujuk kepada Rajah 1 bentuk sawang bagi keempat–empat sampel jus buah tropika berkenaan ditunjukkan menggunakan Microsoft Excel.



Rajah 1: Bentuk sawang yang menunjukkan min atribut bagi empat jenis sampel jus buah tropika yang ditambah dengan gam Arab dan karagenan ($n=7$)

Secara keseluruhan, panel analisis deskriptif menganggap sampel jus daripada segi atribut rupabentuk: warna oren kemerahan dianggap kurang tahap keamatannya, mempunyai tahap kekeruhan yang agak tinggi, mempunyai tahap keseragaman partikel jus yang sederhana baik tetapi mempunyai kelikatan yang berbeza. Aspek rasa jus pula menunjukkan tahap kemanisan jus boleh diterima dengan baik kerana tidak terlalu manis dan tidak terlalu tawar, mempunyai rasa buah tropika yang sederhana baik, tahap kemasaman yang rendah berbanding asid asetik 0.04% dan sampel jus mempunyai rasa asing pada lidah pada tahap yang memuaskan. Atribut bau sampel jus yang dinilai dari segi aroma buah tropika dan bau kemanisan buah dianggap rendah tetapi bau buah yang ranum dikategorikan sebagai sederhana baik.

Penentuan ujian analisis deskriptif terhadap jus campuran buahan tropika ini menunjukkan persamaan yang tinggi pada semua atribut kecuali atribut kelikatan disebabkan oleh peratusan penggunaan gam Arab dan karagenan sebagai penstabil jus. Kebanyakan kajian mengambil kira atribut rupa bentuk, aroma dan rasa sebagai faktor utama penentuan ujian analisis deskriptif jus (Bomdespacho et al., 2021).

Kesimpulan

Atribut rasa dan kelikatan minuman jus buah tropika dipilih sebagai faktor utama jus buah tropika menjadi kegemaran pengguna. Jus buah tropika yang kurang likat iaitu jus campuran buah jambu batu merah, tembikai dan belimbing dengan 0.05% karagenan dan 2% gam Arab menjadi pilihan pengguna dan dianggap setara dengan produk jus buah tropika yang berada di pasaran.

Rujukan

- Al-Assaf, S. & Phillips, G.O. (2009). Hydrocolloids: structure-function relationships. *Hydrocolloids. FS&T* (23) Issue 3: 17-20.
- Ali, B.H., Ziada, A & Blunden, G. (2009). Biological effects of gum Arabic: A review of some recent research. *Food and Chemical Toxicology* 47: 1-8.
- Aminah Abdullah. (2000). *Prinsip penilaian sensori*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bomdespacho L.Q., Lapa Guimaraes, J. & Petrus, R.R. (2021). Designing the sensory profile of sugarcane juice extracted from different cultivars. *Journal Of Sensory Studies* Volume 36 (3) e12654.
- Campo, V.L., Kawano, D.F., da Silva Jr., D.B., & Carvalho, I. (2009). Carrageenans: Biological properties, chemical modifications and structural analysis—a review. *Journal Carbohydrate Polymers* 77: 167–180.
- Dickinson, E. (2009). Hydrocolloids as emulsifiers and emulsion stabilizers. *Journal Food Hydrocolloids* 23: 1473-1482
- FAO. (1999). *Gum Arabic. Food and Nutrition Paper* No. 52 addendum 7. Rome: FAO.
- Gonzalez-Molina, E., Moreno, D.A. & Garcia-Viguera, C. (2009). A new drink rich in healthy bioactives combining lemon and pomegranate juices. *Food Chemistry Journal* 115: 1364-1372.
- Karaman, S. & Ozcan, T. (2021). Determination of gelation properties and bio-therapeutic potential of black carrot fibre-enriched functional yoghurt produced using pectin and gum arabic as prebiotic. *International Journal of Dairy Technology*.74(3),505-517.
- Lamkey, J.W. (2009). Nonstarch Hydrocolloids Dlm. Torte, R. (pnyt.) *Ingredients in meat products: properties, functionality and applications*. hlm. 57-83 USA: Springer Science and Business Media.
- Mirhosseini H., Tan C.P., Hamid N.S.A. & Yusof S. (2008). Effect of Arabic gum, xanthan gum and orange oil contents on ζ -potential, conductivity, stability, size index and pH of orange beverage emulsion. *Journal Colloids and Surfaces A: Physicochemical Engineering Aspects* 315: 47-56.

- Nieto, M.B. (2009). Structure and function of polysaccharide gum-based edible films and coatings. Dlm. Embuscado, M.E. & Huber, K.C.(pnyt.) *Edible films and coatings for food applications* USA: Springer Science and Business Media.
- Okoth, M.W., Kaahwa, A.R. & Imungi J.K. (2000). The effect of homogenisation, stabiliser and amylase on cloudiness of passion fruit juice. *Journal Food Control* 11:305-311.
- Potter, R.M., Dougherty, M.P., Halteman, W.A. & Camine, M.E. (2007). Characteristics of wild blueberry-soy beverages. *LWT-Food Science and Technology* 40: 807-814.
- Ray, S. (2021). Sensory Properties of Foods and Their Measurement Methods. Techniques to Measure. *Food Safety and Quality*, Springer, 345-381.
- Samhouri, M., Abu-Ghoush, M., Yaseen, E. & Herald, T. (2009). Fuzzy clustering-based modeling of surface interactions and emulsions of selected whey protein concentrate combined to i-carrageenan and gum Arabic solutions. *Journal of Food Engineering* 91: 10-17.
- Tobacman J. K. (2001). Review of harmful gastrointestinal effects of carrageenan in animal experiments. *Environmental Health Perspective* 109: 983 – 94.
- Yaseen, E.I., Herald, T.J., Aramouni, F.M. & Alavi, S. (2005). Rheological properties of selected gum solutions. *Food Research International* 38: 111-119.
- Zainal, B. S., Rahman, R.A., Ariff, A.B., Saari, B.N. & Asbi, B.A. (2000). Effects of temperature on the physical properties of pink guava juice at two different concentrations. *Journal of Food Engineering* 43: 55-59.
- Zainol, M.K., Che-Esa, N.S., Azlin-Hasim, S., Zamri, A.I., Mohd Zin, Z. and Abdul Majid, H.A (2020). The ramification of Arabic gum and gelatine incorporation on the physicochemical properties of Belimbing Buluh (*Averhoa belimbi*) fruits pastilles. *Food Research*, 4 (2), 532 – 538.



PENDIDIKAN, PENGAJIAN ISLAM, BAHASA, SAINS SOSIAL DAN PENGURUSAN



CABARAN TVET PASCA COVID 19

TVET
THINK BIG
v5
2021

**PERSEPSI PELAJAR KOLEJ KOMUNITI TERHADAP KUALITI PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN SECARA ONLINE**

Saliza Ghazali¹, Dicky Wiwittan Toto Ngadiman²

Kolej Komuniti Teluk Intan¹, Politeknik Kota Kinabalu²

[**salizaghazali@yahoo.com¹**](mailto:salizaghazali@yahoo.com), [**dicky@polikk.edu.my²**](mailto:dicky@polikk.edu.my)

ABSTRAK

Sesi pengajaran dan pembelajaran secara atas talian merupakan medium yang menjadi kaedah penyampaian kepada pelajar pada masa kini. Medium ini dilihat berkesan dalam meneruskan sesi pengajaran dan pembelajaran semasa pasca Pandemik Covid-19. Namun begitu, disebabkan pembelajaran atas talian masih baru dalam kalangan pelajar, setiap pelajar mempunyai pandangan berbeza terhadap kualiti pembelajaran yang dijalankan atas talian. Justeru itu, objektif kajian ini untuk menilai persepsi pelajar terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran secara online. Sampel kajian adalah terdiri 365 pelajar kolej komuniti dari seluruh Malaysia. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang dijalankan melalui tinjauan. Data kajian yang diperoleh dianalisis secara deskriptif iaitu untuk mendapatkan skor min menggunakan SPSSv.23. Instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data menggunakan borang selidik. Hasil kajian mendapati pelajar mempunyai persepsi yang baik ke atas kualiti pensyarah kerana bahan dan nota pembelajaran dihantar tepat pada masa. Pensyarah sentiasa memberi maklum balas yang baik kepada pelajar dan platform pembelajaran yang disediakan pensyarah disusun dengan baik. Namun begitu kualiti platform pembelajaran harus diberi perhatian kerana tidak semua platform sesuai untuk semua subjek. Kajian ini penting agar pensyarah dapat mengenal pasti tahap kualiti pengajaran dan pembelajaran seterusnya membuat penambahbaikan ke atas proses pengajaran dan pembelajaran secara atas talian.

Kata kunci: kualiti pengajaran dan pembelajaran, Pandemik Covid-19, persepsi, pengajaran dan pembelajaran secara online

Pengenalan

Dengan adanya pembelajaran secara atas talian, para pelajar dapat menjalani aktiviti pembelajaran dalam keadaan yang selesa, fleksibel dan jimat dari segi kos. Bukan itu sahaja, pembelajaran atas talian juga memudahkan pelajar dari segi pergerakan kerana tidak perlu bergerak ke mana-mana kelas atau pusat dan tidak perlu mengikuti sebarang jadual kemasukan atau keluar. Pelajar juga boleh menghabiskan bahan pembelajaran mengikut kesesuaian masa dan tahap pemahaman sesuatu topik dengan memilih waktu belajar, tempat dan suasana yang mereka inginkan untuk pembelajaran mereka. Ianya sangat efektif kerana pelajar tidak terikat dengan jadual pembelajaran yang ketat. Bahan rujukan juga boleh didapatkan melalui atas talian. Pelajar tidak perlu mencetak nota kerana boleh disimpan terus dalam komputer riba. Proses ulang kaji juga mudah kerana pelajar boleh mengulang kaji seberapa banyak kali yang diinginkan.

Walau bagaimanapun, pembelajaran secara atas talian juga mempunyai pelbagai kekurangan. Antara kekurangan pembelajaran secara atas talian adalah masalah data Internet. Pembelajaran atas talian menggunakan data internet yang besar untuk mengekalkan kelancaran pembelajaran. Sebahagian kawasan pedalaman tidak mempunyai liputan internet akan menjadi masalah kepada pelajar. Selain itu, masalah rangkaian Internet yang perlahan yang dipengaruhi oleh faktor seperti hujan, berada di kawasan-kawasan pedalaman dan juga tidak mempunyai kemampuan untuk membeli data Internet merupakan masalah-masalah yang biasa diadukan oleh para pelajar yang tidak mampu menyertai pembelajaran secara atas talian.

Menurut Dhawan (2020), pelajar juga tidak fokus ketika pembelajaran atas talian. Ini kerana ramai pelajar dan pengajar juga menghadapi masalah psikologi semasa krisis—terdapat tekanan, ketakutan, kebimbangan, kemurungan dan insomnia yang membawa kepada kekurangan tumpuan dan fokus (Di Pietro, 2017). Menurut Theinspirasi.my (2021) pembelajaran secara atas talian hanya mampu memberi fokus 15 minit sahaja terhadap pembelajaran yang sedang dijalankan. Hal ini kerana setiap perbuatan dan percakapan pelajar terselindung di balik paparan skrin yang sentiasa berada dalam mod senyap dan kamera tertutup dan mereka mungkin sudah melakukan perkara-perkara yang lain seperti tidur, melayari media sosial, permainan video dan

sebagainya hingga tamat sesi pembelajaran. Scenario ini mendorong banyak persepsi tentang kualiti pembelajaran secara online dari banyak pihak. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti persepsi dari pihak pelajar berkaitan dengan kualiti pengajaran dan pembelajaran secara online. Kajian ini penting supaya pensyarah dapat mengenal pasti tahap kualiti pembelajaran online ke atas pelajar seterusnya dapat memberi penambahbaikan di masa hadapan.

Sorotan Kajian

Kualiti pengajaran dan pembelajaran merupakan penglibatan secara langsung dan aktif dalam menjalankan aktiviti yang penting (Ediger, 2007) seperti bersedia mencuba perkara baru dan mengambil risiko dalam menerapkan strategi untuk menyelesaikan masalah secara kreatif. Kualiti pengajaran ditafsirkan sebagai perancangan pekerjaan dan tanggungjawab terhadap pembelajaran pelajar (Stefani, 2008). Menurut Stensaker (2007), definisi pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti dalam bidang pendidikan tinggi mempunyai pandangan berbeza bagi aspek kualiti dan bagaimana seharusnya diperoleh. Persoalan tentang kualiti pendidikan yang sepatutnya dicapai tidak mempunyai jawapan yang tepat, walaupun secara praktikalnya kualiti bererti kecergasan untuk tujuan dan juga kesesuaian tujuan (Wittek et al, 2011).

Menurut Cleary et al (2004), aspek sikap dalam diri pelajar seperti komited dan bermotivasi diri dalam mencari sumber dan pertolongan yang sesuai dari pelbagai sumber akan turut membantu keberkesanan pembelajaran atas talian. Pembelajaran yang berkualiti disokong dengan nilai menghargai, menghormati dan menjaga pandangan dan perasaan orang lain dalam membina hubungan positif antara pengajar dan pelajar. Platform online yang digunakan pensyarah untuk memudahkan aktiviti pembelajaran perlu menunjukkan kemampuan pelajar sendiri untuk belajar dan berbincang tentang pembelajaran (Kim et al., 2020). Sementara itu, Junus et al. (2021) menyatakan bahawa pensyarah perlu mempunyai kemahiran teknikal asas yang kuat untuk menggunakan platform e-pembelajaran untuk kursus dalam talian kerana pengajar dengan cepat dapat menyesuaikan diri dengan menggunakan Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) dan kebanyakan mempunyai penyelesaian taktikal untuk kebanyakan kelas dalam talian.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang dijalankan melalui tinjauan. Sampel kajian adalah terdiri daripada 365 pelajar dari Kolej Komuniti di Malaysia iaitu pelajar dari 16 buah Kolej Komuniti sekitar Semenanjung Malaysia, 1 di Sabah dan 4 di Sarawak. Kaedah pungutan data yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah pensampelan rawak mudah menggunakan borang soal selidik digunakan sebagai Instrumen kajian. Data kajian yang diperoleh akan dianalisis secara deskriptif iaitu untuk mendapatkan skor min menggunakan SPSS v.22. Instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data - borang selidik. Item-item kajian adalah adaptasi dari Chopra et al. (2019). Penentuan tahap-tahap dalam analisis item kajian akan diukur berdasarkan nilai skor min sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Penentuan Tahap Berdasarkan Skor Min

Skor min	Tafsiran
1.00– 1.99	Lemah
2.00– 2.99	Rendah
3.00– 3.99	Sederhana
4.00– 5.00	Tinggi

Sumber: Dicky et al. (2019)

Ujian rintis juga dijalankan bagi menguji item-item dari aspek tahap kebolehpercayaan. Pekali kebolehpercayaan alfa Cronbach digunakan untuk mengukur tahap kebolehpercayaan item-item dalam instrument. Hasil analisis mendapati bahawa semua 20 item boleh Ujian kebolehpercayaan dengan nilai Cronbach's Alpha melebihi 0.70 iaitu 0.977 Oleh itu, semua item memenuhi kriteria untuk analisis seterusnya.

Hasil Kajian

- **Analisis demografi responden**

Jadual 2: Latar belakang responden

	Item	%
Jantina	Lelaki	48.2
	Perempuan	51.8
Kediaman	Bandar	47.7
pelajar semasa	Luar Bandar	52.3
sesi		
pembelajaran		
atas talian		
Tahun	1	51.2
pengajian	2	44.7
	3	4.1
Sumber	Biasiswa	14.8
kewangan	Biasiswa dan ibu bapa	31.5
pelajar	Ibu bapa	49.6
	Tiada sumber	4.1
Pendapatan	1	41.1
ibu bapa	2	20.5
pelajar	3	14
	4	9
	5	7.7
	6	3
	7	0.8
	8	1.1
	9	0.8
	10	1.9

Analisis demografi responden adalah seperti Jadual 2. Berdasarkan jadual 3 menunjukkan bahawa 48.2% adalah pelajar lelaki iaitu seramai 176 orang manakala pelajar perempuan adalah 51.8% iaitu seramai 189 orang. Pelajar yang tinggal kediaman di bandar ialah seramai 174 orang mewakili 47.7% dan yang tinggal di luar bandar ialah seramai 191 orang iaitu 52.3%. Pelajar dari tahun pengajian pertama hanya seramai 187 orang mewakili 51.2% dan pelajar tahun ke dua iaitu seramai 163 orang mewakili 44.7%. Pelajar tahun pengajian ke tiga ialah seramai 15 orang iaitu mewakili 4.1%. Bagi analisis sumber kewangan responden pula seramai 54 orang adalah pelajar yang mempunyai tajaan biasiswa iaitu mewakili 14.8%.

Bagi pelajar yang mempunyai sumber kewangan gabungan biasiswa dan ibu bapa seramai 115 orang iaitu mewakili 31.5%. Pelajar yang mempunyai hanya sumber kewangan dari sumber ibu bapa seramai 181 orang iaitu mewakili 49.6%. Manakala pelajar yang tiada sumber kewangan seramai 15 orang iaitu mewakili 4.1%. Sementara itu, bagi analisis pendapatan ibu bapa pelajar, jumlah tertinggi ialah seramai 150 orang mewakili 41.1% responden dengan pendapatan ibu bapa RM1000 hingga RM1999. Jumlah terendah ialah seramai 3 orang pelajar mewakili 0.8 % responden pendapatan ibu bapa RM9000 hingga RM9999.

- **Analisis item kajian**

Jadual 3: Persepsi pelajar terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran secara online

Item	Sisihan piawai	Skor min	Tahap
P1	1.11	3.48	Sederhana
P2	1.21	3.07	Sederhana
P3	1.15	3.25	Sederhana
P4	1.2	2.79 ⁴	Rendah
P5	1.07	3.15	Sederhana
P6	1.07	3.48	Sederhana
P7	1.05	3.64 ³	Sederhana
L1	1.08	3.75 ¹	Sederhana

L2	1.11	3.35	Sederhana
L3	1.16	3.36	Sederhana
L4	1.08	3.70 ²	Sederhana
L5	1.22	3.55	Sederhana
B1	1.15	3.16	Sederhana
B2	1.1	3.42	Sederhana
B3	1.08	3.41	Sederhana
B4	1.11	3.42	Sederhana
B5	1.09	3.58	Sederhana
B6	1.08	3.61	Sederhana
S1	1.21	3.22	Sederhana
S2	1.21	3.07	Sederhana
Purata	3.37		Sederhana

¹Item yang memperoleh skor min tertinggi

²Item yang memperoleh skor min kedua tertinggi

³Item yang memperoleh skor min ketiga tertinggi

⁴Item yang memperoleh skor min terendah

Jadual 3 menunjukkan hasil analisis skor min bagi 20 item. Item L1 iaitu “bahan atau nota pembelajaran selalu dihantar tepat pada masanya” menyumbangkan kepada skor min yang tertinggi iaitu 3.75, diikuti oleh Item L4 iaitu skor min sebanyak 3.70 dan Item P7 iaitu skor min 3.64. Skor min terendah ialah P4 iaitu 2.79. Purata nilai skor min ialah sebanyak 3.37.

Perbincangan Dan Kesimpulan

Penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan (PKP) yang dijalankan akibat Pandemik Covid-19 menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti tergендala. Oleh itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengambil inisiatif untuk meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian. Hasil analisis yang telah dijalankan menunjukkan kualiti pensyarah dilihat mempunyai skor min sederhana tertinggi bagi item L1 iaitu

bahan atau nota pembelajaran selalu dihantar tepat pada masanya. Begitu juga item L4 mendapat skor min kedua tertinggi bagi aspek maklum balas pensyarah adalah baik. Skor min ketiga tertinggi P7 iaitu platform pembelajaran yang disediakan pensyarah disusun dengan baik. Ini menunjukkan kesediaan pensyarah dari awal penularan pandemik dan perubahan mod pembelajaran ditangani dengan baik kerana pihak JPPKK seperti unit e-learning sentiasa memberi bengkel dan panduan kepada pensyarah untuk meneruskan kelangsungan pembelajaran dan pengajaran sewaktu pandemik.

Item yang memperoleh skor min terendah ialah P4 bagi pernyataan platform pembelajaran online sesuai untuk semua subjek. Ini menunjukkan persepsi pelajar terhadap platform online yang diguna tidak semestinya sesuai bagi semua subjek yang pelajar ikuti. Subjek di dalam bidang Pengajian Am seperti Bahasa Kebangsaan, Matematik, Bahasa Inggeris dan lain-lain mudah difahami kerana penyampaian interaktif dan mudah difahami isi pelajaran walaupun secara atas talian. Namun begitu pelajar mempunyai tahap literasi berbeza untuk subjek teknikal seperti pembelajaran penggunaan perisian komputer dan subjek yang mempunyai amali dan praktikal. Oleh yang demikian, pensyarah perlu menitik beratkan tentang pemilihan platform medium penyampaian bagi subjek tertentu. Ini kerana platform yang bersesuaian untuk proses pengajaran dan pembelajaran mampu memberikan pengalaman yang menarik kepada pelajar untuk mengikuti pembelajaran online dengan akses yang cepat, (Hakim, 2020).

RUJUKAN

- Chopra, G., Madan, P., Jaisingh, P., & Bhaskar, P. (2019). Effectiveness of e-learning portal from students' perspective: A structural equation model (SEM) approach. *Interactive Technology and Smart Education*.
- Cleary, T. J., & Zimmerman, B. J. (2004). Self-regulation empowerment program: A school-based program to enhance self-regulated and self-motivated cycles of student learning. *Psychology in the Schools*, 41(5), 537-550.

- Dhawan, S. (2020). Online learning: A panacea in the time of COVID-19 crisis. *Journal of Educational Technology Systems*, 49(1), 5-22.
- Di Pietro, G. (2017). The academic impact of natural disasters: Evidence from the L'Aquila earthquake. *Education Economics*, 26(1), 62–77
- Dicky, W., Salmy, E., & Hairunnizam, W. (2019). Self-Esteem Levels of the Indebted Lower-Income Group and the Role of Organizations in the Plantation Sector. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*
- Ediger, M. (2007). Learning Activities In The Curriculum. *College Student Journal*, 41(4).
- Hakim, L. (2020). Pemilihan platform media pembelajaran online pada masa New Normal. *Justek: Jurnal Sains Dan Teknologi*, 3(2), 27-36.
- Junus, K., Santoso, H. B., Putra, P. O. H., Gandhi, A., & Siswantining, T. (2021). Lecturer readiness for online classes during the pandemic: A survey research. *Education Sciences*, 11(3), 139
- Kim, D., Lee, Y., Leite, W. L., & Huggins-Manley, A. C. (2020). Exploring student and teacher usage patterns associated with student attrition in an open educational resource-supported online learning platform. *Computers & Education*, 156, 103961.
- Stefani, L. (2008). Planning teaching and learning: Curriculum design and development. In A handbook for teaching and learning in higher education (pp. 58-75). Routledge.
- Stensaker, B. (2007). Quality as a fashion: Exploring the translation of a management idea into higher education. In D. F. Westerheijden, B. Stensaker, & M. J. Rosa (Eds.), *Quality assurance in higher education: Trends in regulation, translation and transformation* (pp. 99-118). Dordrecht, The Netherlands: Springer
- TheInspirasi (2021). Pembelajaran Secara Atas Talian di Malaysia: Kelebihan dan Kekurangan
- Wittek, L., & Kvernbeck, T. (2011). On the problems of asking for a definition of quality in education. *Scandinavian Journal of Educational Research*, 55(6), 671-684.
doi:10.1080/00313831.2011.594618

Lampiran 1

Jadual 4: Item kajian

Kod item	Item kajian
<i>Kualiti Platform pembelajaran</i>	
P1	Platform pembelajaran online yang digunakan pensyarah mudah digunakan
P2	Platform pembelajaran online memudah aktiviti pembelajaran
P3	Platform pembelajaran online mengandungi ciri dan fungsi yang diperlukan yang membantu saya semasa belajar
P4	Platform pembelajaran online sesuai untuk semua subjek
P5	Platform pembelajaran online mengandungi data yang sepenuhnya bersepada dan konsisten
P6	Platform pembelajaran yang disediakan pensyarah mudah dilayari
P7	Platform pembelajaran yang disediakan pensyarah disusun dengan baik
<i>Kualiti Pensyarah</i>	
L1	Bahan atau nota pembelajaran selalu dihantar tepat pada masanya
L2	Pensyarah lebih kreatif mengajar secara dalam talian
L3	Arahan pensyarah yang jelas dalam pembelajaran dalam talian
L4	Maklum balas dari pensyarah adalah baik
L5	Mudah berhubung dengan pensyarah
<i>Kualiti bahan pembelajaran</i>	
B1	Bahan pembelajaran yang disampaikan secara online mudah difahami
B2	Bahan pembelajaran yang disediakan adalah dalam bentuk yang mudah digunakan
B3	Bahan pembelajaran yang diberikan sesuai dengan keperluan saya

- B4 Bahan pembelajaran mudah diakses
- B5 Bahan pembelajaran yang disediakan oleh pensyarah adalah lengkap
- B6 Bahan pembelajaran yang disediakan pensyarah relevan dan terkini

Kepuasan pengguna

- S1 Saya berpuas hati dengan platform pembelajaran yang digunakan untuk e-pembelajaran
- S2 Saya akan sentiasa menggunakan platform pembelajaran online

PEMBANGUNAN APLIKASI MOBIL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN : AWESOME OOP

Azrind Binti Othman

Politeknik Besut Terengganu

azrind@polibesut.edu.my

ABSTRAK

Teknologi pembelajaran secara teradun telah mendapat perhatian oleh semua pendidik di dunia ini. Ia adalah selari dengan perkembangan teknologi dalam pendidikan yang semakin berkembang. Mobil pengajaran dan pembelajaran (Mobil PdP) adalah salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran teradun yang menggunakan telefon pintar, tablet atau komputer bagi membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Mobil PdP adalah satu inovasi bagi melengkapkan kekurangan dan kelemahan dalam e-pembelajaran sebelum ini. Pendemik Covid19 telah menyebabkan semua institusi pengajian tinggi telah melaksanakan PdP secara dalam talian. Pembangunan Aplikasi *Awesome* merupakan mobil PdP yang boleh dilaksanakan secara maksimum di musim pandemik ini. Satu kajian telah dijalankan untuk membangunkan sebuah aplikasi sebagai bahan bantu pengajaran dan pembelajaran ke arah pelajar melaksanakan pembelajaran kendiri. Aplikasi *Awesome OOP* yang dibangunkan menggunakan Model Agile serta menggunakan aplikasi Google Sites dan Aplikasi Appsgeyser telah mendapat perhatian pelajar yang dapat membantu mereka untuk lebih memahami hasil pembelajaran.

Kata kunci: Mobil pembelajaran dan pembelajaran, inovasi, Aplikasi *Awesome OOP*

Pengenalan

Penggunaan telefon pintar telah menjadi salah satu keperluan masa kini. Telefon pintar merujuk kepada telefon bimbit yang berteknologi tinggi serta menggunakan talian internet. Terdapat pelbagai aplikasi yang telah dibangunkan bagi memudahkan kehidupan kita sehari-hari. Penggunaan aplikasi telefon merupakan salah satu daripada cabang dalam mobil pembelajaran yang tidak terikat kepada masa dan tempat. Pengajaran dan pembelajaran lebih bermanfaat sekiranya ia menggunakan kaedah dan strategi yang berkesan dan mempunyai matlamat yang jelas (Yun et al., 2009) dan disokong oleh sistem kualiti, penyediaan maklumat dan perkhidmatan (Ramayah & Jason 2012). Dikatakan bahawa rangkaian media sosial dapat mematahkan pemikiran pelajar dari sempadan bilik kuliah ke ruang lingkup global (Deo & Hassan 2014). Keingganan pelajar untuk mengambil bahagian dalam mobil pembelajaran disebabkan oleh nilai budaya yang diwarisi dan yang diamati di kebanyakan universiti di Malaysia (Hazwani & Dalbir 2016). Beberapa faktor perlu dipertimbangkan, iaitu interaksi antara pelajar, pensyarah dan pentadbir, interaksi antara pelajar dan sistem, dan masa yang dihabiskan untuk setiap interaksi (Fahad 2010)

Pernyataan masalah

Antara isu dan kelemahan yang dikenalpasti berlaku dan tercetusnya kajian ini adalah menurut Zanaton (2017) kelemahan sistem pembelajaran tradisional yang mengundang kepada kebosanan pelajar mengikuti kuliah, kehadiran dan penglibatan pelajar adalah antara masalah besar di dalam kelas. Selain daripada itu menurut Zanaton juga, pelajar terlalu sibuk dengan tugas dan urusan peribadi sehingga pengurusan masa mereka tidak efisien yang memberi kesan kepada pembelajaran mereka. Begitu juga permasalahan yang dapat di lihat di kalangan pelajar politeknik. Proses PdP secara tardisional menjadi permasalahan di musim pandemik ini. Pelajar hanya terikat semasa kelas secara bersemuka sahaja.

Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk membangunkan alat bantu mengajar berbentuk aplikasi mobil bagi membantu pelajar melaksanakan pembelajaran kendiri.

Tinjauan literatur

Perubahan dan inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat menyelesaikan masalah kekurangan bahan pengajaran pembelajaran. Ia juga dapat menjimatkan masa dan tenaga guru dan pelajar. Bahan pengajaran dan pembelajaran dapat diganti dengan penggunaan teknologi, seperti menggunakan perisian yang sesuai, melalui animasi komputer dan simulasi untuk membantu pelajar merasakan dan membayangkan apa mereka tidak pernah alami.

Menurut kajian Lamsah & Chear (2017), inovasi pendidikan hari ini bersifat global, biasanya berkaitan dengan pencapaian hasil pembelajaran dan kebolehpasaran graduan. Perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) telah menjadikan dunia kini tanpa sempadan. Manakala menurut Analisa Hamdan et al. (2013) persekitaran pembelajaran pintar pula menekankan pembangunan dan kemajuan teknologi telefon bimbit yang diterapkan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Ia memberi peluang dan ruang kepada pelajar lebih bersemangat dan mempelajari semua bidang menggunakan mobil pembelajaran. Justeru, Aplikasi *Awesome OOP* ini dibangunkan sebagai nilai tambah kepada bahan pembelajaran pelajar bagi meningkatkan pengetahuan secara mobil.

Metodologi

Aplikasi ini dibangunkan menggunakan templat *Google Sites* sebagai tapak dalam talian. Kemudian ianya ditukar kepada aplikasi telefon pintar menggunakan perisian *Appsgeyser* secara dalam talian. Oleh sebab itu, selain boleh dicapai menggunakan aplikasi telefon pintar, *Awesome OOP* juga boleh dicapai melalui komputer berdasarkan web. Pembangunan aplikasi ini menggunakan Model Agile kerana pemilihan model yang betul adalah penting dalam memastikan pembangunan aplikasi ini berjalan dengan lancar. Model Agile seperti rajah 2 merujuk kepada pendekatan pengembangan perisian berdasarkan pengembangan berulang. Kaedah Agile memecahkan tugas kepada pecahan yang lebih kecil atau bahagian tidak secara langsung melibatkan perancangan jangka panjang. Rancangan mengenai bilangan pecahan, jangka masa dan skop setiap pecahan ditentukan dengan jelas terlebih dahulu. Dalam model proses Agile, setiap pecahan dianggap sebagai langkah waktu yang singkat yang biasanya berlangsung dari satu

hingga empat minggu. Pembahagian keseluruhan projek membantu meminimumkan risiko projek dan mengurangkan keperluan masa penghantaran keseluruhan projek.




Rajah 1: Model Agile

Pada fasa keperluan, perbincangan tentang keperluan yang diperlukan untuk membina aplikasi ini serta mengenalpasti permasalahan dalam sistem PdP sebelum ini. Dalam fasa rekabentuk pula, telah membina rekabentuk untuk pangkalan data, perisian dan antaramuka aplikasi menggunakan *Google Sites*. Selepas fasa reka bentuk selesai, fasa pembangunan akan dilakukan. Pada fasa ini, pembangunan antaramuka sistem dijalankan. Seterusnya sistem ini di tukar kepada bentuk aplikasi dengan menggunakan perisian Appsgeyser. Fasa seterusnya adalah menjalankan ujian awal terlebih dahulu terhadap aplikasi yang telah bangunkan. Dengan ini, sebarang permasalahan dapat dilakukan dan ditambahbaik. Setelah itu, aplikasi yang telah siap diedarkan kepada pelajar-pelajar politeknik yang mengambil kursus *Object Oriented Programming* sebagai nilai tambah dalam proses PdP mereka. Pada fasa yang terakhir, kajian semula dibuat dengan meminta maklum balas dari pengguna untuk membuat penambahbaikan terhadap aplikasi ini dengan menggunakan soal selidik.


Dapatkan Kajian Dan Perbincangan

Penggunaan aplikasi ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran berpotensi untuk meningkatkan kemahiran dan kemampuan pelajar dalam memahami hasil pembelajaran. Pelajar juga mempunyai pandangan positif dan bersedia untuk mengikutinya bergantung pada kreativiti pensyarah dan kemudahan yang disediakan. Justeru, aplikasi *Awesome OOP* dibangunkan bertujuan sebagai nilai tambah dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Aplikasi *Awesome OOP* ini digunakan oleh pelajar Politeknik semester 3 yang mengambil kursus *Object Oriented Programming* bagi program Diploma Teknologi Digital. Penggunaan aplikasi ini juga telah menunjukkan peningkatan minat pelajar terhadap kursus ini seterusnya meningkatkan kemahiran mereka dalam kursus ini. Rajah 2 menunjukkan aplikasi *Awesome OOP* yang dibangunkan menggunakan *Google Sites* seterusnya di tukar ke bentuk aplikasi telefon menggunakan *Appsgeyser*.




Rajah 2: Aplikasi *Awesome OOP*

Penyelidik terdahulu telah melaporkan bahawa untuk menghasilkan mobil pembelajaran yang berjaya, pelbagai faktor perlu dipertimbangkan (Issham et al., 2016). Terdapat pelbagai elemen diterapkan dalam aplikasi ini bagi menghasilkan sebuah aplikasi yang mendokong kepada mobil PdP. Penyelidikan ini menunjukkan ia dapat meningkatkan keyakinan pelajar dalam menguasai tujuan pembelajaran. Aplikasi *Awesome OOP* digunakan sebagai platform pembelajaran seperti Rajah 3 yang menunjukkan nota pembelajaran, kuiz dan *online compiler* boleh dicapai tidak kira masa dan lokasi.



Rajah 3 : Pembelajaran Kolaboratif menggunakan aplikasi *Awesome OOP*

Dalam Rajah 4 pula menunjukkan antaramuka aplikasi ini membolehkan pelajar berinteraksi secara langsung melalui ruangan bersempang. Proses dalam ruangan ini membolehkan berlakunya interaksi dua hala antara pensyarah dengan pelajar.



Rajah 4 : *Chat Room* untuk interaksi

Lebih banyak penyelidikan diperlukan untuk mengetahui tahap pendidikan diri pelajar dan bagaimana institusi pendidikan dapat membimbing pelajar untuk meneroka pengetahuan dan berkongsi maklumat yang relevan di aplikasi *Awesome OOP*. Aspek ini penting sekiranya mobil pembelajaran diperkenalkan kepada sekumpulan pelajar yang besar agar tidak ada pelajar yang hanya sekadar menumpang di platform tersebut.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan penggunaan aplikasi *Awesome OOP* dapat membantu politeknik untuk merealisasikan pembelajaran berasaskan hasil menerusi PdP yang berpusatkan pelajar. Selain daripada itu, membantu politeknik mencapai misi politeknik iaitu menerobos sempadan untuk membina persekitaran pembelajaran transformatif dan kreatif melalui inovasi serta membuka ruang dan peluang kepada pensyarah untuk turut sama melibatkan diri ke arah penambahbaikan kualiti pembelajaran dan pengajaran di politeknik. Perkongsian maklumat secara mudah, cepat dan berkesan serta memudahkan pengajaran dan pembelajaran kerana maklumat yang disediakan memberi peluang kepada pelajar untuk lebih bersedia dalam kursus sebelum pengajaran bermula. Pelajar juga dapat mengetahui maklumat kursus dengan mudah dan perkongsian maklumat dapat dicapai tanpa mengira masa dan waktu di mana pelajar boleh mendapatkan maklumat melalui akses internet dan dapat meningkatkan prestasi akademik pelajar.

Rujukan

- Analisa Hamdan, Rosseni Din & Siti Zuraida Abdul Manaf. 2013. Penerimaan m-Pembelajaran dalam Sistem Pendidikan di Malaysia melalui The Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT): Satu Analisis Literatur. 1st International Conference on Mobil Learning, Applications, and Services (mobilcase2012) 1(2): 93–97.
- Chua Yaw Piau.2006. Kaedah dan Stitistik Penyelidikan. Buku 2. Asas Statistik Penyelidikan. Mc Graw Hill. Kuala Lumpur.
- Deo, S. & Hassan, S. 2014. Exploitation of online social networks (OSNs) among university students: A case study of the University of Dodoma. International Journal of Computer Applications 94(12): 10-14.
- Fahad, N.A. 2010. Interactions in e-learning in undergraduate courses. ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education 2(1): 1-11
- Hazwani Nordin & Dalbir Singh. 2016. E-pembelajaran di institusi pengajian tinggi daripada perspektif generasi Y dan budaya. ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education 8(2): 16-34

Issham Ismail, Siti Norbaya Azizan & Thenmolli Gunasegaran. 2016. Mobile learning in Malaysian universities: Are students ready? International Journal of Interactive Mobile Learning 10(3): 17-23.

Julio, S.M., Jose', A.L.L & Jose', A.L.P. 2013. Some recommended statistical analytic practices when reliability generalization studies are conducted. British Journal of Mathematical and Statistical Psychology 66: 402-425.

Lamsah, S. & Chear, S. 2017. Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Aplikasi Whatsapp dan Telegram di Universiti Swasta 42(2).

Ramayah T. & Jason W.C.L. 2012. System characteristics, satisfaction and e-learning usage: a structural equation model (SEM). The Turkish Online Journal of Educational Technology 11(2): 196-206.

Supyan Hussin. 2008. Creating a bigger Z.P.D. for ES learners via online forum. The College Teaching Method and Styles Journal 4(11): 1-9.

Yun, J.A., Bosede, A., Glenda, B. & Kevin, W. 2009. Teaching with Web 2.0 Technologies: Benefits, Barriers and Best Practices. Dimuat naik pada 4 Oktober 2017 daripada http://www.aect.org/pdf/proceedings09/2009/09_1.pdf.

Zanaton, H. I. 2017. Mobile learning: innovation in teaching and learning using telegram 1(1): 19-26.

**PERSEPSI PELAJAR DI KOLEJ KOMUNITI KEMAMAN TERHADAP PEMBELAJARAN DAN
PENGAJARAN SECARA ATAS TALIAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN (PKP)**

Ts. Mohamad Taib b Mohd Yassin,^{1*} Siti Rohayu Bt Mohd Khaldi.²

Kolej Komuniti Kemaman¹, Kolej Komuniti Paya Besar²

sks.dua2@gmail.com

ABSTRAK

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memerlukan setiap orang untuk berada di rumah bagi memutuskan rantaian jangkitan Covid-19. Dengan itu, banyak kerja di pejabat dan aktiviti harian terpaksa dilakukan di rumah dengan menggunakan komputer, aplikasi dan sambungan internet sediaada. Tujuan kajian ini ialah untuk melihat persepsi pelajar Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian (SSK) dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) terhadap Pembelajaran dan Pengajaran secara atas talian yang dilaksanakan di Kolej Komuniti Kemaman sepanjang tempoh PKP. Kajian telah memfokuskan kepada persepsi dan faktor-faktor yang menghalang pelajar sepanjang tempoh Pembelajaran dan Pengajaran dilaksanakan. Kajian menggunakan kaedah kuantitatif dengan membuat tinjauan soal selidik. Hasil dapatan kajian yang diperolehi telah memberi kesan baik kepada pelajar, pensyarah dan pihak pengurusan akademik. Kajian juga telah mengenalpasti persepsi dan faktor-faktor penghalang pelajar yang perlu di atasi semasa pelaksanaan Pembelajaran dan Pengajaran. Kesimpulannya, pelajar, pensyarah dan pengurusan akademik perlu saling menyokong dan bekerjasama diantara satu sama lain bagi berdepan cabaran Pembelajaran dan Pengajaran secara atas talian. Keberhasilan pelajar yang kompeten, cekap dan berkemahiran tinggi dalam bidang masing-masing secara tidak lansung menarik minat industri untuk menawarkan pekerjaan kepada pelajar. Kerjasama pihak Industri dan pelajar yang berkemahiran tinggi sangat penting bagi mencapai Dasar Revolusi Industri 4.0 Negara di masa hadapan.

Kata kunci: Atas talian, persepsi, faktor penghalang, Pembelajaran dan Pengajaran.

Pengenalan

Pada hujung tahun 2019, dunia telah dikejutkan dengan *Corona Virus* (Covid-19) yang telah tersebar ke seluruh dunia dengan begitu pantas sehingga memberi cabaran baru bagi kehidupan harian manusia. Peningkatan kes harian Covid-19 yang tinggi menyebabkan Kementerian Kesihatan Malaysia menasihati Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk mengeluarkan arahan kepada rakyat Malaysia supaya duduk dirumah dan patuhi Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan bagi membendung penularan wabak Covid-19 di Malaysia dengan menghentikan rangkaian penyebaran wabak Covid-19. Perintah Kawalan Pergerakan telah memberi kesan dan mengubah aktiviti harian rakyat Malaysia seperti belajar, bekerja, membeli belah secara atas talian dari rumah. Selain itu banyak sektor ekonomi terjejas dengan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan ini. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengeluarkan kenyataan media yang membenarkan semua Universiti Awam (UA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) melaksanakan PdP secara atas talian. Kenyataan ini telah mengubah kaedah PdP daripada pembelajaran secara bersemuka kepada PdP secara atas talian. Kolej Komuniti Kemaman juga turut terkesan dengan perubahan kaedah PdP secara atas talian ini. Pensyarah dan pelajar terpaksa mengubah kaedah PdP harian dari dalam kelas ke dalam PdP secara atas talian. Banyak cabaran dan halangan baru yang perlu sama-sama diatasi oleh pelajar dan pensyarah bagi memastikan proses PdP berjalan lancar dan memberi impak yang baik kepada diri pelajar.

Pernyataan Masalah

Proses PdP harian perlu dilaksanakan bagi memastikan pelajar tidak ketinggalan dalam topik yang sepatutnya dikuasai. PdP secara atas talian adalah kaedah terbaik bagi menggantikan kaedah pembelajaran bersemuka bagi memastikan pelajar tidak ketinggalan di dalam topik yang dipelajari. Pensyarah di Kolej Komuniti Kemaman telah menggunakan kaedah PdP secara atas talian bagi memastikan pelajar tidak ketinggalan dan memahami topik yang disampaikan oleh pensyarah. Dalam penilaian dan pemantauan pelajar, pensyarah perlu membuat penilaian kepada tugas dan hasil amali yang dihantar oleh pelajar melalui aplikasi telegram dan email. Terdapat faktor-faktor halangan yang dihadapi oleh pelajar, antaranya adalah kelemahan

kelajuan internet dari penyedia perkhidmatan internet, komputer/telefon bimbit yang tidak mampu menyokong aplikasi sediaada, situasi pembelajaran yang tidak selesa, personaliti pelajar dan isu keberkesanan pembelajaran itu sendiri. Bagi pensyarah pula, antara kekangan yang dihadapi ialah, pensyarah masih kurang berpengalaman untuk melaksanakan PdP secara atas talian, kelemahan kelajuan internet di rumah, suasana pembelajaran yang tidak selesa untuk mengajar dan impak penyampaian serta pengajaran kepada pelajar. Kolej Komuniti Kemaman telah melaksanakan kelas secara atas talian bagi sesi Disember 2020 bermula 16 Mei 2021. Pembelajaran dan Pengajaran secara atas talian perlu dilaksanakan bagi menjamin proses Pembelajaran dan Pengajaran tetap berlangsung biarpun dalam situasi pandemik. Satu kajian bagi melihat persepsi pelajar terhadap Pembelajaran dan Pengajaran secara atas talian di Kolej Komuniti Kemaman (KKKMN) telah dilaksanakan. Kajian juga bertujuan melihat persepsi dan faktor-faktor yang menghalang pelajar dalam pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran secara atas talian di rumah.

Objektif Kajian

Objektif kajian seperti berikut:

- i. Mengenalpasti persepsi pelajar dalam pembelajaran dan pengajaran dalam talian.
- ii. Mengenalpasti faktor-faktor yang menghalang pelajar semasa pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian.

Persoalan Kajian

- i. Apakah persepsi pelajar Kolej Komuniti Kemaman terhadap pembelajaran dan pengajaran secara atas talian sepanjang PKP?
- ii. Apakah faktor-faktor yang menghalang pelajar semasa pembelajaran dan pengajaran dalam talian?

Tinjauan Literatur

Penularan Covid-19 telah mengubah kaedah pembelajaran secara bersemuka di dalam kelas kepada kaedah pembelajaran secara atas talian yang memerlukan pelajar untuk tidak berada dikelas bagi memutuskan rantai Covid-19. Menurut Ally, M. (2008) pembelajaran dalam talian adalah penggunaan internet untuk mengakses bahan pembelajaran; berinteraksi dengan kandungan, pengajar, dan rakan pelajar; mendapatkan sokongan semasa proses pembelajaran berlaku agar dapat menimba ilmu, membina sesuatu yang bermakna dan dapat berkembang hasil daripada pengalaman pembelajaran. Yusup (2012), di dalam penulisannya membincangkan tentang penggunaan e-pembelajaran yang berkesan dalam Pembelajaran dan Pengajaran serta model dan amalan terbaik penggunaan e-pembelajaran khususnya pembelajaran dalam talian. Beliau mendapati banyak kajian menunjukkan bahawa e-pembelajaran telah meningkatkan keberkesanan sistem pendidikan atau latihan di institusi pengajian tinggi (IPT) khususnya di institusi yang mengamalkan pendidikan terbuka dan jarak jauh atau yang mengamalkan mod pembelajaran teradun. Beliau juga menyatakan institusi pengajian tinggi menggunakan pendekatan e-pembelajaran dalam dua kaedah umum iaitu secara dalam talian sepenuhnya atau secara blended learning iaitu gabungan antara pembelajaran konvensional atau bersemuka dan pembelajaran dan pengajaran dalam talian. Manakala Muzafer dan Hasmadi (2019) yang membincangkan faktor kesediaan e-pembelajaran untuk pelajar menjalani latihan industri, merumuskan definisi e-pembelajaran adalah menjurus kepada penggunaan media elektronik dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta pembelajaran yang bersifat terbuka, fleksibel dan bertebaran. D.Surani dan Hamidah (2020) dalam kajiannya dalam mengenalpasti persepsi pelajar terhadap pembelajaran dalam talian di Universiti Bina Bangsa, Serang, Indonesia mendapati 80% responden bersedia untuk mengikuti pembelajaran dalam talian, 62% responden menyatakan pembelajaran dalam talian memberi manfaat dan 32% menyatakan kesukaran yang dihadapi semasa mengikuti pembelajaran dalam talian adalah untuk memahami kandungan pembelajaran. Dalam kajian tersebut, beliau merumuskan pelaksanaan pembelajaran dalam talian perlu dirancang, dilaksanakan dan dinilai keberkesanannya dalam usaha untuk mengurangkan halangan dan masalah yang dihadapi dan pada masa yang sama untuk memaksimumkan pencapaian hasil pembelajaran.

Metodologi

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kualitatif yang menggunakan kaedah soal selidik terhadap 46 orang pelajar daripada Semester satu, dua , tiga dan empat dari kelas SSK 1, SSK 2 , SSK 3 dan SSK 4 melibatkan Subjek SSK 1043 Senibina Komputer, SSK 2053 Teknologi Rangkaian, SSK 3043 Pentadbiran server dan taklimat latihan industri. Terdapat tiga Instrumen kajian iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A mengandungi maklumat demografi responden, bahagian B mengandungi lima topik soalan yang mengandungi lima soalan bagi setiap topik berkaitan persepsi pelajar terhadap pembelajaran dalam talian dan bahagian C mengandungi lima topik soalan yang mengandungi lima soalan bagi setiap topik soalan berkaitan faktor-faktor yang menghalang pelajar semasa pembelajaran dalam talian. Satu set soal selidik dibina berdasarkan objektif kajian dan konsep kerangka. Soal selidik skala Likert 5 mata (1 = Sangat Tidak Setuju; 2 = Tidak setuju; 3 = Tidak pasti; 4 = Setuju; 5 = Sangat Setuju) telah disahkan oleh panel pakar di lapangan iaitu Ustaz Mohd Nazeri bin Abdul Ghani. Persepsi dan faktor-faktor halangan di dalam pembelajaran secara atas talian diukur dalam penyelidikan ini.

Hasil Dan Keputusan

Jadual 1 menunjukkan demografi responden terdiri daripada 58.7% pelajar lelaki dan 41.3% perempuan. Majoriti responden 54.3% berumur 20 tahun dan 45.7% pelajar berumur pada 19,21 dan 22 tahun. Seramai 28.3% responden datang dari kelas SSK2, 23.9% dari kelas SSK4A, 21.7% dari kelas SSK3B, 19.6% dari kelas SSK3 dan 6.5% dari kelas SSK1. Sebanyak 65.2 % pelajar menggunakan telefon bimbit semasa kelas atas talian dan hanya 36.2% menggunakan komputer peribadi. 39.1% pelajar menggunakan perkhidmatan celcom dan 56.5% pelajar tidak menggunakan 1 Gig data percuma yang di berikan oleh kerajaan. 50% pelajar tidak pasti samaada kelas membantu dalam pembelajaran mereka di rumah. Semua maklumat tersebut ditunjukkan di dalam jadual 1.

Jadual 1: Ciri-ciri Demografi Responden

A	CIRI-CIRI DEMOGRAFI	FREKUENSI	PERATUS(%)
1	Jantina Lelaki perempuan	27 19	58.7 41.3
2	Umur 19 20 21 22	14 25 3 4	30.4 54.3 6.5 8.7
3	Kelas SSK 1 SSK 2 SSK3 SSK4A SSK4B	3 13 9 11 10	6.5 28.3 19.6 23.9 21.7
4	Sila Pilih jenis peranti yang anda gunakan semasa kelas secara atas talian bersama pensyarah anda? Laptop / komputer Telefon bimbit /tablet Lain-lain	15 30 1	32.6 65.2 2.2
5	Sila Pilih Jenis Penyedia Perkhidmatan Internet Di rumah anda? Unifi celcom Maxis Digi Lain-lain	9 18 8 3 8	19.6 39.1 17.4 6.5 17.4

6	Saya mendapat 1 Gig data percuma yang di berikan oleh kerajaan untuk digunakan kelas atas talian?			
	Ya	9	19.6	
	Tidak	26	56.5	
	Tidak pasti	11	23.9	
7	Pada Pendapat saya kelas secara atas talian mambantu saya dalam proses pembelajaran saya di rumah?			
	Sangat tidak setuju	6	13	
	Setuju	5	10.9	
	Tidak pasti	23	50	
	Setuju	10	21.7	
	Sangat setuju	2	4.3	

Jadual 2 menunjukkan secara keseluruhan, persepsi pelajar terhadap bahan pembelajaran yang digunakan semasa Pembelajaran dan Pengajaran atas talian berada pada tahap sederhana ($M = 3.02$ $SD=0.39$). Namun pelajar berpendapat bahan Pembelajaran dan Pengajaran yang disediakan pensyarah berada pada tahap tinggi ($M=3.70$ $SD=0.39$). Interaksi antara pensyarah dan pelajar semasa di dalam kelas berada pada tahap sederhana ($M=3.11$ $SD=0.59$). Motivasi dari pensyarah kepada pelajar berada pada tahap sederhana ($M=2.72$ $SD=0.25$). Aplikasi google meet yang digunakan berada pada tahap sederhana ($M=2.89$ $SD=0.22$) dan maklumbalas dari pensyarah semasa kelas atas talian berlangsung berada pada tahap sederhana ($M= 2.67$ $SD= 0.11$).

Jadual 2: Persepsi pelajar Kolej Komuniti Kemaman terhadap pembelajaran dan pengajaran secara atas talian

B	Persepsi terhadap bahan pembelajaran	M	SD
1	Bahan Pembelajaran yang disediakan pensyarah adalah berkesan	3.70	0.39
2	Interaksi di dalam kelas secara atas talian	3.11	0.59
3	Motivasi dari Pensyarah	2.72	0.25
4	Aplikasi Google Meet	2.89	0.22
5	Maklum balas Pensyarah	2.67	0.11
	Jumlah Min	3.02	0.31

Jadual 3 menunjukkan secara keseluruhannya faktor-faktor yang menjadi penghalang pelajar dalam pembelajaran dan pengajaran secara atas talian berada pada tahap sederhana ($M = 3.14$ $SD=0.44$). Faktor halangan dari personaliti pelajar berada pada tahap sederhana ($M=3.52$ $SD=0.35$). Halangan situasi pelajar ketika berada dirumah berada pada tahap sederhana ($M=2.46$ $SD=0.84$). Halangan teknologi yang dihadapi pelajar berada pada tahap sederhana ($M=3.17$ $SD=0.42$). Halangan dari institusi yang dihadapi pelajar berada pada tahap sederhana ($M=2.94$ $SD=0.25$) dan halangan gaya pembelajaran semasa kelas atas talian berada pada tahap sederhana ($M= 3.59$ $SD= 0.33$).

Jadual 3: Faktor-faktor Halangan dalam pembelajaran dan pengajaran secara atas talian

C	Faktor faktor penghalang	M	SD
1	Halangan Personaliti pelajar	3.52	0.35
2	Halangan Situasi dirumah	2.46	0.84
3	Halangan Teknologi	3.17	0.42
4	Halangan Institusi	2.94	0.25
5	Halangan Gaya Pembelajaran	3.59	0.33
	Jumlah Min	3.14	0.44

Perbincangan

Peratusan tertinggi 65.2 % menunjukkan pelajar menggunakan telefon bimbit semasa kelas atas talian dan hanya 36.2% menggunakan komputer peribadi. Dari maklumbalas yang di terima dapat disimpulkan, kebanyakan pelajar menggunakan telefon bimbit semasa kelas secara atas talian berbanding komputer dan *laptop* persendirian. Penggunaan telefon bimbit memudahkan capaian internet dirumah dan dimana-mana lokasi selagi ada sambungan pada internet. Walaupun capaian internet mudah melalui telefon bimbit, pelajar menghadapi masalah untuk berdepan lima faktor penghalang semasa kelas secara atas talian. Ini terbukti dengan ($M = 3.14$ SD = 0.39) faktor penghalang yang berada pada tahap sederhana.

Persepsi pelajar terhadap bahan pembelajaran yang digunakan semasa Pembelajaran dan Pengajaran atas talian berada pada tahap sederhana ($M = 3.02$ SD=0.39). Motivasi dari pensyarah kepada pelajar berada pada tahap sederhana ($M=2.72$ SD=0.25) dan maklumbalas dari pensyarah semasa kelas atas talian berlangsung berada pada tahap sederhana ($M= 2.67$ SD= 0.11). Kedua-dua bahan pembelajaran ini berada pada tahap sederhana kerana secara realitinya, pelajar lebih bermotivasi bila berada dalam suasana kelas yang lebih selesa. Bila berada dalam kelas pelajar dapat terus bertanyakan soalan disamping dapat bersemuka bersama pensyarah dan pelajar-pelajar lain. Bagi melahirkan suasana yang lebih bermotivasi, kelas secara atas talian perlu dilaksanakan dengan menambah ciri-ciri kelas bersemuka contohnya membanyakkan sesi pembentangan dari pelajar

Faktor-faktor yang menjadi penghalang pelajar dalam pembelajaran dan pengajaran secara atas talian berada pada tahap sederhana ($M = 3.14$ SD=0.44). Kelima-lima faktor penghalang ini perlu diatasi segera sebagai persediaan jika berlaku semula gelombang penularan Covid-19 yang masih belum berakhir. Pelajar perlu mengubah personaliti diri supaya menjadi lebih beretika dan aktif ketika kelas. Masalah personaliti pelajar ini ada kaitan dengan halangan situasi pelajar ketika berada dirumah yang tidak selesa untuk memberi tumpuan dan tindakbalas semasa kelas. Ditambah lagi dengan halangan teknologi seperti capaian internet yang lemah dan ketiadaan komputer dan *laptop* untuk menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah. Pihak institusi

juga mempunyai kekangan dalam membuat keputusan untuk meningkatkan halangan gaya pembelajaran semasa di dalam kelas. Ini disebabkan oleh berlaku perubahan *Standard Operating Prosedur* (SOP) Covid-19 yang sering berubah dari masa ke masa.

Kesimpulan

Bagi menjawab persoalan kajian pertama berkaitan apakah persepsi pelajar terhadap pembelajaran secara atas talian. Hasil kajian mendapati persepsi pelajar terhadap PdP secara atas talian ini berada pada tahap yang memuaskan. Ini disebabkan PdP secara atas talian ini kali pertama dipraktikkan di Kolej Komuniti Kemaman. Ia dilaksanakan secara tergesa-gesa tanpa persediaan rapi dari pihak pengurusan, pensyarah dan pelajar. Bagi menjawab persoalan kedua berkaitan faktor-faktor penghalang semasa kelas secara atas talian. Hasil kajian mendapati terdapat lima faktor yang menjadi penghalang kepada pelajar iaitu, yang pertama terpaksa menyesuaikan diri dengan gaya pembelajaran atas talian. Kedua halangan personaliti pelajar yang berkait rapat dengan sikap pelajar sama ada mahu aktif atau berdiam diri sahaja semasa kelas berjalan. Faktor ketiga situasi ialah suasana dirumah yang bising dan tidak terurus membuatkan pelajar kadangkala terpaksa berkongsi peranti dengan adik beradik dan ahli keluarga yang mempunyai urusan kelas dan kerja yang lebih penting. Faktor ke empat pula adalah halangan teknologi seperti kelajuan internet yang amat rendah dan pelajar memerlukan kos tambahan untuk menambah nilai bagi menggunakan perkhidmatan internet. Faktor kelima pula adalah halangan dari institusi yang terkesan dari empat faktor di atas. Pihak Institusi tidak akan berjaya selagi keempat empat faktor utama diatas tidak diatasi dengan baik. Menurut So dan Bonk (2010) bagi memastikan keberkesanan pembelajaran dan pengajaran, pendidik harus melihat rekabentuk atau pedagogi pembelajaran, kaedah belajar seseorang individu, potensi teknologi dan media serta kebolehan pendidik melibatkan pelajar terlibat dalam proses pembelajaran. Hasil kajian ini diharapkan memberi input berguna kepada pihak yang berwajib seperti kerajaan, pihak institusi, penyedia perkhidmatan internet dan ibubapa, bagi transformasi terhadap sistem pendidikan terutamanya di Kolej Komuniti.

Rujukan

- Abtar Kaur, (2004). Effectiveness of Online Forum at OUM. Tidak terbit, Open University Malaysia, Kuala Lumpur
- Ally, M. (2008). Foundations of Educational Theory for Online Learning: Theory and Practice of Online Learning.
- Bishoff, A. (2000). The Elements of Effective Online Teaching: Overcoming Barriers To Success. In K. W. White & B. H. Weight (Eds). The online teaching guide: A
- Campeau, D. R. & Higgins, C. A. (1995 June). Computer Self-efficacy: Development of a measure and Initial Test. MIS Quarterly, 189-211.
- D. Surani and H. Hamidah, "Students Perceptions in Online Class Learning During the Covid-19 Pandemic", IJoASER, vol. 3, no. 3, pp. 83-95, Nov. 2020.
- Giles, I.M. (1999). An Examination of Persistence and Dropout N the Online ComputerConferenced Classroom. Virginia Polytechnic Institute and State University: Doctoral dissertation.
- Gorard, S. & Selwyn, N. (2000). Researching The Role of Digital Technology in Widening Participation. (ERIC Document Reproduction Service No. ED45442)
- Hargis, J., Cavanaugh, C., Kamali, T., & Soto, M. (2013). A federal higher education iPad mobile learning initiative: Triangulation of data to determine early effectiveness. Journal of Innovation in Higher Education, 39(1).
- Hui Yong Tay (2015), Curriculum, Teaching and Learning (CTL) Academic Group, National Institute of Education, Nanyang Technological University, Singapore.
- Ismail Zain (2002). Aplikasi Multimedia Dalam Pengajaran. Kuala Lumpur. Sanon Printing Sdn. Bhd.
- Jenal, M. Z. (2017, March). Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Sistem Rangkaian Media Sosial Telegram Sebagai Alat Pembelajaran Modul Matematik: Satu Tinjauan Kes Di Kolej Komuniti Kuala Langat. In eProceedings iCompEx17 Academic Paper.
- Kearsley et al. (1995). "The effective & impact of online learning in graduate education." Education Technology, pp. 37-42.

- Kramarae, C. (2001). The third shift: Women learning online. Wishington, DC: AAUW Educational Foundation.
- Krejcie, R. V, & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities, 38, 607–610.
- Lynch, M. M. (2002). The online educator: A guide to creating the virtual classroom. Routledge.
- Malaysia, K. P. T. (2011). Dasar E-Pembelajaran Negara Institusi Pengajian Tinggi. Kementerian Pengajian Tinggi.
- Mustafar dan Hasmadi (2019) Kaedah E-Pembelajaran Semasa Menjalani Latihan Industri Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Di Malaysia.
- Mohd Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Koharuddin Mohd Balwi, Adanan Mat Junoh, et al. (2003). Kesediaan Pelajar University Malaysia Menggunakan E-Pembelajaran Sebagai Satu Alat Pembelajaran. Satu kajian kes di Unisversiti Teknologi Malaysia (UTM) di Skudai.
- O'Connor, C., Sceiford, E., Wang, g., Fourcar, Scoki, D., & Griffin, O. (2003). Departure, abandonment, and dropout of e-learning: Dilemma and Solutions. Retrieved November 16, 2003, from www.masie.com
- Pollard, E., & Hillage, J. (Eds). (2001). Exploring e-learning. The Institute for Emploment Studies. Report No. 376. Brighton: UK

GAYA KEPIMPINAN PENGARAH DAN PRESTASI KERJA PENSYARAH KOLEJ KOMUNITI

Nik Mas Alini Bt. Badruldin @ Muhamad¹, Amiera Saryati Bt. Sadun²

Kolej Komuniti Temerloh

nikmasalini82@gmail.com¹, amierasaryati83@gmail.com²

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti hubungan antara gaya kepimpinan pengarah dan tahap prestasi kerja di kalangan pensyarah Kolej Komuniti Temerloh (KKTM). Kajian ini menggunakan kaedah analisis kuantitatif iaitu perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS 22) kepada 34 responden. Soal selidik gaya kepimpinan diadaptasi daripada Bass and Avolio (1995) dan dimensi kepuasan kerja pensyarah diadaptasi daripada *Job Performance Campbell's Determinants of Job Performance* (1990). Hasil kajian mendapat gaya kepimpinan pengarah yang paling banyak diamalkan adalah Gaya Kepimpinan Transformasional (min = 4.78), dan gaya kepimpinan kedua yang paling banyak adalah Gaya Kepimpinan Transaksional (min = 4.52). Hasil kajian selanjutnya menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang sederhana dan signifikan antara gaya kepemimpinan pengarah dan prestasi kerja pensyarah di Kolej Komuniti Temerloh ($r = 0.404$, $p < 0.05$). Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa pengarah KKTM mengamalkan gaya kepimpinan Transformasional dan Transaksional dalam pengurusannya seterusnya dapat meningkatkan prestasi kerja yang baik di kalangan pensyarahnya.

Kata kunci : Gaya kepimpinan, tahap prestasi kerja, transformasional, transaksional

Pengenalan

Pelan Tindakan Pendidikan Malaysia (2015) telah menyebut kualiti kepimpinan sebagai intipati penting untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Fleksibiliti dalam gaya kepimpinan untuk menguruskan sesebuah institusi pendidikan adalah penting. Sebagai pemimpin, pengarah memainkan peranan penting untuk memimpin kakitangannya. Pemimpin yang berjaya tidak akan menerapkan hanya satu gaya kepimpinan tetapi akan menggabungkannya sesuai dengan situasi. Dari pemerhatian dan pelbagai rujukan literatur, didapati bahawa gaya kepimpinan pengarah sangat mempengaruhi prestasi kerja di kalangan pensyarah. Pelaksanaan yang bijak dalam gaya kepimpinan bukan sahaja dapat meningkatkan prestasi pensyarah tetapi juga akan mempengaruhi keputusan pelajar. Wallace (2003) mendakwa bahawa pemimpin yang berjaya mempunyai pengaruh yang kuat terhadap prestasi institusi dan pencapaian pelajar. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengetahui hubungan antara gaya kepemimpinan dan prestasi kerja dalam kalangan pensyarah di Kolej Komuniti Temerloh.

Fokus utama dalam kajian ini adalah untuk menyelidiki hubungan antara gaya kepimpinan pengarah kolej dan prestasi kerja pensyarah di Kolej Komuniti Temerloh. Hasil kajian ini menunjukkan pengarah Kolej Komuniti Temerloh mengamalkan gaya kepimpinan Transformasional dan Transaksional dalam pengurusannya. Kedua-dua gaya kepimpinan ini telah meningkatkan prestasi kerja di kalangan pensyarah.

Pernyataan Masalah

Berdasarkan tinjauan literatur dan pemerhatian oleh penyelidik, hubungan antara gaya kepimpinan dan prestasi kerja pensyarah dalam sistem kolej masih tidak banyak dibincangkan. Masalah pertama kajian ini adalah mengenai penerapan gaya kepimpinan di institusi. Ini adalah kerana fleksibiliti memilih gaya kepimpinan berdasarkan situasi adalah penting untuk memastikan kecekapan tinggi di kalangan staf. Kedua, mengenai prestasi kerja bagi pensyarah yang tidak mempunyai banyak kemahiran dalam mengajar, kurang disiplin dan mempunyai masalah dalam kemahiran pengurusan. Masalah ketiga dalam kajian ini akan menumpukan pada hubungan antara kepimpinan dan prestasi kerja.

Objektif kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti jenis gaya kepemimpinan yang diamalkan oleh pengarah dan prestasi kerja di kalangan pensyarah di Kolej Komuniti Temerloh, Pahang. Berikut adalah objektif kajian:

- i. Untuk mengenalpasti gaya kepimpinan yang diamalkan oleh Pengarah di Kolej Komuniti Temerloh.
- ii. Untuk mengenalpasti tahap prestasi kerja di kalangan pensyarah di Kolej Komuniti Temerloh.
- iii. Untuk mengenalpasti hubungan antara gaya kepimpinan dan prestasi kerja di kalangan pensyarah di Kolej Komuniti Temerloh.

Tinjauan Literatur

Kajian mengenai gaya kepemimpinan dan prestasi kerja telah dilakukan oleh banyak sarjana di seluruh dunia. Walaubagaimanapun, penelitian terhadap kajian penyelidikan dalam 10 tahun terakhir mendapati tidak banyak kajian yang dilakukan mengenai gaya kepemimpinan dan prestasi kerja, terutama dalam lingkungan pendidikan di Malaysia.

Antara kajian yang telah dibuat ialah daripada Mohd Azuan Ali, Azilahwati Adam dan Mohd Zamri Ali (2019) yang mengkaji hubungan antara gaya kepimpinan terhadap prestasi kerja Pensyarah Kolej Komuniti. Kajian ini mendapati bahawa gaya kepimpinan Laissez-faire mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi kerja.

Manakala kajian yang dibuat oleh Marhaini Abdul Ghani, Nadwatul Husna Mustapha, Azharuddin Hashim, dan Nur Hidayah Mohd Amin (2016) tentang gaya kepimpinan transformasional terhadap keberkesanan organisasi di bahagian pentadbiran mendapati bahawa gaya kepimpinan transformational mempunyai hubungan yang positif terhadap keberkesanan organisasi.

Kajian yang ditulis oleh Maryam M., Turiman S., Abu Daud S. & Zoharah O., (2013) yang bertajuk *Transformational, Transactional Leadership Styles and Job Performance of Academic Leaders*. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara gaya kepemimpinan pekerjaan dan prestasi kerja di kalangan pemimpin pendidikan di institusi pendidikan di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa gaya kepemimpinan dapat mendorong semua pemimpin meningkatkan kemahiran kepimpinan mereka dan memperkuatkan prestasi kerja dan penglibatan mereka dalam organisasi. Juga didapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepemimpinan dan prestasi kerja, yang menjadikan seorang pemimpin harus menerapkan gaya kepimpinan yang sesuai dengan organisasi dan pekerjanya.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif kerana tujuannya adalah untuk mengenalpasti hubungan antara gaya kepimpinan (pemboleh ubah bebas) dan prestasi kerja (pemboleh ubah bersandar). Dalam pengumpulan data dan instrumen yang digunakan diadaptasi daripada *Multifactor Leadership Questionnaire (MLQ) Form 5X-Short for Principal Leadership Styles* dan *Teacher's Job Performance Questionnaire (JPQ) for Performance*. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian 1 (Demografi), Bahagian 2 (Gaya Kepimpinan) dan Bahagian 3 (Prestasi Pekerjaan). Skop kajian hanya melibatkan seramai 34 orang pensyarah sahaja dan tidak melibatkan keseluruhan kakitangan di Kolej Komuniti Temerloh. Selain itu, kajian ini hanya fokus kepada tiga gaya kepimpinan sahaja iaitu transformasional, transaksional dan *laissez-faire*.

Dapatan Kajian

Berikut adalah hasil dapatan yang diperolehi daripada kajian yang telah dilakukan. Analisis deskriptif ini adalah merujuk kepada objektif kajian pertama, iaitu mengenal pasti skor min gaya kepemimpinan.

Soalan kajian 1: Berapakah skor min gaya kepimpinan pengarah di Kolej Komuniti Temerloh, Pahang?

Jadual 1 menunjukkan nilai min bagi setiap gaya kepimpinan yang diamalkan oleh pengarah:

Jadual 1 Skor min Gaya Kepimpinan

	N	Mean	Std. Deviation
Kepimpinan Transformasional	34	4.78	.354
Kepimpinan Transaksional	34	4.52	.398
Kepimpinan Laissez-faire	34	2.89	1.166
Keseluruhan	34	4.30	.376

1= Strongly disagree; 2= Disagree; 3= Neutral; 4= Agree; 5= Strongly agree.

Jadual 1 menunjukkan skor min gaya kepimpinan pengarah yang dinilai oleh pensyarah Kolej Komuniti Temerloh, Pahang. Didapati Gaya Kepimpinan Transformasional menunjukkan skor min tertinggi berbanding dengan gaya kepimpinan lain, pada 4.78 ($SD = 0.354$). Gaya Kepemimpinan Transaksional adalah gaya kepemimpinan kedua tertinggi dengan skor min 4.52 ($SD = 0.398$) diikuti oleh Gaya Kepemimpinan *Laissez-faire* dengan skor min 2.89 ($SD = 1.167$). Ini bermaksud bahawa Gaya Kepimpinan *Laissez-faire* adalah gaya kepimpinan yang sangat jarang diamalkan oleh pengarah di Kolej Komuniti Temerloh.

Soalan kajian 2: Berapakah skor min prestasi kerja di kalangan pensyarah di Kolej Komuniti Temerloh, Pahang?

Persoalan kajian kedua adalah untuk mengetahui apakah skor min prestasi kerja di kalangan pensyarah di Kolej Komuniti Temerloh. Jadual 2 menunjukkan skor statistik tersebut:

Jadual 2 Skor min Prestasi Kerja

	N	Mean	Std. Deviation
Disiplin	34	4.57	.428
Kemahiran Mengajar	34	4.56	.364
Kemahiran pengurusan	34	4.52	.420
Skor Min	34	4.55	.347

1 = Sangat tidak setuju; 2 = Tidak setuju; 3 = Berkecuali; 4 = Setuju; 5 = Sangat setuju.

Jadual 2 menunjukkan skor min prestasi kerja di kalangan pensyarah Kolej Komuniti Temerloh. Berdasarkan jadual di atas, didapati bahawa skor min tertinggi adalah elemen disiplin iaitu 4.57 ($SD = 0.428$). Ini menunjukkan bahawa pensyarah di Kolej Komuniti Temerloh, Pahang mempunyai disiplin yang baik, yang menyumbang kepada prestasi kerja mereka. Kemahiran mengajar menunjukkan prestasi kerja kedua yang paling tinggi dengan nilai skor min 4.56 ($SD = 0.364$), dan kemahiran pengurusan adalah skor terendah iaitu nilai min adalah 4.52 ($SD = 0.420$).

Soalan Kajian 3:

Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan pengarah dan prestasi kerja pensyarah di Kolej Komuniti Temerloh, Pahang? Berikut adalah hipotesis untuk persoalan kajian.

H_0 : Tidak ada hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan pengarah dan prestasi kerja pensyarah di Kolej Komuniti Temerloh, Pahang.

H_1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan pengarah dan prestasi kerja pensyarah di Kolej Komuniti Temerloh, Pahang.

Jadual 3 Hubungan antara gaya kepimpinan pengarah dan prestasi kerja pensyarah

		Prestasi Kerja
Gaya Kepemimpinan	Pearson Correlation	.404
	Sig. (2-tailed)	.018
	N	34

*.Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

Pekali Korelasi Momen Produk Pearson digunakan untuk menganalisis hubungan antara gaya kepimpinan pengarah (pemboleh ubah bebas) dan prestasi kerja pensyarah (pemboleh ubah bersandar) di Kolej Komuniti Temerloh. Jadual 3 menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif dan signifikan antara gaya kepemimpinan pengarah dengan prestasi kerja pensyarah ($r = .404$, $p < 0.05$). Cohen (1988) menjelaskan bahawa dengan skor 0.404 antara kedua pemboleh ubah ini

bermaksud korelasi positif, dan ketika $p < 0.05$, terdapat hubungan yang signifikan antara kedua pemboleh ubah ini. Oleh itu, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa H_0 ditolak.

Perbincangan

Hasil kajian menunjukkan amalan gaya kepimpinan di mana min tertinggi dicatatkan oleh gaya kepimpinan transformasional. Penemuan ini adalah sesuai dengan penemuan oleh Rhoades and Eisenberger (2002) yang menyatakan pengarah dan pensyarah mempunyai hubungan timbal balik di kolej, yang ditunjukkan dalam gaya kepimpinan pengarah-pensyarah. Apabila pekerja bawahan menganggap pemimpin atau organisasi mereka menyokong, mereka merasa berkewajiban untuk membala dengan sikap dan tingkah laku positif untuk meningkatkan prestasi mereka. Terbukti, penemuan di atas menunjukkan bahawa pendekatan yang wajar yang digunakan oleh pengarah dalam gaya kepimpinan, meningkatkan prestasi kerja. Kualiti kepimpinan dipengaruhi oleh pemikiran pemimpin itu sendiri yang akhirnya terwujud dalam gaya kepimpinan mereka terhadap orang bawahan.

Dapatan kajian juga menunjukkan prestasi kerja pensyarah dalam dimensi disiplin mempunyai pengaruh terbesar yang dipengaruhi oleh gaya kepimpinan pengarah diikuti dengan kemahiran mengajar dan kemahiran pengurusan. Gaya kepimpinan pengarah jelas mempunyai pengaruh penting dalam menentukan dan mempengaruhi prestasi kerja pensyarah. Weiqi (2007) mendakwa bahawa pensyarah yang menjalankan tugas dengan cemerlang lebih cenderung untuk melakukan tugas tambahan Somech dan Drach-Zahavy (2000), dan kurang cenderung untuk meninggalkan profesi perguruan, Skaalvik (2011).

Seterusnya, hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara gaya kepimpinan pengarah dengan prestasi kerja pensyarah ($r=0.404$, $p<0.05$). Ini menunjukkan bahawa semakin berkesan amalan gaya kepimpinan pengarah, semakin baik prestasi kerja pensyarah. Dapatan ini disokong oleh Ince dan Gil (2011) yang mencadangkan bahawa gaya kepemimpinan antara majikan dan pekerja akan mempengaruhi prestasi pekerja dengan cara

yang positif. Penyelidik lain seperti Kibe (2014), Sgobbi dan Cainarca (2015) juga menyatakan bahawa terdapat hubungan positif antara gaya kepimpinan dan prestasi pekerja.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, didapati gaya kepimpinan yang berkesan akan meningkatkan prestasi kerja di peringkat struktur organisasi bawahan. Ini mendorong para pensyarah untuk bekerja dengan lebih berkesan dan mencapai tahap prestasi kerja yang lebih tinggi. Hasil daripada gaya kepimpinan pengarah yang berkesan, maka pensyarah dapat memahami harapan pengarah dalam melaksanakan tugas mereka.

Rujukan

- Abraham, K. G., Arando, S., Gago, M., Derek, C., Baert, S., Cockx, B., & Heart, N. G. S. L. (2015). ILR REVIEW. Korea, 68(1), 53-78.
- Aleven, V., Stahl, E., Schworm, S., Fischer, F., & Wallace, R. (2003). Help seeking and help design in interactive learning environments. Review of educational research, 73(3), 277-320.
- Ali, M. A., Adam, A., & Ali, M. Z. (2019). Hubungan Antara Gaya Kepimpinan Terhadap Prestasi Kerja Pensyarah Kolej Komuniti. Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning, 3(1), 10-19.
- Avolio, B. J., & Bass, B. M. (1995). Individual consideration viewed at multiple levels of analysis: A multi-level framework for examining the diffusion of transformational leadership. The leadership quarterly, 6(2), 199-218.
- Campbell, J. P., McHenry, J. J., & Wise, L. L. (1990). Modeling job performance in a population of jobs. Personnel psychology, 43(2), 313-575.
- Ghani, M. A., Mustapha, N. H., Hashim, A., & Amin, N. H. M. (2016). Gaya kepimpinan transformasional terhadap keberkesanannya organisasi di bahagian pentadbiran Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Ince, M., & Güll, H. (2011). The effect of employees' perceptions of organizational justice on organizational citizenship behavior: An application in Turkish public

- institutions. International Journal of Business and Management, 6(6), 134.
- Mahdinezhad, M., & Suandi, B. (2013). Transformational, transactional leadership styles and job performance of academic leaders. International Education Studies, 6(11), 29-34.
- Rhoades, L., & Eisenberger, R. (2002). Perceived organizational support: a review of the literature. Journal of applied psychology, 87(4), 698.
- WeiQi, C. (2007). The structure of secondary school teacher job satisfaction and its relationship with attrition and work enthusiasm. Chinese Education & Society, 40(5), 17-31.
- Skaalvik, E. M., & Skaalvik, S. (2009). Does school context matter? Relations with teacher burnout and job satisfaction. Teaching and teacher education, 25(3), 518-524.
- Somech, A., & Drach-Zahavy, A. (2000). Understanding extra-role behavior in schools: The relationships between job satisfaction, sense of efficacy, and teachers' extra-role behavior. Teaching and Teacher Education, 16(5-6), 649-659.
- Wallace M. (2003). Managing the Unmanageable? Coping with Complex Educational Change Educational Management & Administration, 31(1), 9-29

**KESEDIAAN PENSYARAH MELAKSANAKAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
BERASASKAN *BLENDED LEARNING* DI KOLEJ KOMUNITI PASCA PANDEMIK COVID-19**

Zaili binti Ibrahim¹, Mazuin binti Staphah²

Kolej Komuniti Bandar Darulaman

[**zaili.kkbda@celt.edu.my**](mailto:zaili.kkbda@celt.edu.my)¹, [**mazuin.kkbda@celt.edu.my**](mailto:mazuin.kkbda@celt.edu.my)²

ABSTRAK

Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) secara bersemuka telah digantikan dengan kaedah atas talian. Bertepatan dengan situasi Pasca Covid-19, pensyarah perlu bersedia untuk menerapkan norma baharu dalam kaedah PDP sebagai alternatif kepada kaedah pembelajaran tradisional. Proses PDP perlu diteruskan samada secara bersemuka, atas secara atas talian melalui kaedah *synchronous* dan *asynchronous*. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap kesediaan pensyarah menjalankan kaedah pengajaran dan pembelajaran berdasarkan blended learning di Kolej Komuniti semasa pasca pandemik Covid-19. Rekabentuk Kajian Kuantitatif menggunakan kaedah kajian tinjauan digunakan dalam kajian ini. Seramai 97 orang pensyarah Kolej Komuniti dipilih secara rawak sebagai responden kajian. Instrumen Kajian yang digunakan telah dibangunkan oleh penyelidik dan telah melalui poses pengujian untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan pensyarah dalam menjalankan blended learning dalam pengajaran dan pembelajaran adalah tinggi dengan nilai min keseluruhan kajian adalah 4.10 dan sisihan piawai sebanyak 0.78. Kesimpulannya, tahap kesediaan pensyarah untuk menggunakan kaedah blended learning adalah tinggi namun tahap kemahiran mereka dalam penggunaan teknologi memerlukan latihan intensif yang berterusan. Kewujudan pelbagai kaedah teknologi pembelajaran akan memudahkan proses peningkatan kemahiran pensyarah tambahan pula dengan ciri ciri pensyarah yang komited dan berdikari, kaedah *blended learning* ini dijangka mampu menjadi alternatif kepada kaedah pembelajaran tradisional.

Kata kunci: *Blended learning*, tahap kesediaan pensyarah, pengajaran dan pembelajaran, pasca pandemik Covid-19

Pengenalan

Pada 11 Mac 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan penularan Covid-19 sebagai pandemik. Pelbagai sektor termasuk sektor pendidikan telah ditutup. Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) secara bersemuka telah digantikan dengan kaedah atas talian. Bertepatan dengan situasi Pasca Covid-19, pensyarah perlu bersedia untuk menerapkan norma baharu dalam kaedah PDP sebagai alternatif kepada kaedah pembelajaran tradisional. Antaranya adalah dengan mengimplementasikan kaedah *blended learning* dalam proses PDP. *Blended learning* adalah gabungan teknik pembelajaran bersemuka dan secara atas talian. Kaedah PDP *Blended learning* telah memanfaatkan teknologi yang ada ke arah transformasi kaedah PDP yang lebih fleksibel dan bebas seterusnya mengubah gaya pengajaran pensyarah yang dapat memberi ruang kepada pelajar untuk menjadi lebih berdikari dan efisien. Imran & Ridwan, 2020, dalam kajiannya menyatakan bahawa pembelajaran secara atas talian merupakan salah satu keaedah pembelajaran yang lebih fleksibel dan pensyarah perlu mentransformasikan kaedah PDP serta memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka aktiviti pembelajaran dengan lebih efisien.

Pernyataan Masalah

Kolej Komuniti Malaysia mula beroperasi dan menerima kemasukan pelajar baharu mengikut Garis Panduan Pengurusan Operasi (SOP) Politeknik Dan Kolej Komuniti Semasa Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Akibat Pandemik Covid-19 yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 30 Jun 2020. Proses PDP perlu diteruskan samada secara bersemuka, atas secara atas talian melalui kaedah *synchronous* dan *asynchronous*. Penggunaan *blended learning* mula mendapat perhatian terutamanya di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Ia telah membawa perubahan dalam kaedah PDP serta cara guru dan pelajar mendekati pengalaman pembelajaran. Pelajar dan pensyarah memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan proses PDP menggunakan kaedah *blended learning*. Antaranya adalah kesediaan pensyarah untuk mengaplikasikan kaedah *blended learning*. Kemahiran dan kreativiti pensyarah penting agar matlamat pengajaran terlaksana. Pensyarah juga perlu membuat persediaan yang rapi serta

perlu lebih kreatif dalam melaksanakan proses PDP. Menurut Husni (2011), pensyarah memainkan peranan yang penting dalam mengendalikan proses PDP menggunakan kaedah *Blended Learning*. Selain daripada mempunyai ketramplian mengajar, mereka juga perlu mempunyai kemahiran mengendalikan komputer dan internet untuk mengembangkan sumber pembelajaran secara atas talian dan seterusnya menggabungkan kedua-dua kaedah tersebut dalam proses PDP. Pengetahuan teknologi juga merupakan faktor penting kejayaan dalam perlaksaanaan proses PDP menggunakan kaedah *Blended Learning*. Pensyarah perlu memberi fokus dalam kemahiran teknologi kerana beberapa keperluan teknologi, perkhidmatan dan aplikasi perlu dikuasai untuk melaksanakan kaedah blended learning dalam kaedah PDP (Md Yazid, 2016)

Persoalan Kajian

- i. Adakah pensyarah mampu dan berdikari dalam menyiapkan bahan pengajaran?
- ii. Adakah pensyarah mempunyai kemahiran menggunakan teknologi dan kaedah pembelajaran elektronik (e-pembelajaran)?
- iii. Adakah pensyarah bersedia untuk menjalankan *blended learning* dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PDP)?

Tinjauan Literatur

Blended Learning merupakan kaedah pembelajaran terkini yang semakin popular untuk digunakan sebagai salah satu kaedah pembelajaran. Menurut Md Yazid (2016) *Blended Learning* adalah kombinasi pembelajaran atas talian dan bersemuka dengan 30% hingga 80% aktiviti dikendalikan secara atas talian. Thorne (2003) menyatakan *blended learning* adalah gabungan teknologi manakala Garisson dan Norman (2008) menyatakan *Blended Learning* kini berada dalam evolusi transformasi kaedah PDP di IPT. Untuk memastikan kaedah ini terus relevan, ia memerlukan kefahaman yang jelas agar dapat menepati hasil pembelajaran dan memerlukan kolaborasi antara pensyarah dan pelajar untuk memupuk persekitaran pembelajaran yang berintegrasikan sosial dan kognitif.

Blended learning telah memanfaatkan teknologi yang ada kearah transformasi kaedah pembelajaran yang lebih fleksibel seterusnya mengubah gaya pengajaran yang memberi ruang untuk pelajar menjadi lebih berdikari dan efisien (Imran & Ridwan, 2020). Haryani Haron et al. (2012) menyatakan kebergunaan sistem, matlamat pembelajaran dan kecenderungan terhadap teknologi pendidikan merupakan faktor utama kejayaan dalam pelaksanaan PDP menggunakan kaedah *blended learning*.

Menurut Husni (2011), tenaga pengajar mempunyai peranan yang penting dalam mengendalikan proses PDP menggunakan kaedah Blended Learning. Selain daripada mempunyai ketrampilan mengajar, mereka juga perlu mempunyai kemahiran mengendalikan komputer dan internet untuk mengembangkan sumber pembelajaran secara atas talian dan seterusnya menggabungkan kedua-dua kaedah tersebut dalam proses pembelajaran.

Suzana & Raman (2015) dalam kajiannya telah membuktikan bahawa penggunaan *blended learning* dalam proses PDP berupaya menjimatkan kos dan masa. Beliau juga menekankan tentang cabaran tenaga pengajar dalam melaksanakan pembelajaran secara atas talian yang disebabkan oleh kemudahan infrastruktur dan sistem maklumat. Untuk menjamin keberkesanan perlaksanaan proses pengajaran berdasarkan *blended learning*, kemudahan infrastruktur dan sistem maklumat perlu berada dalam keadaan yang baik dan memuaskan.

Metodologi

Rekabentuk Kajian Kuantitatif menggunakan kaedah kajian tinjauan digunakan dalam kajian ini. Data dikumpul menggunakan borang soal selidik secara atas talian menggunakan perisian aplikasi Google Form. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan analisis deskriptif untuk mengenalpasti tahap kesediaan pensyarah yang mengajar di Kolej Komuniti untuk menjalankan kaedah PDP berdasarkan *blended learning*. Seramai 97 orang pensyarah Kolej Komuniti Bandar Darulaman (KKBDA), Kolej Komuniti Arau (KKA) dan Kolej Komuniti Nibong Tebal (KKNT) telah dipilih secara rawak sebagai responden kajian. Soal selidik yang digunakan berbentuk skala liked 5 mata yang terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A: Maklumat Demografi Responden dan Bahagian

B: Soalan untuk menguji kesediaan pensyarah untuk menjalankan pembelajaran berasaskan *blended learning*. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini telah dibangunkan oleh penyelidik. Untuk memastikan kebolehpercayaan dan kesahan instrument kajian tersebut, satu kajian rintis telah dijalankan terhadap sekumpulan responden yang mempunyai ciri yang sama dengan sampel kajian. Seramai 25 orang pensyarah dari tiga buah Kolej Komuniti iaitu Kolej Komuniti Teluk Intan (KVTI), Kolej Komuniti Masjid Tanah (KKMT) dan Kolej Komuniti Beaufort (KKB) telah terlibat dalam kajian ini. Sebanyak 10 item soal selidik telah dibina. Nilai kebolehpercayaan yang diperolehi adalah 0.704 seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Nilai Cronbach Alpha Bagi Kajian Rintis

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.704	.666	10

Keputusan

Taburan responden mengikut jantina adalah 33% pensyarah lelaki dan manakala pensyarah perempuan adalah 67%. Manakala peratusan mengikut tahun perkhidmatan adalah 3.1% bagi 1 hingga 5 tahun perkhidmatan, 30.9% bagi 6 hingga 10 tahun perkhidmatan, 43.3% bagi 11 hingga 15 tahun perkhidmatan, 18.6% bagi 16 hingga 20 tahun perkhidmatan dan 4.1% bagi 21 tahun ke atas tahun perkhidmatan.

Nilai min yang diperolehi bagi menjawab soalan kajian pertama adalah 4.07. Ini menunjukkan para pensyarah di Kolej Komuniti mempunyai kebolehan dalam penyediaan bahan pengajaran serta komited dan boleh menyiapkan bahan pengajaran tanpa bantuan orang lain.

Manakala nilai min bagi menjawab persoalan kajian yang kedua ialah 4.22. Nilai min yang diperolehi menunjukkan pensyarah bersedia untuk mengadaptasikan teknologi dalam keadaan

PDP selari dengan perkembangan teknologi semasa namun pensyarah juga menyatakan bahawa mereka kurang berkemahiran dalam menggunakan kaedah pembelajaran elektronik.

Para pensyarah juga berpendapat bahawa masih terdapat keperluan untuk melaksanakan kaedah PDP secara bersemuka dan berpandangan bahawa terdapat kelebihan dan kekurangan dalam menjalankan kaedah secara atas talian di kolej komuniti.

Bagi menjawab persoalan kajian yang ketiga nilai min yang dicatatkan adalah 4.0. Ini menunjukkan pensyarah bersedia untuk menggunakan kaedah *blended learning* dalam proses PDP namun masih terdapat segelintir pensyarah yang masih memerlukan masa untuk mentransformasikan kaedah e-pembelajaran dalam aktiviti PDP mereka.

Hasil analisis menunjukkan min keseluruhan yang diperolehi adalah tinggi iaitu 4.10. Secara keseluruhannya pensyarah dilihat bersedia untuk mengimplementasikan dan menyahut cabaran pembelajaran secara norma baharu.

Perbincangan

Hasil dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan pensyarah-pensyarah di Kolej Komuniti mempunyai tahap kesediaan yang tinggi untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah blended learning. Para pensyarah dilihat mempunyai kemampuan untuk berdikari dalam menyediakan sendiri bahan PDP. Dapatkan kajian ini juga menunjukkan pensyarah selesa untuk mengadaptasikan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka namun mempunyai sedikit kekangan dari segi kemahiran teknikal dalam menggunakan kaedah pembelajaran elektronik. Dapatkan kajian yang diperolehi juga selari dengan dapatan kajian telah dijalankan oleh Hashim et.al (2013) yang menunjukkan kompetensi pensyarah dalam kemahiran asas teknikal dan operasi berada pada tahap yang sederhana tinggi. Terdapat pelbagai kaedah e-pembelajaran terkini yang boleh digunakan dan kebanyakan pensyarah tidak dapat menguasai sepenuhnya. Mereka memerlukan masa untuk menjadikannya sebagai satu kebiasaan baharu dan meneroka penggunaannya. Latihan dan kursus perlu

diberikan kepada pensyarah agar mereka lebih mahir. Memandangkan PDP secara norma baharu berlaku secara tiba-tiba, para pensyarah masih memerlukan masa untuk meneroka bahan e-pembelajaran. Hashim et.al (2013) juga menyarankan agar setiap pensyarah perlu meningkatkan kecekapan mereka kerana kemahiran asas teknikal dan operasi merupakan elemen penting dalam perlaksanaan proses pengajaran dalam talian.

Hasil kajian juga menunjukkan pensyarah berpendapat bahawa pembelajaran secara bersemuka tidak boleh diabaikan kaedah pembelajaran secara dalam talian sepenuhnya mempunyai kelebihan dan kelemahannya yang tersendiri. Dalam konteks pendidikan di Kolej Komuniti Malaysia, kaedah *blended learning* boleh digunakan dalam strategi PDP kerana kaedah pembelajaran amali menjadi tunggak utama dalam institusi Technical Education and Vocational Training (TVET). Oleh itu, pembelajaran secara bersemuka masih digunakan untuk melaksanakan pembelajaran amali manakala bagi pembelajaran teori akan dilaksanakan secara atas talian (Zainal Abidin, 2014).

Kesimpulan

Kesimpulannya, tahap kesediaan pensyarah untuk menjalankan kaedah PDP secara blended learning di kalangan pensyarah Kolej Komuniti adalah tinggi. Para pensyarah dilihat selesa untuk mengadaptasikan kecanggihan teknologi terkini dalam sesi pembelajaran mereka terutamanya pada pasca pandemic Covid-19. Yang menjadi kekangan kepada mereka adalah tahap kemahiran mereka dalam penggunaan teknologi atas talian untuk proses pembelajaran, namun ianya bukanlah suatu yang kritikal kerana dengan adanya latihan intensif dan penggunaan yang berterusan, ia sedikit sebanyak dapat membantu meningkatkan kemahiran tersebut. Malah, kewujudan pelbagai kaedah teknologi pembelajaran dijangka akan memudahkan lagi proses peningkatan kemahiran para pensyarah. Dengan kemampuan pensyarah yang mempunyai sikap berdikari dalam menyiapkan bahan pembelajaran, kaedah *blended learning* ini dijangka mampu menjadi alternatif kepada kaedah pembelajaran tradisional.

Rujukan

- Hashim , Y., Saleh, M., Raoh, I., & Hamzah, M. (2013). Kompetensi Pensyarah Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Dalam Talian (PDT) Dalam Sistem Pembelajaran Konvensional.
- Husni Idris. (2011). Pembelajaran Model Blended Learning. Jurnal Iqra', 6(1), 61-73.
- Imran Rahmat & Ridwan (2020). Implementasi Andragogi Platform E-Learning pada Blended Learning di Universitas Padang. Journal of Education Technology, 4(2), 133-149.
- Md Yazid, N. (2016). Amalan Pembelajaran Teradun Pensyarah di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.
- Randy Garrison & Norman D. Vaughan (2008). Blended Learning in Higher Education Framework, Principles and Guidelines. Jossey-Bass.
- Suzana Binti Baharudin & Raman Bin Ibrahim. (2015). Perlaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran secara Blended Learning di Jabatan Perdagangan Politeknik Merlimau Melaka. Proceedings of The 1st National Conference On Business & Innovation, (pp. 139-149).
- Thorne, K. (2003). Blended Learning : How to Ontegrate Online and Traditional Learning . London: Kogan Page.
- Zainal Abidin, Z. (2003). Garis Panduan Amalan Terbaik Konsep Pembelajaran Teradun Bagi Politeknik-Politeknik Malaysia, Jabatan Pengajian Politeknik.

KEBOLEHPASARAN GRADUAN TVET BAGI TAHUN 2020 DI KOLEJ KOMUNITI AMPANG

Nur Aizya Binti Mappissammeng¹, Zaidah Binti Mustafa²

Kolej Komuniti Ampang, Selangor

[**nuraizya@staf.kkampang.edu.my**](mailto:nuraizya@staf.kkampang.edu.my)¹, [**zaidah.mustafa@kkampang.edu.my**](mailto:zaidah.mustafa@kkampang.edu.my)²

ABSTRAK

Kajian yang dilaksanakan adalah mengenai kadar kebolehpasaran graduan di Kolej Komuniti Ampang bagi tahun 2020. Kebolehpasaran graduan kolej komuniti turut dikira bagi graduan yang bekerja samada menerima gaji, bekerja sendiri atau bekerja dengan keluarga. Analisis kajian menggunakan kaedah analisis deskriptif seperti min dan peratusan. Terdapat dua program pengajian yang terlibat dalam kajian ini iaitu Program Diploma Mobile Technology (DMT) dan Diploma Teknologi Telekomunikasi (DTT) yang terdiri daripada 37 orang graduan. Hasi kajian mendapati kebolehpasaran graduan di Kolej Komuniti Ampang bagi tahun 2020 adalah sangat tinggi. Terdapat tiga objektif utama dalam kajian ini iaitu mengenal pasti status pekerjaan graduan mengikut program pengajian, mengenal pasti peratus kesepadan pekerjaan graduan yang bekerja dalam bidang dan mengenal pasti peratus kadar pendapatan bulanan graduan mengikut program. Seramai 37 orang graduan yang menjawab soal selidik melalui Sistem Kajian Pengesahan Graduan TVET (SKPG-TVET) secara atas talian. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan sistem SPSS versi 23.0. Status pekerjaan graduan DMT adalah sebanyak 94.7 % graduan telah bekerja manakala sebanyak 5.3% graduan melanjutkan pengajian. Bagi program DTT, sebanyak 94.4 % graduan telah bekerja manakala sebanyak 5.6% graduan menunggu penempatan pekerjaan. Sementara itu, kesepadan pekerjaan graduan yang bekerja dalam bidang adalah sebanyak 37.1%. Kebanyakan graduan yang bekerja memperolehi pendapatan bulanan di antara RM1,000 hingga RM1500 iaitu sebanyak 42.9%. Secara keseluruhannya, kadar kebolehpasaran graduan di Kolej Komuniti Ampang pada tahun 2020 adalah tinggi iaitu sebanyak 100%.

Kata kunci: Kebolehpasaran, Kerjaya, Graduan, Pekerjaan dan Pendapatan.

Pengenalan

Seiring dengan hasrat kerajaan dalam memperkasakan bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) agar relevan serta memenuhi kehendak Revolusi Perindustrian 4.0 menjelang abad ke 21, maka pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi melahirkan modal insan berkualiti dan berdaya siang yang mampu bersaing seiring dengan keperluan pasaran industri tempatan dan global. Ianya bukan hanya fokus pada pasaran kerja semata-mata, namun khususnya melahirkan modal insan yang mampu membina sebuah negara bangsa melalui sistem yang relevan. Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) berperanan sebagai suatu saluran untuk memproses dan menghasilkan tenaga mahir tempatan, malahan juga sebagai jentera pembangunan sesebuah negara. Bagi memenuhi hasrat untuk meningkatkan ekonomi berpendapatan tinggi, Malaysia perlu menambah enrolmen graduan dalam TVET dan meningkatkan kualiti latihan secara menyeluruh. Dalam Rancangan Malaysia ke-10, 2010, kelayakan pendidikan yang tinggi bagi menyokong pembangunan pengetahuan dan inovasi, tahap kemahiran yang tinggi dalam bidang teknikal dan profesional serta paras produktiviti yang tinggi adalah antara ciri utama modal insan dan sumber tenaga kerja negara yang berpendapatan tinggi.

Walaupun perkembangan teknologi yang pesat mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan namun tidak dinafikan bahawa persaingan sengit di alam pekerjaan semakin meningkat. Sehubungan itu, pemilihan kerjaya merupakan satu permasalahan terbesar yang sering dikemukakan oleh individu. Pemilihan kerjaya merupakan suatu aspek penting dalam kehidupan seseorang individu kerana kerjaya yang dipilih sedikit sebanyak akan menentukan corak peranan yang dimainkan oleh seseorang individu dalam masyarakat. Mohd Noah (2007) menyatakan bahawa pemilihan kerjaya adalah satu proses yang paling penting dalam kehidupan seseorang individu apabila mula memikirkan untuk memasuki dunia pekerjaan yang sebenar. Justeru itu, kolej komuniti dan politeknik memainkan peranan yang penting dalam melahirkan graduan yang dapat menghadapi cabaran masa kini yang semakin mencabar.

Mengikut Informasi Kolej Komuniti Edisi Oktober 2018, empat misi Kolej Komuniti telah digariskan iaitu:

- i. Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf
- ii. Memperkasa komuniti melalui Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)
- iii. Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang dan
- iv. Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan

Pernyataan Masalah

Hala tuju pemilihan kerjaya bagi seseorang graduan bukan hanya berdasarkan kepada kelulusan semata-mata, malahan aspek lain juga perlu dititikberatkan seperti minat, sifat keperibadian dan juga pengalaman graduan adalah penting bagi mengelakkan masalah yang tidak diingini kelak akan wujud seperti rasa bosan, tidak bersemangat, sesalan dan sebagainya yang mampu menyebabkan kualiti kerjaya terjejas (Noor Shamsila, 2012). Dewasa ini, pasaran kerja semakin menuntut graduan untuk lebih berdaya bersaing dan memerlukan pelbagai kemahiran untuk memasarkan kebolehan diri graduan di samping memiliki kelulusan akademik yang cemerlang. Ini adalah kerana graduan cenderung menghadapi kegagalan mendapatkan pekerjaan disebabkan oleh tidak dapat menunjukkan kemahiran kebolehpasaran dan hanya menunjukkan kelayakan akademik semata-mata. Graduan kolej komuniti mencatat peratus tertinggi menyatakan mereka bekerja sendiri, iaitu 10.0%. Bagi graduan IPT lain sebanyak 6.6% yang bekerja sendiri dan graduan politeknik sebanyak 5.6%. Tambahan pula, sebanyak 53.6% graduan yang baru memulakan perniagaan menyatakan pendapatan bulanan mereka adalah RM1000 dan ke bawah, diikuti 27.2% memperolehi pendapatan dalam selang RM1001 hingga RM2000, 10.0% dalam kumpulan pendapatan RM2001 hingga RM3000 dan hanya 9.3% berada dalam kumpulan pendapatan RM3001 dan ke atas (Laporan Kajian Pengesanan Graduan, 2017).

Pemilihan kerjaya merupakan satu proses yang sangat kompleks. Walaupun terdapat pelbagai jenis pekerjaan yang boleh diceburi, namun bagi golongan graduan yang mempunyai pengetahuan dan maklumat serta perhubungan yang sangat terbatas tentang dunia pekerjaan memerlukan bimbingan dan motivasi. Masalah graduan menganggur merupakan satu isu yang

memberi cabaran yang besar kepada Kolej Komuniti Ampang. Hasil analisa Laporan Kebolehpasaran Graduan 2018 Kolej Komuniti Ampang menunjukkan sebanyak 80% graduan bekerja dan 20% graduan masih menganggur selepas enam bulan menamatkan pengajian. Para graduan telah dilengkapi dengan kemahiran dalam bidang seperti yang diperlukan oleh bakal majikan. Namun begitu, terdapat segelintir graduan yang gagal mendapatkan pekerjaan. Bagi menghasilkan graduan TVET yang berkualiti, Politeknik dan Kolej Komuniti perlu mengambil langkah strategik dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui penambahan kompetensi yang boleh memberi kelebihan daya saing di dalam bidang teknikal dan kemahiran insaniah (Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti, 2018).

Objektif dan Persoalan Kajian

Objektif kajian ini adalah:

- i. Mengenal pasti status pekerjaan graduan mengikut program pengajian.
- ii. Mengenal pasti peratus kesepadanan pekerjaan graduan yang bekerja dalam bidang mengikut program pengajian.
- iii. Mengenal pasti peratus kadar pendapatan bulanan yang diperolehi oleh graduan mengikut program pengajian.

Persoalan kajian ini adalah:

- i. Apakah status pekerjaan graduan mengikut program pengajian.
- ii. Apakah kesepadanan pekerjaan graduan yang bekerja dalam bidang mengikut program pengajian.
- iii. Berapakah peratus kadar pendapatan bulanan yang diperolehi oleh graduan mengikut program pengajian.

Kepentingan Kajian

Kajian ini akan memberi input kepada pihak kolej dan Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti berkenaan dengan kadar kebolehpasaran graduan khususnya di Kolej Komuniti Ampang. Diharapkan hasil kajian ini akan dijadikan rujukan dan panduan untuk pelbagai pihak

dalam membantu pihak kolej komuniti untuk melihat kadar kebolehpasaran graduan, memberi maklumat kepada pihak Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti mengenai kebolehpasaran graduan serta membantu pihak kolej merangka pelbagai aktiviti bagi tujuan menyediakan graduan yang holistik serta berdaya saing dalam menghadapi cabaran pada masa akan datang.

Kajian Literatur

Kolej Komuniti adalah salah sebuah institusi TVET yang bertanggungjawab membekalkan tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi memenuhi keperluan industri negara secara maksimum. Justeru itu, kebolehpasaran graduan adalah penting kerana ia akan mencorakkan masa depan seseorang individu. Berdasarkan Laporan Pengesanan Graduan (2018), kadar belum bekerja bagi graduan ijazah pertama menunjukkan trend penurunan dalam tempoh lima tahun, iaitu dari 31.1 % pada tahun 2014 kepada 25.3 % pada tahun 2018. Kadar belum bekerja bagi graduan diploma juga menunjukkan trend penurunan bagi tahun 2015 - 2018, iaitu 22.5 % pada tahun 2015 dan menurun kepada 16.7 % pada tahun 2018. Bagi graduan kolej komuniti, kadar bekerja dan lain-lain menunjukkan trend peningkatan bagi tempoh 2014 - 2015, iaitu daripada 94.2 % pada tahun 2014 kepada 97.4 % pada tahun 2015, dan bermula pada tahun 2016 menunjukkan penurunan sedikit kepada 96.6 % pada tahun 2018.

Menurut Shaharuddin Ahmad et al (2011), kebolehpasaran seseorang graduan adalah berbeza sifat dan darjahnya. Bidang ilmu yang dipelajari, pencapaian akademik, kemahiran insaniah dan faktor peribadi adalah antara faktor-faktor kebolehpasaran graduan. Manakala menurut Huq dan Gilbert (2013), Rae dan Melton (2016) dan Lindberg et al. (2017), para graduan perlu memiliki visi dan misi yang jelas, berkemampuan menyesuaikan diri, berkeyakinan tinggi, berdaya saing, sanggup mengambil risiko, jujur, berdisiplin, mempunyai ketabahan yang tinggi. Nooriah Yusof et. al (2013) turut menyatakan bahawa kebanyakkan graduan yang keluar dari institusi pengajian tinggi tidak berupaya memenuhi kehendak majikan dari segi kemahiran insaniah dan kebolehkerjaan. Ini menunjukkan kemahiran insaniah merupakan antara faktor utama yang

dikaitkan dengan isu kebolehpasaran graduan dan pendapat ini dipersetujui oleh kebanyakan pengkaji.

Persaingan yang terlampau sengit pada hari ini, ditambah dengan lambakan graduan setiap tahun menyebabkan penawaran dalam pekerjaan semakin kurang. Dengan memiliki kemahiran insaniah yang tinggi, graduan mempunyai kelebihan dan nilai tambah dalam diri bagi mencari pekerjaan.

Metodologi

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan maklum balas daripada responden iaitu graduan pada tahun 2020 dari Kolej Komuniti Ampang. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian yang dibina oleh Bahagian Perhubungan Industri dan Pengkomersilan Jabatan Pengurusan IPT, Kementerian Pendidikan Malaysia yang dijalankan secara atas talian (*online*). Kajian yang dijalankan ini merupakan jenis kajian kuantitatif. Seramai 37 orang graduan tahun 2020 di Kolej Komuniti Ampang yang terlibat dalam kajian ini. Maklum balas yang diterima telah dianalisis menggunakan SPSS (*Statistical Packages for the Social Sciences*) versi 23 dalam bentuk kekerapan dan peratusan. Kemudian data telah dipersembahkan dalam bentuk graf dan jadual. Analisis yang digunakan dalam kajian ini melibatkan analisis deskriptif. Analisis deskriptif bertujuan untuk mendeskripsikan atau menggambarkan sesuatu perkara. Ia biasanya akan melibatkan jumlah peratus, kekerapan dan min. Graduan yang terlibat terdiri daripada dua program yang berlainan iaitu Diploma Mobile Teknologi (DMT) dan Diploma Teknologi Telekomunikasi (DTT). Setiap graduan diminta untuk memberikan maklum balas mengenai kadar kebolehpasaran graduan bagi tahun 2020.

Dapatan Kajian

- Graduan Berdasarkan Program**


Jadual 1 merupakan analisis bagi jumlah graduan berdasarkan program pengajian. Seramai 37 orang graduan yang terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada 18 orang graduan DMT dan 17 orang graduan DTT.

Jadual 1: Jumlah Graduan berdasarkan program

Pembolehubah	Kategori	Kekerapan , N
Program	DMT	18
	DTT	17

- Status Pekerjaan Graduan Mengikut Program Pengajian**


Dalam kajian ini, terdapat 37 orang graduan yang terlibat. Daripada jumlah keseluruhan graduan tersebut, sebanyak 94.7% graduan DMT sedang bekerja dan sebanyak 5.3% graduan DMT sedang melanjutkan pengajian. Sementara itu sebanyak 94.4% graduan DTT sedang bekerja dan sebanyak 5.6% graduan DTT sedang menunggu penempatan bekerja/ belajar. Rajah 1 di bawah menunjukkan status pekerjaan graduan iaitu yang bekerja, melanjutkan pengajian dan menunggu penempatan bekerja/ belajar.



Rajah 1: Status Pekerjaan Graduan Mengikut Program Pengajian


- Peratus Kesepadan Pekerjaan Graduan Yang Bekerja Dalam Bidang**

Berdasarkan Rajah 2 di bawah, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 37.1% graduan yang mempunyai pekerjaan sepadan dengan bidang pengajian yang mereka ikuti semasa di Kolej Komuniti Ampang samada bidang Mobile Teknologi atau Telekomunikasi Teknologi. Manakala sebanyak 62.9% graduan yang mempunyai pekerjaan tidak sepadan dengan bidang pengajian yang mereka ikuti.



Rajah 2: Status Kesepadan Pekerjaan Graduan


Bagi graduan DMT, sebanyak 44.4 % graduan adalah bekerja dalam bidang sementara 55.6% graduan bekerja tidak mengikut bidang pengajian yang diikuti. Sementara bagi graduan DTT pula, kebanyakan graduan adalah bekerja dalam bidang iaitu sebanyak 70.6% manakala hanya 29.4% sahaja graduan yang bekerja di luar bidang pengajian. Dapatan kajian tersebut ditunjukkan dalam Rajah 3 di sebelah.



Rajah 3: Status Kesepadan Pekerjaan Graduan Mengikut Program Pengajian

- Peratus Kadar Pendapatan Bulanan Yang Diperolehi Oleh Graduan**

Berdasarkan kajian yang dijalankan, seramai 35 orang graduan yang telah bekerja samada dalam bidang atau luar bidang pengajian. Rajah 4 di bawah menunjukkan peratus julat pendapatan graduan mengikuti bidang pengajian masing-masing. Bagi graduan DMT (n=18), julat pendapatan yang tertinggi adalah antara RM1001-RM1500 sebanyak 44.4%. Manakala, peratus julat pendapatan bulanan pada julat RM1501 – RM2000 sebanyak 38.9%. Peratus julat pendapatan bulanan pada julat RM1000 dan ke bawah sebanyak 11.1%. Bagi peratus julat pendapatan bulanan pada julat RM4001 – RM5000 sebanyak 5.60%. Bagi graduan DTT (n=17), julat pendapatan yang tertinggi adalah antara RM1001-RM1500 sebanyak 41.2%. Manakala, peratus julat pendapatan bulanan pada julat RM1501 – RM2000 dan julat RM1000 dan ke bawah masing-masing sebanyak 17.6%. Peratus julat pendapatan bulanan pada julat RM2001 – RM2500 sebanyak 11.8%. Bagi peratus julat pendapatan bulanan pada julat RM4001 – RM5000 dan julat pendapatan lebih daripada RM10,000 masing-masing sebanyak 5.90%.



Rajah 4: Peratus Kadar Pendapatan Bulanan Graduan Mengikut Program Pengajian

Perbincangan dan Rumusan

Jelas menunjukkan bahawa peratus kebolehpasaran graduan di Kolej Komuniti Ampang pada tahun 2020 adalah tinggi iaitu sebanyak 100% graduan samada bekerja atau menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Ini selari dengan KPI JPKK iaitu sebanyak 85% daripada bilangan graduan bekerja atau melanjutkan pengajian selepas enam bulan hingga setahun

menamatkan pengajian. Namun begitu, peratus kesepadanan graduan yang bekerja dalam bidang bagi kedua-dua bidang pengajian lebih rendah berbanding dengan kadar peratus kesepadanan graduan yang bekerja di luar bidang pengajian mereka. Tanggungjawab meningkatkan kebolehpasaran graduan tidak boleh diletakkan sepenuhnya kepada pihak institusi semata-mata, sebaliknya memerlukan kerjasama erat dengan banyak pihak. Dalam era serba mencabar ini, graduan juga pula perlu merebut sebanyak mungkin peluang untuk mendapatkan pekerjaan dan menempatkan diri mereka seiring dengan graduan lain, misalnya dengan mendaftarkan diri dengan pelbagai agensi pekerjaan di dalam dan luar negara.

Rujukan

- Huq, A. & Gilbert, D. H. 2013. *Enhancing Graduate Employability Through Work Based Learning in Social Entrepreneurship: A Case Study*. Education + Training, 55(6), 550–572.
- Laporan Kajian pengesanan graduan. 2018. <https://www.moe.gov.my/muat-turun/laporan-dan-statistik/pendidikan-tinggi/laporan-kajian-pengesanan-graduan/2018-11>
- Lindberg, E., Bohman, H., Hultén, P. & Wilson, T. 2017. *Enhancing Students' Entrepreneurial Mindset: A Swedish experience*. Education + Training, 59(7/8), 768–779.
- Noor Shamsila .2012. *Pengharapan Pelajar Bidang Kejuruteraan Di Kolej komuniti Terhadap Aspek Kerjaya*. Bachelor's thesis, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nooriah Yusof, Zakiah Jamaluddin & Norain Mat Lazim. 2013. Persepsi pelajar prasiswazah terhadap kebolehpasaran graduan dan persaingan dalam pasaran pekerjaan. Jurnal Personalia Pelajar16: 77-92.
- Rae, D. & Melton, D. E. 2016. Developing an Entrepreneurial Mindset in US Engineering Education: An International View of the KEEN Project. The Journal of Engineering Entrepreneurship, 7(3), 1–16.
- Sidek Mohd Noah. 2007. Perkembangan Kerjaya: Teori & Praktis. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Shaharuddin Ahmad, Noraziah Ali & Mohd Fauzi Hamzah. 2011. Kebolehpasaran Graduan UKM: Satu Kajian Perbandingan Antara Graduan Disiplin Sains dengan Bukan Sains. Jurnal Personalia Pelajar14: 81-90

KAJIAN TENTANG KEFAHAMAN DAN AMALAN SOLAT JAMAK QASAR DIKALANGAN PELAJAR MUSLIM BAGI PROGRAM SIJIL KENDERAAN RINGAN SESI 2020.

Shakiroh Binti Yaakob

Kolej Komuniti Bandar Darulaman

shakiroh@staf.kkbda.edu.my

ABSTRAK

Kajian kes ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti kefahaman dan amalan Solat Jamak Qasar di kalangan pelajar muslim bagi Program Sijil Kenderaan Ringan di Kolej Komuniti Bandar Darulaman. Solat Jamak Qasar adalah merupakan Subtopik 4 Ibadah Khusus bagi Subjek MPU 1311 Pendidikan Islam 1. Dalam kajian ini, seramai 59 responden telah dinilai iaitu daripada pelajar muslim Program Sijil Kenderaan Ringan di Kolej Komuniti Bandar Darulaman. Kajian ini dilakukan secara kuantitatif menggunakan borang soal selidik yang diedarkan. Data yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package of Social Sciences (SPSS)* versi 16.0. Hasil Kajian ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman solat Jamak Qasar adalah pada tahap yang tinggi iaitu sebanyak 4.57. Manakala amalan bagi Solat Jamak Qasar bagi responden adalah sederhana iaitu sebanyak 3.12. Hal ini menjelaskan bahawa subtopik bagi Solat Jamak Qasar perlu dititik beratkan serta diberi penekanan kepada pensyarah yang mengajar Subjek MPU 1311 Pendidikan Islam 1 supaya para pelajar dapat memahami serta mempraktikkan Solat Jamak Qasar dengan baik. Ini kerana Solat jamak Qasar ini merupakan hadiah yang diberikan oleh Allah Taala kepada makhluknya bagi memudahkan kita menjalani kehidupan seharian.

Kata Kunci: Kefahaman, Amalan, Jamak dan Qasar.

Pengenalan

Menurut Ensiklopedia Solat (2011), Jamak adalah perkataan Arab yang bermaksud menghimpunkan atau mengumpulkan sesuatu yang berselerak, mengarang kitab atau menyusun huruf. Manakala menurut istilah ialah menghimpunkan dua waktu solat fardhu dengan melakukannya dalam satu waktu.

Manakala menurut Wahbah Al Zuhaili (1999), Qasar (pemendekkan) sembahyang yang empat rakaat; asas hukumnya, sebab dan syaratnya, orang musafir menjadi makmum kepada imam yang bermukim dan sebaliknya, halangan qasar, qada' sembahyang yang luput ketika musafir dan sembahyang sunat ketika musafir.

*“Dan apabila kamu musafir di muka bumi, maka kamu tidaklah berdosa”
mengqasarkan”(memendekkan) sembahyang jika kamu takut diserang oleh orang
kafir....”(Surah Al- Nisa 4:101)*

Menyedari kepentingan pemahaman berkaitan ibadah khusus ini, tuntutan untuk melaksanakan Solat Jamak Qasar adalah wajib dalam apa juu keadaan sekalipun. Ini kerana di samping kita melaksanakan tanggungjawab atau kita bermusafir, Allah S.W.T memberikan “diskaun” untuk memudahkan kita melaksanakan ibadah kepadaNya. Seharusnya kita sebagai umat Islam yang taat perlulah sentiasa menitik beratkan ibadah solat ini dalam pelbagai situasi keadaan.

Pernyataan Masalah

Rukhsah solat merupakan kemudahan yang diberikan oleh Allah Taala kepada hambanya bagi memberi kemudahan dalam melaksanakan perintahNya. Ia bukan hanya tertumpu kepada faktor kemudharatan sahaja, akan tetapi keadaan bermusafir pun dititik beratkan. Iaitu diberi keringanan dalam mengerjakan solat lima waktu yang menjadi kewajipan bagi seorang muslim. Keringanan solat ini menjadikan perjalanan bagi seseorang yang bermusafir menjadi lebih lancar dan teratur.

Melalui pemerhatian pengajaran dan pembelajaran di kelas, tahap kefahaman pelajar agak rendah dan menyebabkan para pelajar tidak dapat mempraktikkan Solat Jamak Qasar secara amali terutama penilaian secara individu. Apabila hal ini berlaku, para pelajar lebih memilih untuk solat sepenuhnya sekiranya keadaan bermusafir.

Menurut Hasna (2016), pengetahuan pelajar yang tinggi tentang solat masih belum menghasilkan amalan solat yang konsisten. Hal ini dibuktikan dengan pelaksanaan solat pelajar yang rendah dan masih perlu diperbaiki. Dapatkan menunjukkan bahawa faktor dominan seseorang pelajar menuaikan solat ialah didikan ibubapa manakala faktor dominan pelajar meninggalkan solat pula ialah sikap malas.

Menurut Wahbah Al- Zuhaili (1999), hikmah Qasar ialah untuk mengelakkan daripada kesulitan dan kesusahan yang biasa dialami oleh orang musafir memudahkanya untuk menuaikan hak Allah mendorong kepada menuaikan fardhu- fardhu, dan supaya tidak lari daripada menuaikan tanggungjawab. Dengan keringanan hukuman tersebut, maka orang yang cuai tidak mempunyai alasan atau dalihan lagi untuk meninggalkan fardhu sembahyang.

Objektif

- i. Mengenalpasti tahap kefahaman pelajar Program Sijil Kenderaan Ringan Kolej Komuniti Bandar Darulaman mengenai solat Jamak Qasar.
- ii. Mengenalpasti sejauh manakah para pelajar Program Sijil Kenderaan Ringan mempraktikkan atau membudayakan Solat Jamak Qasar ketika bermusafir.

Tinjauan Literatur

Menurut kajian Zaliha Binti Mat Isa (2013) mengenai kajian tentang Pengetahuan Dan Amalan Solat Musafir bagi kalangan Pelajar Semester Akhir Kursus Diploma di Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Kota Kinabalu, Sabah mendapat tahap pengetahuan Solat Jamak Dan Qasar adalah berada pada tahap yang tinggi iaitu 3.79 manakala min keseluruhan bagi amalan Solat Jamak Dan qasar pula adalah sebanyak 3.71 iaitu pada tahap yang sederhana.

Menurut kajian Solhan (2020) mengenai kajian pengamalan pelajar tentang Rukhsah Solat Dan Qasar melalui Program Usrah di Pusat Islam Politeknik (PTSS) menunjukkan kefahaman dan pengamalan Solat Jamak Dan Qasar pelajar adalah tinggi iaitu 4.47 dan 4.15.

Menurut kajian Tirmidzi (2016) mengenai kajian Tahap Pengetahuan Pelajar Politeknik Metro Betong Sarawak menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar berkenaan solat Jamak dan Qasar pada tahap yang tinggi. Tahap pengetahuan yang paling tinggi sekali ialah berkenaan kewajipan mengerjakan solat ketika bermusafir dan solat Jamak Qasar merupakan rukhsah Ketika bermusafir.

Hasil daripada beberapa literatur menunjukkan kajian lepas berkaitan solat Jamak dan Qasar telah dijalankan dan lebih ditekankan di institusi masing-masing dan perbincangan lebih mendalam tentang kefahaman pengetahuan para pelajar, lebih kepada program tertentu yang dikelola oleh institusi tersebut. Pengkaji berpandangan bahawa kebanyakan para pelajar mengambil mudah berkaitan Solat Jamak Qasar dan disebabkan kurang bermusafir maka pelajar kurang mempraktikkannya.

Metodologi



Rajah 1: Aliran metodologi yang digunakan untuk dapatan data

- **Pendekatan**

Kajian ini dijalankan adalah berbentuk deskriptif yang bertujuan untuk melihat kefahaman para pelajar Program Sijil Kenderaan Ringan dalam memahami Solat Jamak Qasar.

- **Pemilihan**

Penilaian responden yang terlibat untuk kajian ini adalah seramai 59 orang pelajar Semester 1, 2 dan 3 dari Program Sijil Kenderaan Ringan, Kolej Komuniti Bandar Darulaman. Pemilihan sampel ini adalah kerana para pelajar Program Sijil Kenderaan Ringan lebih penekanan dari sudut praktikal manakala bagi Solat Musafir, penekanan dalam subjek MPU 1311 Pendidikan Islam 1 adalah lebih kepada teori.

- **Pengedaran**

Pengedaran kajian ini adalah terdiri daripada borang soal selidik yang diambil daripada kajian lepas iaitu kajian Zaliha Binti Mat Isa (2013) bagi mendapatkan data-data yang berkaitan dengan kajian.

- **Pengumpulan**

Kaedah pengumpulan semula data adalah menggunakan aplikasi “Whatapps Dan Telegram” disebabkan kekangan Covid-19 yang perlu dielakkan untuk bersemuka. Penghantaran maklumat dilakukan secara berterusan untuk memastikan pelajar memahami dan menjawab soal selidik dengan baik.

- **Penganalisisan**

Soal selidik yang telah lengkap diisi oleh responden telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 16.0*. Soal selidik mengandungi maklumat latar belakang, pemahaman serta Amalan Solat Jamak dan Qasar. Borang soal selidik ini dibina menggunakan skala Likert yang telah ditetapkan melalui beberapa tahap yang dipilih seperti berikut iaitu: 1= Sangat Tidak Setuju, 2= Tidak Setuju, 3= Tidak pasti, 4= Setuju dan 5= Sangat Setuju

Manakala skor min diperolehi daripada borang soal selidik akan merujuk kepada tahap yang direkodkan samaada rendah, sederhana ataupun tinggi seperti di dalam Jadual 1: Interpretasi skor min telah di ambil dari kajian Jamil (2002).


Jadual 1: Nilai Skor Min Berdasarkan Interpretasi Oxford (1990)

Nilai Skor Min	Tahap
3.67 – 5.00	Tinggi
2.34 – 3.66	Sederhana
1.00 – 2.33	Rendah

Dapatan Kajian

Merujuk Jadual 2 jumlah keseluruhan responden bagi kajian ini adalah seramai 59 orang melibatkan seramai 57 orang lelaki dan 2 orang perempuan bagi Program Sijil Kenderaan Ringan, Kolej Komuniti Bandar Darulaman. Lebih 57.6% daripada responden berumur 17 hingga 18 tahun, manakala responden yang berumur 19 hingga 20 tahun adalah sebanyak 28.8% dan selebihnya responden yang berumur 21 tahun ke atas adalah sebanyak 13.6%. Peringkat pengajian bagi responden pula, bagi peringkat diploma adalah seramai 3 orang, responden peringkat sijil adalah seramai 46 orang manakala responden peringkat sekolah menengah adalah seramai 10 orang.

Jadual 2: Bilangan dan peratusan responden mengikut jantina, umur dan peringkat pengajian.



Jadual 3: Maklumat berkaitan kefahaman pelajar tentang Solat Jamak Dan Qasar bagi pelajar Program Sijil Kenderaan Ringan.

Bil	Soalan berkaitan Amalan Solat Jamak Qasar	Min	Tahap kefahaman
1	Saya selalu bermusafir melebihi 100 km untuk mendapat Solat Jamak Dan Qasar	3.62	Sederhana
2	Saya mengetahui bahawa apabila bermusafir saya wajib menuaikan solat	4.57	Tinggi
3	Saya mengetahui jarak yang membolehkan saya melakukan solat Musafir	4.37	Tinggi
4	Saya mengetahui syarat- syarat Solat Jamak dan Qasar	4.03	Tinggi
5	Saya mengetahui cara niat Solat Jamak Dan Qasar	4.06	Tinggi
6	Saya mengetahui cara melakukan solat Jamak dan Qasar	4.05	Tinggi
7	Saya tahu solat Jamak dan Qasar merupakan kemudahan bagi yang yang bermusafir	4.5	Tinggi
8	Saya mengetahui solat Jamak dan Qasar semenjak di sekolah rendah	3.69	Tinggi
9	Saya mengetahui solat Jamak dan Qasar semenjak di sekolah menengah	3.94	Tinggi
10	Saya mengetahui solat Jamak dan Qasar semenjak di Kolej Komuniti	3.42	Sederhana
11	Saya mengetahui apa itu Jamak Taqdim	4	Tinggi
12	Saya mengetahui apa iaitu Jamak Takhir	3.98	Tinggi

Objektif 1: Mengenalpasti kefahaman pelajar Program Sijil Kenderaan Ringan Kolej Komuniti Bandar Darulaman mengenai solat Jamak Qasar.

Merujuk Jadual 3 didapati bahawa min keseluruhan bagi mengenalpasti kefahaman pelajar tentang Solat Jamak dan Qasar bagi Program Sijil Kenderaan Ringan ialah 4.09 iaitu berada pada tahap yang tinggi. Respon bagi soalan pengetahuan bahawa Solat Musafir adalah kewajiban untuk mengerjakan solat adalah berada pada min yang paling tinggi iaitu 4.57. Manakala pengetahuan tentang jarak bagi Solat Jamak dan Qasar serta memahami Solat Jamak dan Qasar semenjak di Kolej Komuniti berada pada tahap yang sederhana. Ini berkemungkinan perlu di pertingkatkan pengetahuan para pelajar tentang ilmu Jamak Qasar melalui lebih pendekatan secara praktikal sewaktu Pengajaran Dan Pembelajaran.

Jadual 4: Maklumat mengenai amalan bagi Solat Jamak Dan Qasar bagi pelajar Unit Sijil Kenderaan Ringan.

Bil	Soalan berkaitan Amalan Solat Jamak Qasar	Min	Tahap kefahaman
1	Saya pernah melakukan Solat musafir	3.96	Tinggi
2	Saya selalu melakukan solat Jamak dan Qasar apabila bermusafir	3.83	Tinggi
3	Apabila bermusafir saya melakukan solat biasa bukan Solat Jamak dan Qasar	1.84	Rendah
4	Apabila bermusafir saya seringkali tidak solat	2.62	Sederhana
5	Saya ingin melakukan solat Jamak dan Qasar apabila dalam perjalanan tetapi tidak tahu cara untuk melakukannya	2.64	Sederhana
6	Saya mengetahui solat Jamak dan Qasar tetapi tidak pernah mempraktikkannya	2.84	Sederhana
7	Saya berminat untuk belajar tentang cara melakukan solat Jamak dan Qasar	4.3	Tinggi
8	Saya pernah menjadi imam solat Jamak Qasar	2.33	Rendah
9	Saya pernah menjadi maknum solat Jamak Qasar	3.66	Sederhana
10	Saya hanya solat Jamak dan Qasar secara bersendirian	3.35	Sederhana

Objektif 2: Mengenalpasti sejauh manakah para pelajar Program Sijil Kenderaan Ringan mempraktikkan atau membudayakan Solat Jamak Qasar ketika bermusafir.

Merujuk jadual 4, didapati bahawa min keseluruhan bagi amalan Solat Jamak dan Qasar bagi pelajar Program Sijil Kenderaan Ringan adalah sebanyak 3.12 iaitu berada pada tahap sederhana. Bagi item amalan sekiranya bermusafir, pelajar memilih untuk tidak solat berada di tahap yang paling rendah iaitu 1.83. Keputusan bagi soalan ini amat mengejutkan, kerana para pelajar mengetahui amalan Solat Jamak dan Qasar ini sejak di sekolah rendah. Begitu juga, item pernah menjadi imam solat musafir adalah berada pada tahap yang rendah iaitu 2.33. Hal ini berkemungkinan pelajar kurang pendedahan atau pelajar tidak yakin untuk melaksanakan Solat Jamak dan Qasar untuk menjadi imam. Maka pensyarah perlu mempelbagaikan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran untuk memberi kesediaan kepada para pelajar menjadi imam seterusnya membina keyakinan diri untuk bertindak sebagai pemimpin.

Perbincangan

Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa pelajar muslim bagi Program Sijil Kenderaan Ringan di Kolej Komuniti Bandar Darulaman mempunyai tahap kefahaman yang tinggi berkaitan Solat Jamak dan Qasar. Kebanyakan item-item tentang kefahaman Solat Jamak dan Qasar menunjukkan kadar kefahaman yang tinggi. Hal ini perlulah sentiasa diperkuuhkan ilmu pengetahuan pelajar supaya ilmu ini sentiasa dipraktikkan dengan sempurna.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan amalan para pelajar tentang Solat Jamak dan Qasar ini berada pada tahap yang sederhana. Manakala item yang paling rendah adalah pilihan untuk tidak solat ketika bermusafir menyebabkan isu ini perlu ketengahkan di kajian akan datang. Perkara ini perlu dititikberatkan kepada para pelajar untuk memastikan hal ini tidak ambil mudah dan boleh menyebabkan kepada kurangnya pelaksanaan solat lima waktu ketika tidak musafir.

Kesimpulan

Solat musafir iaitu Solat Jamak dan Qasar merupakan hadiah yang diberikan Allah S.W.T kepada makhluknya untuk memudahkan kita untuk melaksanakan perintahNya. Menurut Anisah Binti Abd. Ghani (2001), Allah S.W.T mewajibkan solat lima waktu ke atas orang- orang Islam agar mereka bermunajat dan berhubung secara langsung dengan Allah S.W.T. Solat itu mestilah dilaksanakan dalam waktu- waktu yang telah ditetapkan mengikut cara dan perbuatan dan bacaan sepetimana di tunjuk oleh Rasulullah S.A.W. Baginda bersabda maksudnya: "Solatlah kamu sepetimana kamu melihat aku solat!". Sungguhpun begitu, Allah S.W.T Maha Pemurah dan Maha Penyayang sentiasa memelihara kepentingan dan kemaslahatan hamba- hambaNya. Ia tidak memberat dan menyusah mereka dengan suruhan- suruhan yang tidak mampu dilakukan.

Keseluruhan dapatan kajian ini menjelaskan bahawa kefahaman para pelajar berkaitan Solat Jamak dan Qasar berada pada peringkat yang tinggi. Manakala pengamalan para pelajar bagi Solat Jamak dan Qasar berada pada peringkat yang sederhana. Ini menunjukkan para pelajar memahami dengan baik tentang Solat Jamak dan Qasar, akan tetapi perlaksanaan untuk melakukan Solat Jamak dan Qasar agak mengecewakan. Hal ini perlulah pensyarah untuk mempelbagaikan kaedah yang bersesuaian untuk memastikan para pelajar mudah untuk melaksanakan solat terutama solat lima waktu.

Adalah diharapkan hasil kajian ini dapat membantu pensyarah dan pelajar untuk menekankan subtopik ini serta cuba mempraktikkannya di masa hadapan. Ini kerana Islam itu agama yang mudah dan rasional, sekiranya kita mengikuti landasan yang Allah tetapkan pada makhlukNya, maka lagi berkah kehidupan dunia dan akhirat.

Rujukan

- Dollah, Zulkurnain. 2015. ‘111 Soal Jawab berkaitan Solat Jamak & Qasar’. KUIZM Publication.
- Rais, Rohidzir. 2011. ‘Ensiklopedia Solat, Kombinasi Fakta Hukum dan Sains’. Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Al-Zuhaili, Wahbah. 1999. ‘Fiqh & Perundangan Islam Jilid II’. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohamad Al-Bakri, Zulkifli. 2012. ‘Q&A Bersama Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri’. PSN Publications Sdn. Bhd.
- Ab. Ghani, Anisah. 2001. ‘Konsep Dan Pengamalan Solat Satu Kajian di Zaman Rasullullah Sahabat Tabiin’. Al-Hidayah Publishers.
- Omar, Abdul Majid. 2006. ‘Hikmah 7 Solat Sunat Utama Musafir/ Tasbih/ Taubat/Tahajud/ Istihadah/ Dhuha/ Hajat’. Jasmin Enterprise.
- Haji Tanjis, Majidir. 2010. ‘Panduan Lengkap Amalan Dan Senjata Mukmin’. Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Mat Isa, Zaliha. ‘Kajian Tentang Tahap Pengetahuan Dan Amalan Solat Musafir di Kalangan Pelajar Semester Akhir Kursus Diploma di Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Kota Kinabalu’. Pengamalan Persidangan Pendidikan (Penyelidikan Dan Inovasi) Dalam Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional (CiE-TVET 2013)’. Nombor Prosiding 027.
- Sahidan, Solhal Huda. 2020. ‘Pengamalan Pelajar Terhadap Rukhsah Jamak Qasar Terhadap Program Usrah di Pusat Islam Politeknik (PTSS)’. Proceeding International Multidisciplinary Conference’. 259-368.
- Mohammad Riduan, Mohammad Tirmidzi. 2016. ‘Tahap Pengetahuan Pelajar PMBS Terhadap Amalan Solat Musafir’. Politeknik Metro Betong, Sarawak.

**ELEMEN KESEDARAN SOSIAL DALAM PENGHASILAN VIDEO DAN SKRIP KREATIF BAGI
PEMBELAJARAN NORMA BAHRU**

Nur Afifah Binti Saharudin, Masitah Binti Mohd Ali

Politeknik Ungku Omar, Politeknik Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah

[**1**](mailto:nurafifah@polycc.edu.my), [**2**](mailto:masitah@psa.edu.my)

ABSTRAK

Penghasilan video dalam pentaksiran kerja kursus (PKK) ketika pandemik Covid-19 ini memerlukan adaptasi secara norma baharu. Pelaksanaan pembelajaran dalam talian dilaksanakan secara menyeluruh termasuk melaksanakan bimbingan yang berterusan dalam pembelajaran, tugas, pentaksiran, penilaian dan aktiviti ilmiah serta program pembangunan pelajar. Penulisan ini bertujuan untuk menghuraikan beberapa elemen yang menerapkan kesedaran sosial iaitu refleks isu semasa, pembelajaran berdasarkan pengalaman, carian sumber yang berautoriti, kemahiran aplikasi multimedia yang kreatif dan pembelajaran sepanjang hayat. Selain itu, memahami nilai murni dalam menghasilkan video yang kritis dan kreatif turut diketengahkan agar pelajar dapat memahami kesedaran sejagat dengan kawalan serta kesedaran kendiri yang tinggi dalam setiap isu yang diaplikasikan. Bimbingan melalui elemen kesedaran sosial dan nilai murni telah menghasilkan video dan skrip yang telah disahkan kandungannya malah digalakkan untuk disebarluaskan melalui *youtube channel* pelajar. Malah, penghargaan berbentuk e-sijil diberikan untuk memberikan motivasi kepada pelajar melalui analisis tontonan serta *like*. Implikasi penghasilan video dan skrip secara kreatif ini membantu pelajar untuk meneroka, mengekspresi, mempamerkan emosi serta motivasi diri pelajar agar lebih positif dalam mendepani situasi pandemik.

Kata kunci: Video, *youtube channel*, pandemik Covid-19

Pengenalan

Penularan pandemik Covid-19 telah mengubah corak kehidupan manusia, merencatkan pertumbuhan ekonomi dan turut menjelaskan sistem pendidikan. Aktiviti Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) tidak lagi boleh secara bersemuka dan dilaksanakan perubahan kepada persekitaran maya. Hal ini telah menjadikan pembelajaran dan pengajaran telah memaksimakan penggunaan teknologi dan digital, kepelbagaian platform pembelajaran, aplikasi serta laman web digunakan sebaiknya. Malah, perubahan sesi pengkuliahan turut terkesan sepenuhnya secara dalam talian. Sehubungan dengan itu, penularan wabak Covid-19 menjadikan pelaksanaan pembelajaran telah beralih kepada kaedah “*Open and Distance Learning (ODL)*” yang mengadaptasi sepenuhnya penyertaan pelajar dan kemahiran pensyarah dalam pengendalian terutamanya aktiviti penyeliaan serta bimbingan.

Pengendalian pembelajaran dalam talian mempengaruhi aktiviti pembelajaran yang lebih aktif serta penglibatan pelajar yang kompetitif. Ilinadia (2021) menyatakan dalam kajian bahawa perkara yang perlu dititikberatkan ialah memastikan keaktifan pelajar terhadap persekitaran pembelajaran secara dalam talian ialah pensyarah harus meningkatkan motivasi diri pelajar supaya tidak merasa bimbang dan cemas terhadap pembelajaran terutamanya perihal tugas, pentaksiran serta aktiviti penyeliaan yang konsisten. Oleh hal yang demikian, satu pendekatan kreatif perlu disusun untuk membantu para pelajar menghadapi realiti semasa dengan menjelaskan perasaan dan pemikiran kreatif mereka melalui penghasilan video serta skrip yang boleh dimanfaatkan.

Pernyataan Masalah

Pembelajaran dalam talian berlaku pada situasi segerak (sinkroni) dan tidak segerak (asinkroni). Malah, pembelajaran dalam talian memerlukan kaedah dan pendekatan yang sesuai agar dapat menghasilkan kesan yang baik terhadap suatu kursus yang diajar. Pentaksiran yang melibatkan penghasilan video dikenal pasti sebagai salah satu pentaksiran yang boleh menguji kemampuan pelajar untuk menunjukkan tahap kefahaman serta nilai yang dibentuk oleh hasil pembelajaran. Namun, bimbingan yang konsisten serta seimbang dengan kemahiran teknologi ini memerlukan

kreativiti yang tinggi dalam kalangan pensyarah untuk membimbing pelajar dengan penghasilan video yang baik. Hal ini sepetimana dalam kajian Wang (2021) menjelaskan bahawa perubahan pembelajaran menggunakan video youtube menunjukkan pelajar dapat meningkatkan kemahiran baru, mendapatkan informasi, dengan melihat video untuk memahami pembelajaran secara teratur.

Lambakan video pembelajaran di *youtube* turut menjadi isu yang semakin lama semakin berkembang. Malah, pensyarah banyak menggunakan video di *youtube* untuk mengukuhkan kefahaman dan menjelaskan konsep penting dalam suatu topik pembelajaran. Begitu juga dengan kajian Nor Shahila dan Fariza (2021) menjelaskan bahawa terdapat kesan tahap penglibatan pelajar sama ada aktif atau pasif terhadap penggunaan *youtube* dan berkait rapat dengan aktiviti pembelajaran kendiri serta cara pengajaran guru. Oleh itu, penghasilan video di laman *youtube* turut memberi impak jika video yang dimuat naik kurang kreatif dan skrip yang kurang menarik. Sehubungan dengan itu, artikel ini menggariskan beberapa elemen kesedaran sosial iaitu penceritaan konsep, penyelesaian masalah atau isu, idea dan fakta sokongan serta mesej dan pengajaran.


Objektif Kajian

- i. Memahami elemen dalam menerapkan kesedaran sosial melalui penghasilan video dan skrip.
- ii. Menganalisis nilai - nilai murni yang boleh memberikan impak dan pengajaran daripada video serta skrip yang dihasilkan.

Trend dan Kreativiti Video serta *Rating* yang Mempengaruhi Penonton di Media Sosial.

Video yang menarik perlu dihasilkan dengan pemikiran yang kreatif dan kritis. Setiap penghasilan video di media sosial mempunyai trend dan kredibiliti yang dinilai umum. Malah penghasilan kandungan video yang mudah dan difahami kebiasaannya mempunyai *rating* yang tersendiri dalam mempengaruhi penonton (Syarfuni et, al. 2021). Oleh itu, Rajah 1 menunjukkan hasil video pelajar yang telah disahkan kandungan yang menunjukkan bahawa kreativiti penghasilan video


mampu menarik minat penonton untuk melihat dan mengambil pengajaran dari skrip yang disusun dengan peningkatan jumlah tontonan dan *subscribers* yang diperolehi.



Rajah 1: Penghasilan Video Pelajar Yang Disahkan Untuk Public

Elemen Kesedaran Sosial Dalam Inisiatif Penghasilan Video Dan Skrip Kreatif.

Pembelajaran menggunakan video perlu diperluas dalam mengukuhkan kefahaman dan meningkatkan kemahiran pelajar. Kuliah yang dilaksanakan secara dalam talian turut terkesan jika mempunyai gangguan yang menyebabkan *lagging*, terputus dan capaian internet yang rendah. Oleh itu, inisiatif dalam menghasilkan video pembelajaran perlu diberi perhatian agar boleh disusun kandungan yang kreatif dan berkesan. Tambahan pula dalam penghasilan skrip video yang baik turut dikaitkan dengan persembahan teknikal yang kemas dan tersusun. Rajah 2 menunjukkan penghasilan video pelajar yang menarik kerana pelajar dapat meneroka dengan lebih luas teknik menghasilkan video dengan suntingan yang kemas melalui garapan papan cerita yang sistematis.



Rajah 2: Hasil Video Yang Kemas Dan Menarik

Potensi penghasilan video yang kreatif dan dimuat naik di youtube mampu meningkatkan kefahaman pelajar. Kajian Nor Shahila dan Fariza, (2021) menunjukkan bahawa penggunaan video youtube dapat memberi kesan yang positif dan menarik minat pelajar untuk memahami sesuatu topik. Oleh hal yang demikian terdapat beberapa elemen kesedaran sosial yang boleh diterapkan dalam penghasilan video tersebut iaitu:

- **Refleks isu semasa**

Video yang perlu dihasilkan pelajar ialah penerokaan kepada isu -isu yang terkini sama ada dari aspek sosial, agama, politik, ekonomi dan lain-lain. Pelajar perlu memberi respon terhadap isu yang hendak diulas melalui skrip yang diolah seperti Rajah 3.



Rajah 3 : Pemilihan isu

- **Pembelajaran berdasarkan pengalaman.**


Pelajar boleh mengolah skrip dalam penghasilan video secara kreatif apabila menggunakan pengalaman sendiri untuk diaplikasikan. Malah, nilai pengajaran dapat digarapkan apabila pengalaman pelbagai sumber susun sebagai skrip seperti Rajah 4.



Rajah 4 : Pengalaman diri

- Merujuk sumber yang berautoriti**


Pendedahan kepada sumber rujukan untuk menghasilkan skrip turut dititikberatkan supaya pelajar menyemak fakta agar tidak terpesong. Nilai autoriti perlu dijadikan sebagai asas dalam menghasilkan skrip yang baik seperti Rajah 5.



Rajah 5: Sumber Rujukan Diletakkan Pada Description

- Kemahiran aplikasi multimedia yang kreatif dan pembelajaran sepanjang hayat.**

Penggunaan multimedia yang kreatif serta susunan teks yang rapi turut memberi kesan terhadap penghasilan video. Malah, grafik dan audio yang jelas serta latar belakang yang menarik akan memberikan impak yang positif terhadap penonton video. Pelajar yang menghasilkan video kreatif ini akan meneroka pelbagai aplikasi suntingan video contohnya *capcut*, *inshot*, *kinemaster*, *filmora* dan sebagainya untuk menjadikan video lebih menarik seperti Rajah 6.



Rajah 6 : Suntingan melalui aplikasi teknologi

Penerapan Nilai - Nilai Murni Yang Berimpak Dan Memberi Pengajaran Bermakna.

Nilai yang baik perlu diterapkan dalam pembelajaran mahupun penghasilan video untuk pengajaran. Skrip yang baik apabila nilai -nilai murni boleh memberikan kesedaran kepada penonton dan mempelajari sesuatu yang bermakna. Hal ini kerana fungsi video ialah mampu mempengaruhi emosi dan perasaan serta menjadi bahan bantu pengajaran untuk memahami sesuatu konsep (Siti Hajar dan Rageni, 2019). Oleh hal yang demikian, nilai yang positif perlu sentiasa diperjelaskan dengan contoh dialog yang dihasilkan melalui video.

Kajian Syamsulaini dan Mashitoh (2016) terdiri menjelaskan tentang nilai daripada penghasilan video perlulah yang menarik perhatian, tingkatkan penumpuan, galakan kreativiti, inspirasi dan motivasi, kebebasan bersuara, cipta imej visual untuk memori dan keseronokan. Malah, penghasilan video kesedaran sosial ini memberikan nilai kolaboratif pelajar serta mengaitkan dalil agama atau penguatkuasaan undang - undang untuk memberi kesan dan nilai murni. Rajah 7 menunjukkan nilai murni yang cuba ditonjolkan dengan memberi peringatan dalil serta persoalan isu semasa yang memberi peluang kepada pelajar untuk mengamalkan nilai kerjasama dan sumbang saran yang positif.



Rajah 7 : Dalil yang dilampirkan dan sumbang saran isu

Kesimpulan

Penerapan nilai dalam menghasilkan video amat mendorong kepada kesedaran sosial. Elemen seperti menyusun skrip yang kreatif dengan memahami isu semasa serta pengalaman pembelajaran pelajar mendorong untuk persembahan video yang memberikan pengajaran.

Malah, teknik penyuntingan yang menarik serta disusun info dan maklumat boleh mendidik penonton video khususnya di youtube memahami proses penerapan nilai murni. Galakan kepada penghasilan video secara kreatif turut mendorong pelajar untuk meneroka ilmu baru dalam menghasilkan persesembahan video yang kreatif dan berimpak. Sehubungan dengan itu, implikasi dari video yang baik dalam menghasilkan pembelajaran yang bermakna dalam mempromosikan kesedaran sosial.

Rujukan

- Ilinadia Jamil, (2021). Video Animasi Sebagai Medium Pembelajaran Dan Pendekatan Kreatif Terhadap Kesedaran Covid-19 Bagi Pelajar Dalam Sesi Pembelajaran Terbuka Dan Jarak Jauh, *International Journal of Art & Design*, Vol. 5(1) : 1-13.
- Norshahila Ishak dan Fariza Khalid, (2021). Penggunaan video YouTube bagi Meningkatkan Minat dan Pencapaian murid dalam Pembelajaran Geografi Fizikal di Sekolah Menengah, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Vol. 6(3) : 228 - 240, DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i3.708>.
- Syamsulaini Sidek dan Mashitoh Hashim (2016). Pengajaran Berasaskan Video dalam Pembelajaran Berpusatkan Pelajar: Analisis dan Kajian Kritikal, *Journal of ICT in Education (JICTIE)*. Vol.3 : 24-33
- Syarfuni et, al (2021) Speaking Students' Improvement Through Critical Thinking Concepts And Youtube Media, *Psychology And Education* , Vol. 58(2): 9042-9049.
- Siti Hajar Halili dan Rageni Sugumaran, (2019). Faktor Mempengaruhi Penggunaan Video Youtube Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah dalam Kesusasteraan Tamil, *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, Vol. 7 (1): 39-45

MANHAJ RABBANI PENDUKUNG PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN INSANI

Norhaslina Sulaiman¹, Aiezzatul Akmaliyah Abdullah²

Politeknik Ungku Omar¹, Politeknik Kuala Terengganu²

norhaslina.su@puo.edu.my¹, aiezzatul@pkt.edu.my²

ABSTRAK

Ledakan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi memberi kesan besar terhadap kehidupan insan. Ia membuka peluang yang luas bagi manusia meneroka manfaat maupun mudarat secara bebas. Kerancakan globalisasi turut mempromosi doktrin-doktrin Barat yang menyimpang daripada nilai-nilai ketimuran masyarakat negara ini. Fenomena mensejagatkan nilai-nilai Barat dapat dilihat dalam aspek ekonomi, industri, urbanisasi, pemikiran, budaya, komunikasi media, hiburan dan pendidikan. Landskap persepsi dan ideologi insani kini galak dihidangkan dengan ideologi-ideologi Barat. Ini adalah usaha mereka untuk mencabut jati diri beragama dan patriotisme dalam diri masyarakat. Justeru, kehadiran suatu dasar yang bersepada dalam arena pendidikan umat amat diperlukan bagi memacu kelangsungan penghayatan etika dan peradaban insani terhadap generasi anak bangsa ini. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan mengenai cabaran globalisasi dan strategi memperkasa penghayatan etika dan peradaban insani dalam kalangan umat Islam di Malaysia menerusi pengenalan Dasar Manhaj Rabbani oleh pihak kerajaan. Sinergi antara tiga paksi utama dalam kehidupan insan iaitu thaqafah (keilmuan), ruhiyah (kerohanian) dan dakwah (aktivisme) perlu digarap demi menjamin kelangsungan hidup berakhlik dan berperadaban dalam kalangan modal insan individu, keluarga, masyarakat dan pemimpin negara.

Kata kunci: Manhaj Rabbani, penghayatan etika, peradaban, modal insan, globalisasi

Pengenalan

Individu, keluarga dan komuniti adalah struktur asas sosial yang penting dalam pembinaan sebuah negara (Ratna & Nik Haslinda, 2007). Pegangan nilai, etika dan jati diri yang terpasak dalam diri insani ini sangat berpengaruh dalam membina dan menentukan peradaban sesebuah negara. Bertitik tolak dari pegangan nilai individu, keluarga dan masyarakat inilah yang akhirnya menjadi kompas yang memandu hala tuju pentadbiran sesebuah negara (Zurina Mahadi & Hukil Sino, 2016). Hakikat sebuah pemerintahan dan kepimpinan di dalam Islam adalah untuk membawa manusia menuju reda Allah SWT (Mohd Izhar Ariff, 2010). Justeru, Manhaj Rabbani perlu direalisasikan dalam sistem kehidupan manusia.

Kehidupan harmoni tanpa prejudis mustahil akan terbina dalam komuniti majmuk sekiranya acuan atau sistem perundangan kehidupan yang dilaksanakan tidak mampu menjamin keamanan, kesejahteraan dan keadilan buat semua (Khairul Azhar et. al, 2020). Justeru, kehidupan beragama yang menjunjung prinsip menjamin keamanan dan kelestarian toleransi dan hormat-menghormati perlu disegarkan dalam kalangan masyarakat. Islam menawarkan suatu gagasan cara hidup yang membawa kerahmatan bagi seluruh makhluk. Hal ini kerana Islam merupakan Manhaj Rabbani.

Pernyataan Masalah

Manhaj Rabbani mensasarkan tujuh indikator yang perlu difokus dalam memperkasa pentadbiran Islam iaitu Perundangan dan Kehakiman Syariah, Pendidikan dan Pembangunan Insan, Sosio Ekonomi Ummah, Dakwah dan Media, Institusi Masjid, Kepimpinan dan Tadbir Urus serta Penyelidikan dan Kefatwaan (Berita Harian Online, 2021). Pemerkasaan bidang-bidang ini amat mustahak dalam membantu merealisasikan sistem kehidupan insan berteraskan Manhaj Rabbani.

Penghayatan terhadap Manhaj Rabbani selanjutnya akan membentuk pegangan sistem nilai dan etika yang benar bagi memandu manusia untuk mencapai tahap ketamadunan dan peradaban yang diiktiraf oleh agama (Sitti Amrah, 2018). Elemen utama yang terdapat dalam Manhaj

Rabbani iaitu Thaqafah (pembudayaan ilmu), Ruhiyah (kerohanian) dan Dakwah (aktivisme) sangat berhubung rapat dengan pembentukan penghayatan etika dan peradaban insan (Muhammad Alihanafiah, 2011).

Objektif

Elemen Thaqafah (keilmuan) akan membentuk insan yang bertindak secara rasional, benar dan menepati syariat. Elemen Ruhiyah atau kerohanian tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan. Insan yang memiliki akhlak dan keperibadian mulia pasti menghayati nilai-nilai murni, sifat terpuji serta mengamalkan prinsip kesusilaan yang membawa kepada perpaduan dan keharmonian kaum. Manakala elemen Dakwah (aktivisme) bertujuan membentuk sifat peduli terhadap makhluk insani tanpa mengira latar belakang agama, bangsa dan keturunan. Ia hendaklah dijalankan atas dasar kasih sayang sesama insan kerana tuntutan ini adalah perintah daripada Allah SWT (Khadijah Khambali & Mohd Herzali, 2008).

Cabaran globalisasi terhadap penghayatan etika dan peradaban

- **Definisi globalisasi**

Globalisasi merujuk kepada suatu proses pensejagatan nilai oleh kuasa-kuasa besar dan kepimpinan Barat terhadap masyarakat dunia (Sidek Baba, 2003). Ahmad Hakimi, Khairuddin dan Faridah Che Husain, (2006) menjelaskan globalisasi sebagai fenomena dunia berfungsi sebagai sebuah entiti yang sepada. Menurut Ros Aiza mohd Mokhtar, Abd Hakim Mohad, Dg Hafizah Ag Basir & Siti Halimah Puntung, (2011), globalisasi adalah suatu tindakan manusia menerima idea, nilai, gagasan, proses dan sistem yang dihimpunkan dan disediakan oleh pihak Barat.

Menurut pandangan tokoh sarjana Islam, Profesor Dr. Yusuf al-Qaradawi (1999), globalisasi merupakan pemakaian kuasa Barat terhadap dunia khususnya dunia timur dan negara-negara Islam supaya akur terhadap acuan politik, ekonomi, kebudayaan dan sosial mereka. Mahmood Zuhdi (2010) menyatakan globalisasi sebagai tindakan menjadikan moral atau nilai lain yang bersifat antarabangsa dari aspek budaya, sosial, ekonomi dan politik terhadap negara atau bangsa lain sama ada secara rela atau paksaan.

Ringkasnya, globalisasi dapat dijelaskan sebagai suatu proses menerima pakai sistem nilai dan gagasan sekular dalam pelbagai aspek kehidupan secara paksaan oleh hegemoni Barat terhadap masyarakat dunia. Hal ini akhirnya menyebabkan masyarakat dunia umumnya dan umat Islam khususnya kehilangan identiti dan jati diri dalam mengendalikan urusan kehidupan berteraskan prinsip agama. Natijahnya, lahirlah kelompok masyarakat yang mengagung-agungkan kemodenan nilai serta ketamadunan ilmu yang digagaskan oleh Barat.

- **Manfaat globalisasi terhadap kehidupan manusia**

Kebijaksanaan dalam mendepani agenda globalisasi perlu diberi perhatian. Hal ini supaya, globalisasi benar-benar dalam memberi manfaat kepada kehidupan manusia bukan sebaliknya. Profesor Chandra Muzaffar (Joseph A. Camilleri dan Chandra Muzaffar dalam Osman Bakar, 2008) telah menyenaraikan manfaat dan mudarat yang boleh didapati daripada ledakan globalisasi. Menurut beliau terdapat lapan manfaat boleh diperolehi oleh masyarakat dunia daripada globalisasi iaitu; (1) kemunculan peluang pekerjaan dan pengecilan jumlah negara miskin hasil daripada kemasukan pelabur asing, (2) pertambahan mobiliti sosial dan pengukuhan kelas pertengahan, (3) jaringan teknologi maklumat dan komunikasi yang luas dalam aspek penyebaran maklumat dan ilmu pengetahuan, (4) jaringan komunikasi menjadi lebih mudah dan murah, (5) peluang interaksi yang lebih luas dalam kalangan etnik pelbagai latar belakang ras, budaya dan agama, (6) perkongsian simpati dan empati terhadap isu-isu kemanusiaan, bencana alam dan sebagainya dapat dizahirkan tanpa sempadan geografi, (7) gagasan, idea dan implementasi tadbir urus pemerintahan yang baik dapat ditonjolkan dan (8) keadilan terhadap hak-hak asasi wanita dipelihara.

- **Keburukan globalisasi terhadap kehidupan manusia**

Di samping tawaran manfaat globalisasi terhadap masyarakat dunia, globalisasi turut memberikan mudarat. Profesor Chandra Muzaffar telah menyenaraikan 13 mudarat daripada globalisasi seperti berikut; (1) kemerosotan kualiti alam sekitar akibat ketamakan mengaut keuntungan, (2) wujud jurang ekonomi dan pembangunan yang ketara antara negara dan sektor-sektor ekonomi, (3) pengabaian keperluan asas bagi penduduk-penduduk miskin, (4)

ketidakseimbangan modal di pasaran akibat pengaliran modal peribadi sebagai komoditi keuntungan, (5) perbezaan jurang pendapatan antara negara semakin lebar dan pengangguran semakin meningkat, (6) penyebaran budaya dan nilai-nilai hidup yang tidak selari dan merendahkan ketamadunan insan; (7) mempromosikan pembentukan suatu budaya global yang homogen melalui sebaran media dan alat komunikasi global, (8) pembugaran budaya pop Amerika yang mematikan kerohanian dan menghidupkan hedonisme, (9) pengabaian disiplin ilmu kemanusiaan dan kemasyarakatan di peringkat institusi pengajian tinggi sebaliknya diberi keutamaan kepada kursus-kursus pengurusan dan teknik, (10) kebanjiran maklumat yang tidak bermanfaat, (11) dominasi politik dengan wasilah tipu muslihat oleh kuasa Amerika dan sekutunya, (12) pengantarabangsaan jenayah sehingga sukar dibendung dan (13) penularan penyakit melibatkan komuniti antarabangsa secara berleluasa (Osman Bakar, 2008).

Berdasarkan sejumlah baik buruk yang telah disenaraikan oleh Dr. Chandra Muzaffar (mantan pensyarah di Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya) berkaitan globalisasi, umat Islam hendaklah bijak dalam menerima tawaran globalisasi. Sejumlah mudarat yang disenaraikan adalah berkaitan dengan agenda keruntuhan nilai dan peradaban insani melalui sistem dan gaya hidup yang diperkenalkan. Nilai-nilai globalisasi ini bakal menatihkan keruntuhan peradaban manusia jika diterima bulat-bulat tanpa tapisan.

Penerimaan total terhadap globalisasi tanpa batasan lambat laun akan menghakis peradaban dan nilai budi, budaya dan pegangan agama insan sekiranya tiada usaha mengekang mudarat globalisasi ini. Umat Islam khususnya perlu berpegang teguh dengan ajaran Islam dan syariat Allah SWT kerana hanya Islam membawa kepada kejayaan dan kebahagiaan yang sebenar dan hakiki (al-Falah) (Khaerul Aqbar, Azwar Iskandar, Akhmad Hanafi Dain Yunta, 2020; Hasan Al-Banna, Ab. Mumin Ab. Ghani & Siti Arni Basir ,2013). Justeru, Dasar Manhaj Rabbani yang diperkenalkan oleh kerajaan mestilah disambut baik oleh setiap institusi pendidikan di segenap peringkat untuk memastikan pembinaan watak dan nilai jati diri generasi anak bangsa ini beraksi kepada penghayatan agama dan etika yang murni.

Metodologi

Strategi memperkasa penghayatan etika dan peradaban insani

- Memperkasa tarbiyah ruhiyah**

Pembangunan modal insan Rabbani pasti menemui kebuntuan jika elemen tarbiyah dan thaqafah di kesampingkan. Sa'id Hawa dalam karyanya *Ihya' al Rabbaniyah* menyatakan pendidikan keilmuan Islam yang sempurna dan pendidikan akhlak sebagai komponen penting dalam memugarkan dan memastikan pencapaian matlamat dasar ini. Tarbiyah ruhiyah adalah satu proses pendidikan yang melentur roh dan rohani agar seiring dengan matlamat Manhaj Rabbani iaitu menunaikan tanggungjawab insani sebagai hamba dan khalifah Allah SWT yang bertaqwah (Muhammad Talhah Ajmain et. al, 2020; Asmawati Suhid, 2016).

Dr. Abdullah Nasih Ulwan dalam bukunya Tarbiyah Ruhiyah menjelaskan bahawa penyediaan tarbiyah ruhiyah menjadi kekuatan kepada manusia untuk menjalani kehidupan ini dengan mudah dan ringan. Amalan-amalan kerohanian seperti qiamullail, berpuasa, tilawah al-Quran dan berzikir mampu memperkasa tarbiyah ruhiyah insan. Beliau turut menyenaraikan lima faktor penting dalam memperkasa tarbiyah ruhiyah iaitu mu`ahadah (mengingati perjanjian terhadap Allah SWT), muraqabah (merasakan keagungan Allah SWT), muhasabah (menghisab diri), muaqabah (hukuman) dan mujahadah (bersungguh-sungguh).

Natijah daripada tarbiyah ruhiyah yang benar akan menghasilkan kesempurnaan amal pada anggota jasmani, intelek dan emosi seiring syariat Allah SWT. Ini seterusnya akan menggerakkan insan melaksanakan tuntutan dakwah yang memberi manfaat lebih luas kepada ummah.

- Membugar pembudayaan ilmu (thaqafah)**

Sejarah telah memahat bukti bahawa bangsa yang berjaya adalah bangsa yang berilmu (Ratna Roshida & Nik Haslinda, 2007). Menurut Profesor Wan Mohd. Nor Wan Daud (2003), ciri-ciri yang merujuk kepada individu atau masyarakat memiliki budaya ilmu ialah; (1) wujud satu keadaan yang menunjukkan anggota masyarakat melibatkan diri dengan kegiatan keilmuan di setiap

kesempatan, (2) wujud pembuatan keputusan di peringkat individu atau masyarakat berdasarkan ilmu pengetahuan sama ada hasil pengkajian atau syura dan (3) menolak sikap jahil, bebal dan anti-ilmu dalam kalangan individu atau masyarakat.

Umat Islam seharusnya menjadi umat yang cintakan ilmu pengetahuan kerana ini adalah tuntutan Tuhan terhadap manusia yang melaksanakan tugas khalifah di muka bumi ini. Antara usaha memupuk budaya ilmu yang telah diusahakan di pelbagai peringkat institusi pendidikan ialah melalui pemeriksaan integrasi ilmu aqli dan naqli dalam aspek pengajaran, penyelidikan, inovasi, khidmat masyarakat dan pembelajaran sepanjang hayat.

- **Memacu dakwah secara bersepadu**

Agama Islam tidak jumud dalam menerima arus kemajuan dan kemodenan yang dicipta oleh masyarakat dunia pada masa kini. Bahkan agama Islam adalah agama yang bersifat futuristik yang bukan sekadar membincangkan persoalan dunia bahkan berkesinambungan hingga ke alam akhirat. Oleh itu, umat Islam hendaklah kembali berpegang teguh dengan melaksanakan dasar-dasar Islam yang syumul. Pencapaian dan kemajuan yang hakiki bukanlah dengan mencontohi kemodenan Barat tanpa batasan tetapi seteguh mana syariat Islam berjaya dipertahankan dalam kemodenan kehidupan.

Oleh itu, melunaskan amanah dakwah adalah suatu kefarduan kepada setiap individu Muslim. Setiap umat Islam mesti menggembling tenaga untuk mengeluarkan manusia daripada kegelapan jahiliyah kepada cahaya Islam. Antara tanggungjawab dakwah yang perlu dilaksanakan adalah dengan memanfaatkan media sebagai platform dakwah yang berkesan. Penyampaian dakwah secara kreatif, santai dan pelbagai mampu menyampaikan mesej dakwah kepada pelbagai lapisan masyarakat pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

Para pendakwah perlu bersaing dengan lambakan tawaran program hedonisme yang melalaikan dan berusaha menarik masyarakat untuk kembali mencintai Islam dan meninggalkan cara hidup jahiliyah. Malah, usaha dakwah juga perlu dilakukan terhadap kelompok bukan Islam sebagai usaha untuk membawa mereka kembali kepada fitrah insani (Mohd Huzairi et. al., 2015). Usaha

dakwah ini perlu dilakukan secara kolektif kerana ini adalah sunah yang diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW.

Kesimpulan

Tiada jalan singkat bagi umat Islam mencapai kemajuan melainkan dengan persiapan rapi dan kukuh dalam membangunkan insan dari aspek pendidikan dan pembentukan akhlak. Usaha ini perlu dimulakan dengan kefahaman manusia terhadap tasawur Islam dan hakikat tujuan penciptaan manusia oleh Allah SWT untuk mengabdikan diri sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Peranan muhasabah dan menyemak kembali manhaj hidup dan nilai-nilai pegangan masyarakat yang berlandaskan prinsip kerohanian dan akhlak berprinsipkan agama Islam perlu dilaksanakan demi menjamin kelestarian penghayatan etika dan peradaban masyarakat di negara ini. Umat ini perlu disedarkan bahawa tujuan penciptaan manusia oleh Allah SWT bukan sekadar untuk melalui detik kini sahaja, bahkan manusia bakal menempuh detik yang lebih abadi di alam akhirat kelak. Justeru, pilihan tepat yang ada bagi manusia adalah untuk hidup berpandukan agama dan syariat Tuhan kerana peraturan yang dicipta oleh Tuhan tidak sesekali menzalimi hamba-hamba-Nya.

Rujukan

- Ahmad Hakimi, Khairuddin & Faridah, Che Husain. 2006. *Isu-Isu Kontemporari Dalam Tamadun Islam Dan Tamadun Melayu*. Dlm. (pnyt.) *Tamadun Islam Dan Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Qaradhawi, Yusuf Abdullah. 1999. *Al-Fiqh al-Islami Baina al-Asolah wa at-Tajdid*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Asmawati Sistem Pengurusan Islam yang Berkualiti Mampu Menjamin Kepuasan Pekerja: Suatu Realiti dan Cabaran Masa Hadapan. GJAT Vol. 3 Issue 1. Pp 67-84
- Asmawati Suhid. 2016. Pengajaran Adab & Akhlak Islam dalam Membangunkan Modal Insan. Jurnal Pengajian Umum. Bil. 8. 167-178

Hasan Al-Banna Mohamed, Ab. Mumin Ab. Ghani, Siti Arni Basir. 2013. *Sistem Pengurusan Islam yang Berkualiti Mampu Menjamin Kepuasan Pekerja: Suatu Realiti dan Cabaran Masa Hadapan*. GJAT Vol 3 (1), 67-84.

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Mohd Herzali Mohd Haled. 2008. *Toleransi Beragama dan Amalannya di Malaysia: Rujukan kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia*. Jurnal Usuluddin, Bil.(27), 81-92.

Khaerul Aqbar, Azwar Iskandar, Ahmad Hanafi Dain Yunta, 2020. *Konsep al-Falah dalam Islam dan Implementasinya dalam Ekonomi*. Bustanul Fuqaha. Jurnal Bidang Hukum Islam. Vol. 1, No. (3), 516-531.

Khairul Azhar Meerangani, Muhammad Ikhlas Rosele & Syamsul Azizul Marinsah. 2020. *Pendekatan Wasatiyyah dalam Interaksi Inter-Agama di Malaysia*. MANU Bil.31 (2), 19-46.

Mahmood Zuhdi. 2010. *Transformasi Fikah Semasa*. Kuala Lumpur: PTS Sdn. Bhd.

Mohd Huzaiti Awang @ Husain, Hajarul Bahti Zakaria, Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib & Nabiroh Kassim. 2015. *Kepentingan Dakwah Kepada Golongan Bermasalah Pendengaran: Satu Keperluan*. Researchgate.

Muhammad Talhah Ajmain @ Jima`ain, Muhammad Anas Mohamad Yaakub, Siti Nur Hadis A Rahman, Ahmad Marzuki Mohamad, 2020. *Tingkah Laku dan Peranan Institusi Keluarga dalam Membantu Ekonomi dan Masyarakat Lestari*. UMRAN International Journal of Islamic and Civilizational Studies, 89-101.

Muhamad Alihanafiah Norasid. 2011. *Manhaj Rabbani oleh Sa`id Hawwa dalam Pembangunan Modal Insan: Tumpuan kepada Karya al-Asas fi al-Tafsir*. Jurnal Usuluddin (33), 89-112.

Mohd Izhar Ariff Mohd Hashim, 2010. *Prinsip dan Model Negara Islam: Definisi dan Aplikasinya di Malaysia*. Journal of Governance and Development Vol. 6, 53-68.

Osman Bakar, 2008. *Pengaruh Globalisasi Terhadap Peradaban*. Jurnal Dialog Peradaban Volume 1, 75-97.

Ratna Roshida Abd. Razak & Nik Haslinda Nik Hussain. 2007. *Peranan Institusi Keluarga dalam Penjanaan Bangsa Bertamadun*. Jurnal Kemanusiaan Bil. 9, 73-82.

Ros Aiza Mohd Mokhtar, Abd Hakim Mohad, Dg Hafizah Ag Basir & Siti Halimah Putung. 2011. *Tamadun Islam & Tamadun Asia (Titas)*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

- Sidek Baba. 2003. *Globalisasi Dan Cabaran Pendidikan Islam*. Dlm. Suzalie Mohamad (pnyt.). *Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam Di Malaysia*, hlm. 3-13. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Sitti Amrah. 2018. *Karakter Rabbani sebagai Medium Pembentukan Kecerdasan Spiritual dalam Proses Pembelajaran (Sebuah Analisis Empiris pada SDIT Kota Palopo)*. *Jurnal Pendidikan Islam El-Tarbawi*, 1-20.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. 2003. *Budaya Ilmu Satu Penjelasan*. Pustaka National Pte. Ltd. Singapura.
- Zurina Mahadi & Hukil Sino. 2016. *Hubungan Nilai Masyarakat dan Pembangunan: Satu Analisa*. *Jurnal Pengajian Umum Bil. 8*, 77-94.

PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN FAIL ASET

Norzeti Binti Zainal¹, Nor Idalaila Binti Aziz²

Kolej Komuniti Bandar Darulaman

norzeti@staf.kkbda.edu.my¹, idalaila@staf.kkbda.edu.my²

ABSTRAK

Pengurusan aset yang sistematik, menyeluruh dan bersepadan perlu diwujudkan selaras dengan dasar penambahbaikan berterusan terhadap sistem penyampaian sektor awam. Pengurusan aset di Kolej Komuniti Bandar Darulaman (KKBDA) yang pada mulanya dilaksanakan secara manual tanpa sistem telah mengalami pelbagai fasa penambahbaikan. Objektif pengurusan fail aset yang cemerlang ialah maklumat aset yang sistematik, berintegriti dan mudah dicapai. Dengan jumlah aset yang semakin bertambah setiap tahun, pemantauan dan pengurusan aset tidak hanya berlaku dalam talian. Antara masalah yang dihadapi oleh Unit Pengurusan Aset (UPA) dalam pengurusan dokumen ini ialah kad hilang, kad dicetak beberapa kali daripada sistem kerana kad tidak dijumpai, pencarian kad yang mengambil masa terlalu lama, laporan yang diminta tidak menentu serta kebergantungan kepada Sistem Pemantauan dan Pengurusan Aset (SPPA). Justeru, bagi mengatasi masalah-masalah tersebut, UPA mengambil inisiatif membina pangkalan data menggunakan perisian Microsoft Excel. Fasa-fasa yang terlibat merangkumi; pengumpulan maklumat aset dari SPPA ke dalam pangkalan data Microsoft Excel, menggunakan dan memanipulasi data (fungsi filter, sort dan formula), menyusun kad dan mewujudkan fail dengan menggunakan teknik Plan-Do-Check-Action bagi mendapatkan susunan fail yang terbaik. Kesimpulannya, impak besar yang diperolehi ialah UPA dapat memastikan bilangan kad yang tepat, kad dapat dikesan dengan mudah (tiada pengulangan cetakan daripada sistem) serta kehilangan kad dapat dielakkan. Disamping itu, Sistem Pengurusan dan Pemantauan Aset secara fizikal di KKBDA lebih teratur dan mengikut Tatacara Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa.

Kata Kunci: Aset, Pengurusan,Sistem Fail

Pengenalan

Kerajaan memberi penekanan yang serius terhadap pengurusan aset kerana pelaburan besar yang telah dibuat terhadap pembangunan dan penyediaan aset. Aset kerajaan bermaksud harta benda kepunyaan atau milikan atau di bawah kawalan kerajaan yang dibina atau dibeli atau yang disewa beli atau yang dipajak dengan wang kerajaan atau yang diterima melalui sumbangan atau hadiah atau proses perundangan atau diperoleh melalui sumber liar atau pambiakan atau penyelidikan atau warisan.

Kementerian Kewangan Malaysia telah membangunkan satu sistem bersepadu iaitu Sistem Pemantauan dan Pengurusan Aset (SPPA) bagi merekod, mengurus dan menyelenggara Aset Kerajaan terutamanya Aset Alih yang melibatkan hampir semua institusi dan agensi kerajaan. Penggunaan SPPA ini dilihat memberi impak yang besar kepada semua Pegawai Aset dalam mengendalikan aset di agensi masing-masing. Walaupun sistem ini membantu secara dalam talian, tetapi dari segi operasinya memerlukan pengurusan sistem fail yang cekap dan teratur agar Tatacara Pengurusan Aset yang telah ditetapkan oleh kerajaan dipenuhi.

Pernyataan Masalah

Buat masa ini, status aset alih di KKBDA yang didaftarkan dalam SPA dari tahun 2001 sehingga 2021 menghampiri 6000 unit aset yang berjumlah RM7.9k. Maka dengan jumlah aset yang semakin bertambah setiap tahun, pemantauan dan pengurusan aset tidak hanya berlaku di alam maya. Ianya dizahirkan secara fizikal dalam bentuk kad. Kad perlu dicetak, asetnya perlu diselenggara, pemeriksaan perlu dilakukan dan jika aset ini sudah tidak boleh digunakan maka proses pelupusan pula perlu dilakukan. Maka semua proses ini saling berkait dan yang paling penting ialah proses dokumentasi dan capaian dokumen kepada semua pemegang proses adalah mudah dan sistematik.

Masalah utama yang dihadapi oleh Unit Pengurusan Aset (UPA) di dalam menguruskan dokumen ini ialah:-

- i. Kad hilang
- ii. Kad dicetak beberapa kali daripada sistem kerana kad tidak dijumpai
- iii. Pencarian kad yang mengambil masa terlalu lama kerana tidak mengetahui lokasi kad di dalam fail

Masalah-masalah seperti kad hilang dan kad dicetak semula adalah berpunca daripada capaian pemegang proses bagi kad tersebut. Capaian pemegang proses untuk kad perlu diminimumkan. Beberapa fasa penambahbaikan telah dilakukan.

Fasa 1: Sebelum Sistem SPPA dimulakan sepenuhnya, kad yang diwujudkan secara fizikal disimpan oleh semua unit di bawah Penyelia Harta Modal dan Inventori Unit. Oleh kerana terdapat lima (5) unit iaitu Unit Komputer, Unit Elektrik, Unit Automotif, Unit Senibina dan Unit Pentadbiran maka terdapat lima lokasi penyimpanan kad. Apabila laporan diperlukan, Pegawai Aset perlu mengumpul maklumat daripada lima unit terbabit dan ini menyebabkan data berbeza-beza setiap kali laporan dikemukakan kepada jabatan.

Fasa 2: Setelah penggunaan Sistem SPPA, iaitu pada tahun 2015 penambahbaikan telah dilakukan iaitu semua Kad Kew Pa disimpan secara berpusat di dalam Bilik Pegawai Aset mengikut tahun. Kaedah ini membolehkan kad-kad boleh disahkan bilangannya mengikut bilangan aset yang didaftarkan pada tahun semasa dan memudahkan laporan tahunan. Walaubagaimanapun, masalah yang dihadapi oleh UPA iaitu capaian pengguna yang ramai untuk satu fail. Selain itu, kaedah menyimpan kad mengikut tahun ini menyebabkan setiap pegawai yang menguruskan aset perlu mencapai banyak fail. Seperti contoh Pegawai Pemeriksa Aset Alih yang memeriksa Bengkel Teknologi Elektrik mempunyai aset yang dibeli dari tahun 2001 ke 2015 perlu mencapai hampir semua fail tersebut dan perlu berkongsi fail dengan pemeriksa yang lain. Keadaan ini menyebabkan kesukaran untuk mengawal kad dan kad masih hilang di dalam fail.

Antara masalah lain yang timbul daripada Unit Pengurusan Aset ialah

a. Laporan yang tidak menentu

Oleh kerana pekeliling yang berubah mengikut keadaan semasa dan sentiasa dikemaskini, permintaan laporan daripada jabatan kepada UPA di KKBDA juga adalah tidak menentu. Ini menyebabkan data sukar diambil daripada sistem dan perlu diubahsuai mengikut permintaan.

Mulai tahun 2018 pula, Pegawai Aset juga terlibat dengan Sistem Perakaunan Akruan Aset dan laporan aset bernilai RM2,000.00 ke atas juga perlu dipantau di dalam Sistem iGFMAS. Laporan seperti nilai semasa aset perlu dan nilai buku aset sebenarnya perlulah selari dan sama dengan nilai di dalam SPPA.

b. Kebergantungan kepada SPPA

Sistem Pemantauan dan Pengurusan Aset yang dibangunkan oleh Kementerian Kewangan masih dalam keadaan penambahbaikan. Apabila *server* ditutup bagi proses ini, segala kerja-kerja berkaitan dan laporan-laporan yang diminta tidak boleh dicapai. Ini menyebabkan gangguan ke atas kerja-kerja yang sedang dilaksanakan.

Metodologi

Mulai tahun 2015 Unit Pengurusan Aset, telah mula mengambil inisiatif untuk membuat satu sistem pangkalan data di dalam perisian *Microsoft Excel (Ms Excel)* bagi menangani masalah-masalah yang timbul.

- Fasa 1: Pembinaan dan pengumpulan maklumat aset di dalam SPPA ke dalam pangkalan data Microsoft Excel (Ms Excel).

Fasa pertama ini, dimulakan dengan memuat turun maklumat harta modal dan inventori/ aset bernilai rendah ke dalam excel. Data yang dimuat turun ini dibina di dalam dua (2) fail iaitu:

- i. Kew Pa 4 (mulai 2018 dikenali Kew Pa 5)
- ii. Kew Pa 5 (mulai 2018 dikenali Kew Pa 6)

Data ini kemudiaannya disemak supaya sama di dalam sistem SPPA.

- Fasa Kedua: Menggunakan data

Data yang dimuat turun ini kemudiannya digunakan mengikut keperluan yang tidak terdapat di dalam penggunaan sistem. Antaranya lajur-lajur yang boleh ditambah mengikut keperluan ialah penggunaan tapisan (filter) mengikut carian yang dikehendaki. Di sinilah bermulanya Unit Pengurusan Aset menggunakan kelebihan *Ms excel* berbanding dengan aplikasi yang lain. Satu lajur FAIL dibina dan setiap kad dinyatakan nama fail seperti pada Rajah 1.

A BIL	B NO SIRI PENDAFTARAN	C NAMA ASET	D TARIKH PEROLEHAN**	E HARGA PEROLEHAN ASAL (RM)	F LOKASI	G FAIL	H SATUAN (AKTIVITI DAN SUMBANG DAN BELIA)	I No. Aset Subnomor	J TERSEDIA PEROLEHAN SEMASA (RM)
1	KPTIKKBDH0101	PERALATAN DAN KELENGKAPAN BENGKEL / KEJURUTERAAN / MESIN PERALATAN MEKANIKAL DAN LIGAMAN	29/11/2001	2,871.45	TE1	H2		100001023905-0	
2	KPTIKKBDH0102	PERALATAN DAN KELENGKAPAN BENGKEL / KEJURUTERAAN / MESIN PERALATAN MEKANIKAL DAN LIGAMAN	29/11/2001	2,871.45	TE1	H2		100001023946-0	
3	KPTIKKBDH0103	PERALATAN DAN KELENGKAPAN BENGKEL / KEJURUTERAAN / MESIN PERALATAN MEKANIKAL DAN LIGAMAN	29/11/2001	1,910.00	TE1	H2			
4	KPTIKKBDH0104	PERALATAN DAN KELENGKAPAN BENGKEL / KEJURUTERAAN / MESIN PERALATAN MEKANIKAL DAN LIGAMAN	29/11/2001	1,910.00	TE1	H2			
5	KPTIKKBDH0105	LOMBA KUASA				H2			
6	KPTIKKBDH0106	PERALATAN DAN KELENGKAPAN BENGKEL / KEJURUTERAAN / MESIN PERALATAN ELEKTRIK	20/11/2001	1,470.00	TE1	H2			

Rajah 1: Lajur dibina mengikut keperluan

Setelah semua kad dinyatakan nama fail, analisis data dan penggunaan formula yang terdapat di dalam *Ms Excel* boleh digunakan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.

KOD	TEMPAT	UNIT	BIL KAD	JUMLAH KEW PA 2
H1	MAKMAL EE1	ELEKTRIK	101	383
H2	BENGKEL TE 1	ELEKTRIK	93	
H3	BENGKEL TE 2	ELEKTRIK	95	
H4	BENGKEL PE 1, PE 2, PE3 DAN MK4 (10), BK1 DAN	ELEKTRIK	94	155
H5	BENGKEL AUTOMOTIF 1	AUTOMOTIF	53	
H6	BENGKEL AUTOMOTIF 2 DAN BK4,5,6	AUTOMOTIF	35	
H7	AUTOMOTIF SELAIN BENGKEL	AUTOMOTIF	67	
H8	SENIBINA	SENIBINA	135	135
H9	MAKMAL EE2	KOMPUTER	83	
H10	MBK, MRK DAN MAKMAL APLIKASI	KOMPUTER	86	211
H11	MK1, MK2 DAN MK3 DAN BK7	KOMPUTER	42	
H12	UNIT PSH	PSH	92	92
H13	PENGAJIAM AM	PENGAJIAM AM	11	11
H14	PENTADBIRAN	TAHUN 2001-2014	167	194
H15	PENTADBIRAN	TAHUN 2015 - KINI	27	
JUMLAH KAD KEW Pa 2			1263	1263

Rajah 2: Hasil analisis

Dengan analisis ini, UPA dapat memantau bilangan kad yang terdapat di dalam satu fail. Unit Pengurusan Aset memilih kaedah menyimpan fail mengikut keutamaan lokasi aset dan kemudian unit aset ditempatkan.

Analisis data lain-lain seperti nilai perolehan aset di dalam setiap lokasi juga boleh dilakukan dengan menggunakan kelebihan *Ms Excel*. Seperti contoh Makmal Elektronik dan Elektrik 1, yang menggunakan fail H1 mempunyai Harta Modal bernilai RM160,209.00 seperti Rajah 3.

75	BGN/BA/02/B006	UNIT EXAM KKBDA	H14	15	48,033.70
76	BGN/BA/02/B007	MAKMAL ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK 1	H1	101	160,209.00
77	BGN/BA/02/B008	MAKMAL ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK 2	H9	83	138,796.30

Rajah 3: Analisis nilai aset di lokasi

- Fasa Ketiga: Penyusunan fail

Setelah data ini dianalisis, semua kad-kad telah disusun kembali. Proses pembinaan dan penyusunan fail ini telah bermula semenjak tahun 2015. Walaubagaimanapun, tiada ketetapan yang terbaik bagi meminimumkan penggunaan capaian pengguna setiap fail. Teknik Plan- Do- Check- Action dilakukan bagi mendapatkan susunan fail yang terbaik.

Antara teknik susunan yang pernah dilakukan ialah:-


- i. Fail mengikut tahun iaitu;-
 - a. HM – 2001, 2002, 2003
 - b. ABR – 2001, 2002, 2003 ...

Kaedah ini dapat mengesan jumlah perolehan aset secara tahunan, tetapi mempunyai capaian pengguna yang ramai.

- ii. Fail mengikut unit
 - a. HM - Unit Elektrik, Unit Komputer, ...
 - b. ABR - Unit Elektrik, Unit Komputer, ...

Kaedah ini memudahkan unit khasnya, tetapi menyukarkan Pegawai Pemeriksa, Pegawai Pelupusan dan Pegawai Aset, Penolong Jurutera (kemaskini penyelenggaraan) untuk memantau dan mengemaskini aset yang berkongsi kad iaitu merujuk kepada Inventori mengikut Pekeliling sebelum tahun 2014. Seperti contoh, perolehan meja tahun 2005 sebanyak 13 unit (No kad: KPT/KKBD/I/05/847-859) diagihkan kepada lapan lokasi untuk lima unit program. Siapakah pemegang ‘Surat beranak’ bagi perolehan aset ini?

Sehingga tahun 2018, setelah beberapa kaedah dan pemerhatian dilakukan, UPA telah mengambil keputusan untuk menyusun fail, mengikut lokasi sebagai keutamaan dan kemudian unit yang bertanggungjawab seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 4.



Rajah 4: Susunan fail dan bilangan kad pada

Setelah siap pembinaan fail, pangkalan data iaitu Kew Pa 5 dan Kew Pa 6 (Senarai Harta Modal dan Senarai Aset Bernilai Rendah) ini disimpan dalam *cloud storage* dengan menggunakan platform ‘Google Drive’ dan dikongsi kepada semua pegawai yang berkepentingan sebagai viewer sahaja untuk memudahkan carian dan pengesanan kad.

Kesimpulan

Setelah melaksanakan sistem pengurusan fail aset ini, impak besar yang diperolehi ialah UPA dapat memastikan bilangan kad yang tepat, kad dapat dikesan dengan mudah dan tidak lagi berlaku salinan kad baru untuk asset yang sama dicetak daripada sistem. Kehilangan kad dapat dielakkan dan carian kad adalah lebih mudah. Sistem Pengurusan dan Pemantauan Aset secara fizikal di kolej lebih teratur dan mengikut Tatacara Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa. Manakala susunan kad di dalam fail dengan kaedah ini, capaian pengguna fail dapat dikawal. Selain itu, penggunaan *Ms Excel*, membantu Unit Pengurusan Aset di dalam mengemukakan laporan yang diminta tanpa bergantung sepenuhnya kepada SPPA.

Rujukan

Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (2009, Mac 23). Dimuat turun daripada <http://www.jmm.gov.my/files/DPAK%28Versi2023Mac2009%29.pdf>


Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan. (2018, April 23). Dimuat turun daripada <https://ppp.treasury.gov.my/topik/fail/22/muat-turun>.

Tugas dan Tanggungjawab Unit Pengurusan Aset. Bahagian Pengurusan Aset Awam Perbendaharaan Malaysia. (n.d). Dimuat turun daripada <https://www.mohe.gov.my/muat-turun/warga/manual-dan-garis-panduan-1/pengurusan-aset/395-tugas-dan-tanggungjawab-unit-pengurusan-aset>.

Shahrul Annuar , Suhaila (2018, Oktober 8). Kajian semula DPAK pastikan aset kerajaan diurus secara sistematis. Berita Harian Online. Dicapai daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/483194/kajian-semula-dpak-pastikan-aset-kerajaan-diurus-sekara-sistematis>.



e ISBN 978-967-16178-5-4



9 7 8 9 6 7 1 6 1 7 8 5 4



KOLEJ KOMUNITI BANDAR DARULAMAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI